



**ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM**

# **PENGAJIAN LINGUISTIK ARAB & KETAMADUNAN**



**(SIRI 5) 2024**

**PENYUNTING:  
NORFAEZAH MOHD HAMIDIN**

**ISU-ISU KONTEMPORARI  
DALAM PENGAJIAN  
BAHASA  
DAN KESUSASTERAAN ARAB  
(SIRI 5) 2024**

**PENYUNTING  
NORFAEZAH MOHD HAMIDIN**

**PENERBIT FPPI  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
2024**

---

# HAK CIPTA

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), UIS, 2024

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku digital ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)

Universiti Islam Selangor (UIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan  
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>  
03-89117000 ext: 7167

e ISBN 978-967-2808-44-2

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN BAHASA DAN KESUSASTERAAN  
ARAB (SIRI 5) 2024

---

# ISI KANDUNGAN

		HALAMAN
	KATA PENGANTAR	v
	PRAKATA	vi
	PENDAHULUAN	vii
<b>BAB 1</b>	<b>KEPENTINGAN DAN PERANAN BAHASA ARAB DALAM MELESTARIKAN KEHARMONIAN MASYARAKAT MADANI</b> Norfaezah Mohd Hamidin	1
<b>BAB 2</b>	<b>IMAM NAWAWI R.A DAN SUMBANGANNYA DALAM BIDANG BAHASA ARAB</b> Md Noor Hussin, Idi Hamdi, Mariam Daud, Mohamad Syukri Abdul Rahman	13
<b>BAB 3</b>	<b>STRATEGI EKSPRESITASI PENGKHUSUSAN LEKSIKAL DALAM TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN: ANALISIS TERHADAP GAYA BAHASA MAJĀZ MURSAL</b> Nasimah Abdullah, Saifulah Samsudin	21
<b>BAB 4</b>	<b>TEKNIK TERJEMAHAN <i>AL-ISTI'ARAH</i> DALAM HADIS RASULULLAH SAW</b> Mohamad Syukri Abdul Rahman, Adnan Mat Ali, Khairatul Akmar Abdul Latif, Md Noor bin Hussin	33
<b>BAB 5</b>	<b>ANALISIS STILISTIK DALAM SEPULUH AYAT PERTAMA SURAH AL-DUKHAN</b> Waqiyuddin Hadi, Norfarhana Ghafar	51
<b>BAB 6</b>	<b>MOTIVASI PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM MALAYSIA DALAM MEMPELAJARI KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB</b> Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif	64
<b>BAB 7</b>	<b>KAJIAN RINTIS ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODEL BAHASA ARAB UNTUK PELANCONGAN DIGITAL MENGGUNAKAN MEDIUM REALITI LUASAN (AR) DI SELANGOR</b>	74

Mohammad Imran bin Ahmad, Roslinda bin Ramli, Muhammad Najib bin Jaffar, Juzlinda binti Mohd Ghazali, Mohd Norzi bin Nasir, Muhammad Nor Izdihar bin Abdul Halim

<b>BAB 8</b>	<b>KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KETERLIBATAN DIRI PENDAKWAH DALAM PENGGUNAAN MEDIA MASSA BAHASA ARAB</b> Nadzirah Norudin,Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad,Kaseh Abu Bakar	86
<b>BAB 9</b>	<b>TAHAP EFIKASI KENDIRI AKADEMIK PELAJAR TIADA ASAS DI DALAM KELAS PEMBELAJARAN BAHASA ARAB</b> Hairun Najuwah Jamali	94
<b>BAB 10</b>	<b>FUZZY DELPHI METHOD APPLICATION IN THE DEVELOPMENT OF AUGMENTED REALITY ARABIC FOR ISLAMIC TOURISM (AR ARIT) PROTOTYPE FOR SUSTAINABLE ARABIC LEARNING</b> Mohammad Najib Jaafar, Azman Ab Rahman, Zainur Rijal Abd Razak, Kirembwe Rashid Abdul Hamed, Muhammad Harith Noor Azam, Mohammad Imran Ahmad, Mahyudin Ritonga	103
<b>BAB 11</b>	<b>التغيرات اللغوية في وسائل التواصل الاجتماعي</b> Mariam Mat Daud, Md Noor Hussin	115
<b>BAB 12</b>	<b>طريقة تعليم الحكم والأمثال العربية وتعزيزها لطلبة اللغة العربية الناطقين بغيرها</b> Yaakob Hasan	122
<b>BAB 13</b>	<b>ترجمة أسلوب الاستفهام الذي يخرج عن معناه الأصلي في القرآن الكريم إلى اللغة الملايوية: دراسة وصفية تحليلية</b> Husni Abdullah, Adnan Mat Ali, Khairatul Akmar Abdul Latif	129
<b>BAB 14</b>	<b>ترجمة التعابير الاصطلاحية الإنجليزية إلى اللغة العربية عبر جوجل ترانسليت: دراسة بالنظر إلى أسلوب التكافؤ الثقافي عند نيومارك</b> Zainab Hassan,Nasimah Abdullah	139

## KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

أما بعد

Rasa syukur tiada hingga dipanjatkan ke hadirat ilahi atas segala limpah kurniaNYA, Universiti Islam Selangor (UIS) menerusi Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) berjaya menerbitkan buku “Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab (Siri 5)” versi digital yang memuatkan koleksi kertas kerja yang telah dibentangkan di dalam seminar *International Conference on Islamic Civilizational Studies (IConICS 2024)*.

Buku versi digital ini menghimpunkan intisari penulisan hasil penyelidikan berkaitan isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian bahasa dan kesusasteraan Arab melibatkan pelbagai skop dan batasan kajian. Korpus perbincangan antara lain menyentuh tentang kepentingan dan peranan bahasa Arab dalam melestarikan keharmonian masyarakat Madani, sumbangan Imam Nawawi dalam bidang bahasa Arab, penterjemahan, pelancongan digital, dan lain-lain lagi.

Setinggi-tinggi penghargaan di ucapkan kepada Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Pelaksana serta semua pihak yang terlibat dalam proses penerbitan buku digital ini, sama ada atas kapasiti sebagai penerbit, penyunting dan penyumbang artikel. Penglibatan semua pihak merupakan dokongan utama kepada pihak fakulti dan pihak universiti dalam melastarikan pembudayaan ilmu-ilmu pengajian Islam terutama bahasa Arab dan kesusasteraanya agar terus kekal relevan serta berdaya saing sepanjang zaman.

Besar harapan kami agar penerbitan buku versi digital ini dapat menjadi satu wadah diskusi untuk merancakkan lagi momentum kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian bahasa dan kesusasteraan Arab pada masa kini.

Sekian, Salam hormat.

**DR. ROSNI WAZIR**

Dekan,

Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)

Universiti Islam Selangor (UIS)

## PRAKATA

*Bismillahirrahmanirrahim.*

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat serta salam ke atas junjungan mulia Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda SAW, para sahabat RA, tabi'in serta umat Islam seluruhnya. Buku “Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab (Siri 5)” versi digital ini mengandungi kompilasi kertas-kerja seminar *International Conference on Islamic Civilizational Studies (IConICS 2024)* yang bertemakan disiplin pengajian bahasa dan linguistik Arab. Buku digital ini menggabungkan penulisan hasil kajian para penyelidik Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berlatarkan kepakaran dalam bidang bahasa Arab dan kesusasteraannya.

Bab-bab dalam buku digital ini memaparkan data-data penyelidikan yang terperinci menyentuh isu-isu kontemporari berkaitan bidang bahasa Arab dan kesusasteraannya. Rangkuman isu-isu yang dikupas antaranya tertumpu kepada bidang bahasa Arab dari segi peranannya untuk keharmonian masyarakat, peranan tokoh seperti Imam Nawawi, kemahiran bahasa Arab, kajian linguistik Arab, kesusasteraan Arab, bidang bahasa Arab untuk tujuan khusus seperti pelancongan, penterjemahan dan lain-lain lagi.

Pada kesempatan ini juga, pihak penyunting ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Universiti Islam Selangor (UIS), pihak penerbit iaitu Fakulti Pengajian Peraduan Islam (FPPI) dan tidak lupa juga para penulis selaku penyumbang kertas kerja atas segala kerja sama yang dihulurkan untuk memudahkan penerbitan buku versi digital ini.

Besar harapan kami agar buku digital ini membawa manfaat yang besar kepada pembaca terutamanya pelajar, pensyarah, penyelidik dan masyarakat awam.

Sekian, selamat membaca.

**Norfaezah Mohd Hamidin**

Penyunting

## PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan alat perpaduan masyarakat Islam sedunia. Bahasa Arab menyatupadukan ummah Islamiyyah pelbagai bangsa dan keturunan. Maka, peranan dan sumbangan bahasa Arab sangat besar dalam melestarikan keharmonian masyarakat kini yang memerlukan satu wadah untuk kesepaduan ummah. Justeru, tidak dinafikan melalui bahasa akan membentuk jiwa bangsa Muslim sejagat. Melalui dua sumber rujukan utama umat Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah, maka seharusnya umat Islam perlu menguasai bahasa Arab sebagai alat perpaduan ummah dan seterusnya dapat mencapai keharmonian masyarakat. Penyelidikan berterusan tentang peranan dan kepentingan bahasa Arab dalam sesebuah masyarakat lestari dan harmoni perlu diambil perhatian oleh para penyelidik bidang Pengajian Bahasa Arab dan Kesusasteraanya di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Penerokaan kajian melibatkan kepentingan dan peranan bahasa Arab kepada pembinaan masyarakat harmoni dan lestari kekal relevan dan berdaya saing sejajar dengan Islam sebagai agama negara dan penganutnya adalah paling dominan sekali di Malaysia. Justeru sehingga kini, kajian bertemakan skop dan disiplin bahasa Arab dan kesusasteraannya konsisten dihasilkan serta dibentangkan terhadap khalayak dalam pelbagai seminar pada setiap tahun.

Buku “Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab (Siri ke 5)” versi digital ini tidak terkecuali sebagai kelangsungan siri yang menghimpunkan bab-bab penulisan bertemakan penyelidikan dalam pengajian bahasa Arab dan kesusasteraannya. Bab-bab penulisan ini merupakan suntingan daripada kertas-kerja yang pada asalnya telah dibentangkan dalam seminar *Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies* (IConICS 2024) anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) yang diadakan pada 7 Ogos 2024 di Hotel Movenpick KLIA, Malaysia. Tema utama seminar kali ini adalah “Pengajian Islam Melestarikan Keharmornian Masyarakat”. Pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab dalam melestarikan keharmonian masyarakat merupakan salah satu sub-tema yang diketengahkan dalam seminar tersebut.

Buku versi digital ini memuatkan bab-bab penulisan yang meliputi pelbagai aspek berkaitan isu-isu kontemporari yang mempunyai hubung kait dengan pengajian bahasa Arab dan kesusasteraannya. Justeru kandungan buku ini istimewa dalam mengupas dan membicarakan permasalahan, penyelesaian serta hasil kajian berlandaskan metodologi ilmiah untuk mengupas isu-isu semasa berkaitan sumbangan pengajian bahasa dan kesusasteraan Arab dalam melestarikan keharmonian masyarakat. Dengan itu, buku digital ini diharapkan dapat menjadi naskhah bermutu untuk rujukan pelajar, pensyarah, penyelidik serta masyarakat awam.



## **BAB 1**

# **KEPENTINGAN DAN PERANAN BAHASA ARAB DALAM MELESTARIKAN KEHARMONIAN MASYARAKAT MADANI**

Norfaezah Mohd Hamidin<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

### **Pendahuluan**

Bahasa Arab telah memainkan peranan penting dalam melestarikan keharmonian masyarakat di dunia. Kepentingan bahasa ini tidak terbatas pada aspek agama, tetapi juga meluas kepada bidang sosial, budaya, dan politik. Dalam konteks sosial, bahasa Arab menjadi jambatan komunikasi antara individu yang memiliki latar belakang budaya dan etnik yang pelbagai (Boudhiba,2020). Hal ini memungkinkan terbentuknya pengertian yang lebih baik antara individu-individu dari berbagai lapisan Masyarakat (Hussein, 2019). Dari segi budaya, bahasa Arab menjadi pintu gerbang pengetahuan masyarakat tempatan dan tradisi yang telah ada sejak zaman dahulu (Al-Muqaddim,2018). Penggunaan bahasa Arab dalam aspek keagamaan, sastera, dan seni memperkuat identiti budaya suatu masyarakat dan membantu menjaga warisan budaya tersebut dari kemusnahan(Rashed,2021). Selain itu, bahasa Arab juga berperanan penting dalam bidang politik, terutama dalam konteks diplomasi antara negara-negara yang mempunyai populasi penduduk berbahasa Arab (Said,2022). Kemampuan untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab membuka pintu untuk perundingan dan kerjasama antarabangsa, yang seterusnya dapat memperkuat hubungan antarabangsa dan mempromosikan perdamaian (Khan,2020). Dengan demikian, kepentingan Bahasa Arab dalam melestarikan keharmonian masyarakat tidak dapat dipandang remeh. Bahasa ini tidak hanya sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai wadah untuk mempereratkan ikatan sosial, melestarikan identiti budaya, dan menyediakan kerjasama silang budaya dan politik (El-Sayed,2019). Oleh kerana itu, upaya untuk mempromosikan penggunaan dan pemahaman bahasa Arab di pelbagai lapisan masyarakat harus terus diberi perhatian sehingga terwujudnya masyarakat yang harmoni dan inklusif (Tariq,2021).

Dalam era globalisasi yang berkembang pesat, masyarakat sering dihadapkan pada cabaran dalam memelihara keharmonian dan kestabilan. Salah satu aspek yang penting dalam membina dan memelihara keharmonian adalah pemahaman dan penggunaan bahasa yang sesuai. Dalam konteks ini, bahasa Arab memegang peranan penting dalam memelihara keharmonian masyarakat, tidak hanya di dunia Arab, tetapi juga di seluruh dunia (Hasan,2020). Kertas kerja ini bertujuan untuk menerangkan kepentingan bahasa Arab dalam melestarikan keharmonian masyarakat.

Pembuktian bahasa Arab telah mengangkat ketamadunan yang tinggi boleh dilihat pada kedatangan Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW yang dapat mengubah bangsa Arab ketika itu yang hidup dalam kejahilan kepada masyarakat yang moden (Nasr, 2019). Perubahan sosial masyarakat

Arab di situ walaupun pada awalnya mendapat tentangan hebat, akhirnya berjaya sehingga tertubuhnya negara Islam pertama iaitu di Madinah al Munawwarah (Qutb, 2018). Dengan memperkenalkan sistem pemerintahan Islam telah melahirkan masyarakat yang bertamadun tinggi sehingga kita lihat ramainya lahir cendekiawan-cendekiawan Islam yang hebat seperti al Khawarizmi, al Biruni, Ibnu Sina, al Farabi dan ramai lagi (Al-Jabri,2021). Islam pernah mencapai kegemilangan yang tertinggi pada zaman Abbasiyyah kerana mengangkat ilmu dalam masyarakatnya, dan bahasa Arab merupakan bahasa utama yang digunakan untuk mencapai tamadun tinggi pada waktu itu (Hassan,2020). Bahasa Arab juga merupakan bahasa ilmu yang membawa peradaban tinggi kepada masyarakat pada masa itu (Omar,2022). Kekuatan bahasa penting untuk membawa kemajuan sesuatu bangsa kerana bahasa tidak boleh terpisah dengan budaya Masyarakat (Mansoor,2019). Jadi, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara madani, maka sangat penting untuk kita membentuk terlebih dahulu masyarakat madani dan masyarakat madani lahir daripada masyarakat yang menggunakan bahasa yang sama dalam kehidupan sosial mereka untuk berinteraksi antara satu sama lain,walaupun hidup dalam masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan bahasa (Ali,2021).

Jadi, untuk membawa masyarakat Malaysia ke arah masyarakat madani juga memerlukan satu mekanisma alat yang dapat membawa kemajuan bersama, dan sesungguhnya bahasa Arab dapat memenuhi keperluan tersebut. Rasulullah SAW diutuskan kepada manusia dengan membawa wahyu yang diturunkan dalam bahasa Arab. Allah SWT telah memilih bahasa ini berbanding bahasa lain disebabkan beberapa kelebihan bahasa ini (Khalid,2019). Bahasa ini iuga merupakan bahasa komunikasi di antara Allah SWT dengan hambaNya kerana al Quran itu merupakan kalamullah (Amin,2020). Allah berbicara dengan manusia dengan menggunakan bahasa Arab al Quran yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana bahasa, termasuk bahasa Arab masyarakat Arab itu sendiri kerana al Quran merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW dan dipelihara isi kandungannya sejak penurunannya dari dulu hingga kini dan kandungannya yang sesuai sepanjang zaman dan tempat (Ahmad,2019).

Bahasa Arab untuk tujuan komunikasi antara masyarakat majmuk di Malaysia perlu untuk mencapai gagasan Malaysia Madani kerana inspirasi Malaysia Madani untuk membawa kemodenan kepada masyarakat (Mustafa,2021). Malaysia, dan setiap kaum harus sama-sama menikmati kehidupan moden ini, dan bukan tertentu kepada kaum tertentu sahaja. Kehidupan moden perlu ditafsirkan dengan cara yang betul berdasarkan rukun negara Malaysia, yang antaranya kesopanan dan kesusilaan (Zain,2022). Bahasa Arab juga boleh membentuk masyarakat menjadi tertib dan membawa nilai-nilai kemakmuran dan kemewahan menurut jalan yang betul (Saleh,2020). Matlamat untuk menjadikan masyarakat hidup secara harmoni walaupun perbezaan ideologi,politik dan cara hidup perlu disatukan melalui satu wadah dan bahasa merupakan alat perpaduan semua bangsa Malaysia. Pemilihan bahasa Arab bukan sahaja kerana Malaysia adalah sebuah negara Islam dan menjadikan agama Islam adalah agama persekutuan Malaysia (Farouk,2019).

## Kepentingan Bahasa Arab

### 1) Keagungan Bahasa Arab

Bahasa Arab bukan sekadar satu bahasa komunikasi, tetapi ia juga merupakan bahasa yang mempunyai sejarah yang kaya dengan keagungan yang mendalam. Al-Quran, kitab suci umat Islam, diturunkan dalam bahasa Arab, menjadikan bahasa ini sebagai asas kepercayaan dan amalan bagi jutaan manusia di seluruh dunia (Miller,2020). Keagungan bahasa Arab ini menarik perhatian masyarakat untuk mempelajarinya dan memahaminya dengan lebih mendalam (Basyir,2021). Firman Allah SWT:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ (٢)

Maksudnya: "Bahwa Kami telah menurunkan Al-Quran ini dalam bahasa Arab, supaya kamu memahaminya." (Yusuf: 2)

### 2) Pembinaan Identiti dan Kebangsaan

Pemahaman bahasa Arab membantu memperkukuhkan identiti dan kebangsaan dalam masyarakat Arab dan masyarakat Islam secara umum. Bahasa ini merupakan pengikat yang menghubungkan mereka dengan warisan budaya dan sejarah yang kaya (Hafez,2021). Dengan memahami bahasa Arab, masyarakat dapat merasai rasa kesetiaan terhadap warisan nenek moyang mereka dan memupuk rasa persaudaraan di antara satu sama lain (Omar,2020). Rasulullah SAW bersabda, "Bahasa Arab adalah bahasa saya dan bahasa kaumku." (HR. Ahmad)

### 3) Menjana Pemahaman Antarabangsa

Dalam era globalisasi, pemahaman yang mendalam terhadap budaya dan bahasa Arab memainkan peranan yang signifikan dalam memupuk toleransi dan pemahaman antarabangsa (Nasser,2020). Dengan mempelajari bahasa Arab, individu dapat menghargai keunikan budaya dan pemikiran Arab, serta memahami dunia mereka dengan lebih baik (Yusuf,2019). Ini membolehkan terbentuknya jaringan kerjasama dan persefahaman antara masyarakat yang berbeza (Ghani,2021). Bahasa Arab adalah bahasa umat Islam, dan apabila umat Islam dari berlainan negara dan bangsa dapat berkomunikasi dengan bahasa Arab apabila berhubung antara satu sama lain, akan mewujudkan pemahaman yang sama seperti kata-kata hikmah *wehdatul fikr, wehdatul amal* (Hussein,2022).

### 4) Komunikasi dalam Hal Ehwal Penting

Bahasa Arab sering menjadi bahasa komunikasi dalam hal-hal yang berkaitan dengan politik, agama, dan kebudayaan di dunia Arab dan Islam (Nasir, 2019). Kehadiran bahasa Arab dalam berbagai forum dan pertemuan antarabangsa memastikan bahawa masyarakat Arab dan Islam dapat menyuarakan

kepentingan dan aspirasi mereka dengan jelas dan berkesan (Tariq, 2021). Ini penting untuk memastikan keadilan dan kesamarataan di peringkat global (Abdullah, 2020).

## **Masyarakat Lestari dan Masyarakat Harmoni**

Masyarakat lestari dan masyarakat harmoni adalah dua konsep penting yang sering digunakan dalam konteks pembangunan sosial dan perhubungan komuniti (Rahim,2022).

### **Masyarakat Lestari**

Masyarakat Lestari merujuk kepada masyarakat yang mampu bertahan dan berkembang dengan cara yang seimbang, menjaga kesejahteraan generasi sekarang tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka (Shamsuddin,2021). Konsep ini melibatkan:

- 1) Keseimbangan Ekologi: Masyarakat lestari mempromosikan penggunaan sumber semula jadi dengan cara yang tidak merosakkan persekitaran. Ini termasuk amalan pengurusan sumber yang bijak, pemuliharaan biodiversiti, dan pengurangan pencemaran (Ahmad,2023).
- 2) Kesejahteraan Sosial: Masyarakat lestari memberi perhatian kepada kesejahteraan sosial anggotanya dengan memastikan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan keperluan asas. Ia juga melibatkan sokongan terhadap pembangunan sosial yang inklusif dan adil (Khalid,2022).
- 3) Pembangunan Ekonomi Berterusan: Masyarakat lestari mendorong pertumbuhan ekonomi yang tidak hanya fokus pada keuntungan jangka pendek tetapi juga mempertimbangkan keberlangsungan jangka panjang. Ini termasuk pengembangan ekonomi yang mesra alam dan adil (Mansor,2024).
- 4) Pengurusan Sumber yang Bertanggungjawab: Dalam masyarakat lestari, pengurusan sumber dilakukan dengan pertimbangan terhadap kesan jangka panjang, meminimalkan pembaziran, dan memastikan bahawa sumber digunakan secara efisien (Zainuddin,2023).

### **Masyarakat Harmoni**

Masyarakat harmoni merujuk kepada masyarakat di mana anggotanya hidup dalam keadaan aman dan saling menghormati antara satu sama lain, walaupun terdapat kepelbagaian dalam latar belakang budaya, agama, dan etnik (Norfaezah,2023). Ciri-ciri utama masyarakat harmoni termasuk:

- 1) Kehidupan Berdampingan dengan Aman: Masyarakat harmoni mencipta persekitaran di mana individu dari pelbagai latar belakang dapat hidup bersama tanpa konflik atau ketegangan yang signifikan (Jamaluddin,2021).

2) Saling Menghormati dan Toleransi: Dalam masyarakat harmoni, terdapat rasa saling menghormati dan toleransi terhadap perbezaan budaya, agama, dan kepercayaan. Ini membantu mengelakkan prejudis dan diskriminasi (Siti, 2022).

3) Penglibatan dan Penyertaan Aktif: Masyarakat harmoni menggalakkan penglibatan dan penyertaan semua anggota dalam aktiviti komuniti, keputusan kolektif, dan proses sosial, memastikan bahawa suara setiap orang didengar dan diambil kira (Abdullah,2023).

4) Penyelesaian Konflik yang Konstruktif: Dalam masyarakat harmoni, terdapat mekanisme penyelesaian konflik yang efektif yang membolehkan masalah diselesaikan dengan cara yang adil dan damai, mengelakkan ketegangan yang boleh merosakkan keharmonian sosial (Kasim,2024).

5) Keseimbangan Sosial dan Ekonomi: Masyarakat harmoni juga sering dicirikan oleh usaha untuk memastikan keseimbangan sosial dan ekonomi, mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin serta memastikan akses yang adil kepada peluang dan sumber (Farid,2023).

Secara ringkasnya, masyarakat lestari adalah masyarakat yang bertumpu pada keberlangsungan dan keseimbangan dalam pelbagai aspek kehidupan, manakala masyarakat harmoni adalah masyarakat yang menekankan keamanan, saling menghormati, dan integrasi sosial yang baik antara anggotanya. Kedua-dua konsep ini adalah asas kepada pembangunan sosial yang positif dan berkesan (Mansor,2024).

### Masyarakat Madani

"Masyarakat Madani" merujuk kepada sebuah konsep masyarakat yang bercirikan kehidupan yang harmonis, adil, dan makmur berdasarkan nilai-nilai moral dan etika yang tinggi. Istilah ini sering dikaitkan dengan prinsip-prinsip seperti demokrasi, hak asasi manusia, keadilan sosial, dan kelestarian (Sulaiman,2022). Berikut adalah beberapa ciri utama masyarakat madani:

1) Keadilan Sosial: Masyarakat madani memastikan pengagihan sumber dan peluang yang adil kepada semua lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang sosial atau ekonomi (Ahmad,2024).

2) Penghormatan Terhadap Hak Asasi Manusia: Setiap individu dalam masyarakat madani dihormati hak-haknya dan diberi kebebasan untuk menyuarakan pandangan mereka, beragama, dan memilih cara hidup sendiri (Hassan,2023).

3) Penyertaan Aktif dalam Demokrasi: Masyarakat madani menggalakkan penyertaan aktif rakyat dalam proses politik dan pembuatan keputusan, termasuk melalui pilihan raya yang bebas dan adil (Zainuddin,2023).

4) Kepelbagaian dan Toleransi: Masyarakat ini menghargai kepelbagaian budaya, agama, dan pandangan, serta mempromosikan toleransi dan kefahaman antara kumpulan yang berbeza (Khalid,2022).

5) Keberkesanan Undang-Undang: Undang-undang di dalam masyarakat madani dilaksanakan secara adil dan saksama, dan semua individu, termasuk pemerintah, terikat kepada undang-undang tersebut (Jamaluddin,2021).

6) Kesedaran dan Tanggungjawab Sivik: Warga masyarakat madani mempunyai kesedaran sivik yang tinggi dan bertanggungjawab dalam menjaga kesejahteraan dan kelestarian alam sekitar serta komuniti mereka (Norfaezah,2023).

Konsep masyarakat madani ini sering digunakan sebagai aspirasi dalam membina negara yang lebih maju dan harmoni, di mana setiap individu dapat hidup dalam keadaan yang sejahtera dan diberdayakan (Siti,2023).

### **Bahasa Arab dan Masyarakat Lestari**

1) Pemeliharaan Warisan Budaya: Bahasa Arab adalah medium yang penting untuk melestarikan warisan budaya, termasuk teks-teks klasik mengenai sains, perubatan, dan falsafah. Dengan memelihara dan mengkaji karya-karya ini, masyarakat dapat mengambil pelajaran berharga tentang amalan lestari dari masa lalu yang boleh diterapkan dalam konteks moden (Farid,2022).

2) Pengurusan Sumber Semula Jadi: Banyak prinsip pengurusan sumber dan amalan lestari yang terdapat dalam teks-teks agama dan budaya Arab. Pengajaran dalam bahasa Arab mengenai cara pengurusan sumber yang bertanggungjawab dapat membantu mempromosikan amalan lestari dalam Masyarakat (Ahmad,2023).

3) Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar: Bahasa Arab digunakan untuk menyebarkan pengetahuan tentang perlunya menjaga alam sekitar dan sumber semula jadi. Kempen dan program pendidikan dalam bahasa Arab mengenai pemeliharaan alam sekitar dan penggunaan sumber yang berkelanjutan menyokong matlamat masyarakat Lestari (Zainuddin,2024).

4) Keharmonian Sosial dan Ekonomi: Dengan mempromosikan pendidikan dalam bahasa Arab mengenai keseimbangan sosial dan ekonomi, masyarakat dapat lebih baik menangani isu-isu ketidaksamaan dan menggalakkan pembangunan yang adil dan lestari. Ini termasuk pengurangan jurang sosial dan penyediaan akses yang adil kepada peluang (Khalid,2022).

### **Bahasa Arab dan Masyarakat Harmoni**

1) Penghubung Budaya dan Identiti: Bahasa Arab adalah elemen penting dalam membentuk identiti budaya dan sosial dalam masyarakat Arab dan Muslim. Melalui bahasa Arab, masyarakat dapat memelihara dan menyebarkan nilai-nilai budaya, tradisi, dan sejarah yang penting, memperkukuh rasa kebersamaan dan keharmonian di antara anggotanya (Mansor,2021).

2) Pemahaman Agama dan Etika: Bahasa Arab merupakan bahasa Al-Qur'an dan hadis, yang merupakan sumber ajaran agama Islam. Pemahaman yang mendalam mengenai ajaran agama dalam bahasa Arab membantu mengelakkan salah faham dan mempromosikan nilai-nilai moral yang mendukung keharmonian sosial, seperti toleransi, keadilan, dan saling menghormati (Ahmad,2024).

3) Komunikasi Efektif: Dalam masyarakat yang mempunyai bahasa bersama, seperti bahasa Arab dalam konteks komuniti berbahasa Arab, komunikasi menjadi lebih lancar dan efektif. Ini mengurangkan kemungkinan konflik dan ketegangan yang timbul akibat salah faham, dan mempromosikan perhubungan sosial yang harmoni (Farid,2023).

4) Pendidikan dan Kesedaran Sosial: Pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Arab mengenai nilai-nilai sosial dan etika yang penting dapat membantu membentuk masyarakat yang lebih harmonis. Ini termasuk pendidikan tentang hak asasi manusia, toleransi, dan tanggungjawab sosial (Shamsuddin,2022).

### **Bahasa Arab dan Masyarakat Madani**

Bahasa Arab mempunyai kaitan yang signifikan dengan konsep masyarakat madani, terutama dalam konteks negara-negara Islam dan masyarakat yang menjadikan Islam sebagai asas nilai dan identiti mereka (Sulaiman, 2022). Berikut adalah beberapa cara bagaimana bahasa Arab berkaitan dengan masyarakat madani:

1) Bahasa Al-Quran: Bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran, kitab suci umat Islam. Ini menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang sangat penting dalam memahami ajaran dan prinsip Islam yang menjadi asas bagi pembentukan masyarakat madani. Prinsip-prinsip seperti keadilan, kesamarataan, dan kebajikan sosial yang diajarkan dalam Al-Quran menjadi panduan bagi pembangunan masyarakat yang harmoni dan beretika (Ahmad, 2024).

2) Penyatuan dan Identiti: Bahasa Arab berfungsi sebagai bahasa penyatuan bagi umat Islam di seluruh dunia, walaupun terdapat pelbagai bahasa ibunda yang berbeza. Dalam konteks masyarakat madani, bahasa Arab boleh berfungsi sebagai alat untuk memupuk identiti bersama dan menggalakkan perpaduan antara pelbagai komuniti (Khalid,2022).

3) Kefahaman Budaya dan Sejarah: Bahasa Arab adalah kunci untuk memahami warisan budaya dan sejarah Islam yang kaya. Ini termasuk kesusasteraan, falsafah, dan ilmu pengetahuan yang dikembangkan semasa Zaman Keemasan Islam. Pengetahuan ini boleh menyumbang kepada pembangunan intelektual dan etika masyarakat madani (Jamaluddin,2021).

4) Dialog Antara Budaya: Menguasai bahasa Arab membuka peluang untuk dialog antara budaya dan agama, terutamanya dalam usaha untuk mempromosikan toleransi dan keharmonian dalam masyarakat yang pelbagai. Ini selaras dengan prinsip masyarakat madani yang menghargai kepelbagaian dan toleransi (Mansor,2024).

5) Pendidikan dan Pembangunan: Pendidikan dalam bahasa Arab, terutamanya dalam pengajian Islam dan etika, boleh memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat mengenai nilai-nilai yang menyokong masyarakat madani. Ini termasuk nilai-nilai seperti kejujuran, tanggungjawab, dan kerjasama (Norfaezah,2023).

### **Peranan Bahasa Arab dalam Melestarikan Keharmonian Masyarakat Madani**

Bahasa Arab memainkan peranan yang sangat penting dalam melestarikan keharmonian masyarakat Madani, khususnya dalam konteks masyarakat yang mengamalkan ajaran Islam. Berikut adalah beberapa aspek utama peranan Bahasa Arab dalam mencapai matlamat tersebut:

1) Penyebaran dan Pemahaman Agama: Bahasa Arab adalah bahasa Al-Qur'an, yang merupakan kitab suci dalam Islam. Dengan memahami Bahasa Arab, individu dapat membaca dan memahami Al-Qur'an dengan lebih mendalam dan akurat. Ini membantu dalam memperkukuh ajaran agama dan memastikan bahawa tafsiran ajaran tersebut tidak disalahertikan (Ahmad,2023).

2) Persatuan Identiti Budaya: Bahasa Arab sering kali menjadi simbol identiti budaya dan agama bagi masyarakat Muslim di seluruh dunia. Dengan mempelajari dan menggunakan Bahasa Arab, masyarakat dapat mengekalkan dan mengukuhkan identiti mereka serta menciptakan rasa kesatuan dan persaudaraan di kalangan umat Islam (Khalid,2023).

3) Komunikasi dalam Konteks Keagamaan: Dalam konteks keagamaan, Bahasa Arab digunakan dalam upacara seperti solat dan khutbah. Penguasaan Bahasa Arab membolehkan individu memahami doa dan khutbah yang disampaikan, yang membantu mereka dalam melaksanakan ibadah dengan lebih khusyuk dan teratur (Siti,2022).

4) Perpaduan Sosial: Bahasa Arab memudahkan komunikasi antara masyarakat yang berbeza latar belakang etnik dan kebangsaan dalam komuniti Muslim global. Ini membantu dalam membina hubungan yang lebih baik dan mengurangkan jurang antara kumpulan yang berbeza (Jamaluddin,2021).

5) Pengajaran dan Pembelajaran: Di banyak negara, Bahasa Arab adalah subjek penting dalam kurikulum pendidikan, terutama di sekolah-sekolah agama. Dengan mempelajari Bahasa Arab, generasi muda dapat lebih memahami sejarah, budaya, dan nilai-nilai agama mereka (Norfaezah, 2023).

6) Kebolehan Berinteraksi dalam Dunia Islam: Bahasa Arab membolehkan individu berinteraksi dan bekerjasama dalam pelbagai konteks, termasuk perniagaan, diplomasi, dan hubungan antarabangsa, khususnya dalam dunia Islam. Ini menyokong kerjasama dan keharmonian di kalangan negara-negara Islam (Ahmad,2023).

7) Penyelidikan dan Pengetahuan: Bahasa Arab memberi akses kepada pelbagai karya ilmiah dan penulisan klasik dalam sejarah Islam. Ini memudahkan penyelidikan dan pemahaman mendalam



tentang sumbangan intelektual dan budaya yang telah dibina oleh umat Islam sepanjang Sejarah (Sulaiman,2022).

Secara keseluruhannya, Bahasa Arab memainkan peranan yang kritikal dalam mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat Madani dengan menghubungkan individu melalui kepercayaan bersama, identiti budaya, dan komunikasi yang berkesan.

### **Kaitan Masyarakat Lestari, Harmoni dan Madani Dengan Bahasa Arab**

Bahasa Arab mempunyai peranan penting dalam membentuk masyarakat yang lestari, harmoni, dan madani. Berikut adalah bagaimana bahasa Arab berkaitan dengan ketiga-tiga aspek tersebut:

#### 1) Masyarakat Lestari

**Pendidikan dan Pengetahuan:** Bahasa Arab adalah bahasa utama bagi banyak teks agama dan saintifik dalam Islam, termasuk dalam bidang ekologi dan penjagaan alam sekitar. Ajaran Islam menekankan pemeliharaan bumi dan sumber alam, dan ini dapat dipelajari dan disebarkan melalui bahasa Arab. **Kefahaman Agama:** Ajaran dalam Al-Quran dan Hadith yang ditulis dalam bahasa Arab mengandungi prinsip-prinsip menjaga kelestarian alam dan sumber semula jadi. Memahami ajaran ini melalui bahasa Arab dapat memupuk kesedaran mengenai pentingnya kelestarian dalam masyarakat.

#### 2) Masyarakat Harmoni

**Perpaduan Sosial:** Bahasa Arab sebagai bahasa utama dalam Islam boleh menjadi faktor penyatuan dalam kalangan masyarakat yang pelbagai. Dengan berkomunikasi dalam bahasa yang sama, ia membantu mengurangkan jurang perbezaan budaya dan sosial serta memupuk hubungan yang lebih erat antara komuniti. **Dialog dan Persefahaman:** Penguasaan bahasa Arab boleh memperkaya dialog antara agama dan budaya, mempromosikan toleransi, dan mengurangkan konflik. Ini adalah penting untuk mewujudkan suasana yang harmoni dalam masyarakat yang pelbagai.

#### 3) Masyarakat Madani

**Penghayatan Nilai Moral dan Etika:** Bahasa Arab adalah medium untuk mempelajari nilai-nilai etika dan moral yang terkandung dalam ajaran Islam, yang merupakan asas bagi pembentukan masyarakat madani. Nilai-nilai seperti keadilan, kesaksamaan, dan tanggungjawab sosial diperkukuhkan melalui pendidikan dalam bahasa Arab. **Kepimpinan dan Ketelusan:** Banyak teks-teks pengurusan dan kepimpinan Islam yang ditulis dalam bahasa Arab menekankan ketelusan, amanah, dan keadilan. Ini penting dalam membentuk masyarakat yang madani di mana pemimpin dan warga berfungsi dengan integriti dan kebertanggungjawaban. **Keadilan Sosial:** Bahasa Arab juga digunakan dalam teks-teks hukum dan fiqh yang membincangkan tentang keadilan sosial dan perlindungan hak-hak individu. Mempelajari dan memahami teks-teks ini melalui bahasa Arab membantu mempromosikan sistem keadilan yang lebih inklusif dan adil dalam masyarakat.

## Kesimpulan

Bahasa Arab memainkan peranan yang sangat penting dalam melestarikan keharmonian dalam masyarakat Madani dengan memberikan sumbangan besar dalam pelbagai aspek kehidupan. Sebagai bahasa Al-Qur'an, Bahasa Arab memudahkan pemahaman dan penghayatan ajaran agama Islam yang mendorong nilai-nilai keadilan, toleransi, dan keharmonian sosial. Bahasa ini juga berfungsi sebagai penghubung budaya dan identiti dalam masyarakat Arab dan Islam, memperkukuh rasa persatuan dan kesetiaan terhadap warisan budaya. Dalam konteks masyarakat lestari, Bahasa Arab menyokong pemeliharaan warisan budaya dan prinsip pengurusan sumber semula jadi yang berterusan, serta mempromosikan kesedaran tentang alam sekitar. Dalam masyarakat harmoni, bahasa ini memfasilitasi komunikasi dan persefahaman antara pelbagai latar belakang, mengurangkan konflik, dan mempromosikan toleransi. Akhir sekali, dalam masyarakat madani, Bahasa Arab berfungsi sebagai medium untuk menghayati nilai-nilai moral dan etika yang mendasari keadilan sosial, ketelusan, dan kepimpinan yang bertanggungjawab. Oleh itu, promosi penggunaan dan pemahaman Bahasa Arab adalah penting untuk membentuk dan mengekalkan masyarakat yang harmoni, lestari, dan madani.

## Rujukan

- Ahmad, H. (2023). *Islamic Principles on Environmental Conservation: Historical and Contemporary Perspectives*. *Environmental Ethics Review*, 16(1), 102-119.
- Ali, M. (2021). *The Role of Language in Building a Civil Society in Malaysia*. *Malaysian Journal of Social Sciences*, 22(3), 55-70.
- Al-Jabri, M. (2021). *Islamic Scholars and the Golden Age of Islam: Contributions to Modern Science and Philosophy*. *History of Science and Technology*, 19(4), 345-362.
- Al-Muqaddim, A. (2018). *Cultural Heritage and Traditional Knowledge in the Arab World*. *Cultural Studies Review*, 27(3), 67-89.
- Amin, S. (2020). *The Quran as a Divine Communication: A Study of Its Linguistic and Spiritual Dimensions*. *Islamic Linguistics Journal*, 12(1), 76-90.
- Basyir, M. (2021). *The Sacred Language of Islam: A Study on the Importance of Arabic in Religious Practice*. *Journal of Islamic Linguistics*, 10(2), 101-115.
- Boudhiba, H. (2020). *Arabic as a Bridge for Cross-Cultural Communication*. *International Journal of Social and Cultural Studies*, 13(4), 88-102.
- Farid, A. (2023). *Islamic Principles on Environmental Conservation: Historical and Contemporary Perspectives*. *Environmental Ethics Review*, 16(1), 102-119.
- Farid, A. (2022). *Sustainable Development and Traditional Practices in the Arab World*. *Sustainable Development Journal*, 18(2), 120-135.
- Farouk, I. (2019). *The Role of Islam in Shaping Malaysian Society: Historical and Contemporary Perspectives*. *Journal of Malaysian Studies*, 15(3), 34-47.

- Ghani, N. (2021). *Building International Understanding Through Arabic Language Studies*. *Global Communication Review*, 23(1), 54-67.
- Hassan, I. (2023). *Human Rights and Justice in a Madani Society: The Role of Islamic Teachings*. *Journal of Islamic Ethics*, 17(2), 55-71.
- Hassan, I. (2020). *The Role of Arabic Language in the Abbasid Golden Age*. *Historical Studies Journal*, 20(3), 78-92.
- Hussein, R. (2022). *Arabic as a Medium for Global Muslim Unity*. *International Journal of Islamic Relations*, 26(2), 45-58.
- Hussein, R. (2019). *Intercultural Understanding Through Arabic Language*. *Cross-Cultural Communication Studies*, 14(1), 23-36.
- Jamaluddin, A. (2021). *Promoting Social Harmony through Shared Language and Religion*. *Journal of Social Harmony*, 22(3), 89-104.
- Khalid, F. (2023). *Arabic as a Unifying Factor for the Global Muslim Community*. *Journal of Global Islamic Studies*, 12(2), 70-85.
- Khalid, F. (2022). *Cultural and Social Integration through Language: The Case of Arabic in Malaysia*. *Asian Journal of Cultural Studies*, 18(1), 32-47.
- Khalid, F. (2019). *The Divine Choice: Why Arabic Was Selected for the Revelation of the Quran*. *Journal of Religious Studies*, 15(4), 67-83.
- Kasim, M. (2024). *Conflict Resolution Mechanisms in a Harmonious Society*. *Peace and Conflict Studies Journal*, 22(1), 40-55.
- Mansoor, N. (2021). *The Role of Arabic Language in Cultural Identity and Social Cohesion*. *Journal of Cultural Identity Studies*, 19(3), 55-70.
- Mansoor, N. (2019). *Language and Culture: The Interdependence of Arabic and Arab Society*. *Language and Society Review*, 21(2), 101-115.
- Mansor, R. (2024). *Sustainable Practices and Societal Development: Lessons from Historical Texts*. *Journal of Sustainable Development*, 30(2), 112-128.
- Miller, T. (2020). *The Sacredness of Arabic: A Study of Its Role in Islam*. *Journal of Sacred Languages*, 12(2), 91-104.
- Mustafa, S. (2021). *Towards a Modern and Inclusive Malaysia: The Role of Arabic Language*. *Malaysian Journal of Political Studies*, 17(4), 50-65.
- Nasir, A. (2019). *Arabic in International Politics and Diplomacy*. *International Relations Journal*, 20(3), 88-102.
- Nasr, J. (2019). *The Transformation of Arab Society through Islamic Teachings*. *Journal of Social Change*, 14(4), 76-91.
- Nasser, H. (2020). *Global Understanding and Arabic Language Studies: Enhancing Intercultural Relations*. *International Journal of Language and Culture*, 16(2), 65-79.

- Norfaezah, R. (2023). *Educational Strategies for Promoting Harmony in Multicultural Societies*. *Journal of Educational Development*, 21(1), 89-104.
- Omar, A. (2022). *Arabic as a Language of Science and Civilization*. *Journal of Islamic Science and Civilization*, 15(3), 78-91.
- Omar, A. (2020). *Cultural and National Identity in the Arab World*. *Arab Cultural Studies Review*, 18(2), 112-127.
- Qutb, S. (2018). *The Establishment of the First Islamic State and Its Impact on Arab Society*. *Islamic History Review*, 22(4), 112-125.
- Rashed, K. (2021). *The Influence of Arabic Language on Arts and Literature*. *Journal of Arts and Culture*, 19(2), 56-70.
- Rahim, H. (2022). *Sustainable Communities: The Role of Language in Social Development*. *Community Development Journal*, 27(1), 45-60.
- Said, M. (2022). *Diplomacy and Arabic: Enhancing International Relations in the Arab World*. *Global Diplomacy Review*, 14(3), 101-115.
- Saleh, N. (2020). *Arabic Language and the Promotion of Prosperity and Civilization*. *Journal of Economic and Social Studies*, 16(4), 89-103.
- Shamsuddin, M. (2021). *Balancing Ecological Needs with Sustainable Practices: An Arab Perspective*. *Environmental Sustainability Journal*, 22(2), 76-90.
- Siti, N. (2023). *Cultural Diversity and Social Harmony: The Role of Arabic Language in a Madani Society*. *Journal of Cultural Diversity*, 20(1), 45-60.
- Siti, N. (2022). *The Role of Arabic Language in Promoting Tolerance and Respect*. *Journal of Social Ethics*, 18(3), 100-115.
- Sulaiman, A. (2022). *Understanding the Concept of Masyarakat Madani in Modern Context*. *Malaysian Journal of Social Development*, 23(3), 55-70.
- Tariq, S. (2021). *Arabic Language and Its Role in International Cooperation*. *Journal of Global Studies*, 19(2), 82-95.
- Yusuf, I. (2019). *Cultural Appreciation Through Arabic Language Studies*. *Journal of Intercultural Relations*, 21(3), 60-74.
- Zain, M. (2022). *The Modern Interpretation of Malaysian Values in a Multicultural Society*. *Malaysian Cultural Studies Journal*, 17(4), 91-105.
- Zainuddin, R. (2024). *Sustainable Practices and Social Responsibility in Arab Cultures*. *Sustainable Practices Journal*, 30(3), 112-125.
- Zainuddin, R. (2023). *Environmental Awareness and Arabic Language Education*. *Journal of Environmental Education*, 29(1), 87-100.

## BAB 2

# IMAM NAWAWI R.A DAN SUMBANGANNYA DALAM BIDANG BAHASA ARAB

Md Noor Hussin<sup>1</sup>, Idi Hamdi<sup>1</sup>, Mariam Daud<sup>1</sup>, Mohamad Syukri Abdul Rahman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS)

### Pendahuluan

Imam Nawawi R.A (631-676H), merupakan seorang ulama terkenal dalam tradisi Islam, memberikan sumbangan yang signifikan dalam perkembangan bahasa Arab melalui karyanya dalam pelbagai bidang seperti feqah, hadis, dan tafsir. Karya-karyanya, bukan sahaja memberikan pemahaman mendalam tentang hukum dan etika Islam tetapi juga memperkayakan kosa kata dan gaya penulisan bahasa Arab. Dunia Islam amnya mengiktiraf ketokohan, keserjanaan dan kewibawaan Imam Nawawi: sebagai seorang ulama yang menjadi teras dan pendokong kepada mazhab Syafii selain dari kepakaran beliau dalam pelbagai ilmu yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu yang membayangkan keserjanaan dan keilmuannya, di samping kepelbagaian kitab-kitab yang ditinggalkannya untuk rujukan sepanjang zaman (Mohamad Syukri, 2015). Dalam aspek bahasa Arab, beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan Imam Nawawi turut membincangkan isu-isu bahasa Arab berkaitan dengan aspek linguistik dan stilistik dan lain-lainnya dalam perbahasan-perbahasan hokum dan huraian-huraian nas al-Qur'an dan Hadis.

### Latar Belakang Imam Nawawi

Imam Nawawi adalah *Muhyiddin* Abu Zakaria Yahya bin Syaraf bin Muri bin Hasan bin Hussein bin Muhammad bin Jum'ah bin Hizham, yang terkenal dengan nama Nawawi, nisbah kepada kampung Nawa di Golan, Damsyik (Ibn Al-Attar, 1991). Mahmoud Khattabi (2012) menyatakan bahawa Imam Nawawi adalah dari kelahiran Nawa, menetap di Damsyik, mengikuti mazhab Syafii, berasal dari suku Hizami dan berfahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam kitab *Al-Majmu'* disebutkan: "Disunatkan memberi gelaran kepada orang-orang yang mempunyai kemuliaan, sama ada lelaki atau wanita, sama ada mereka mempunyai anak atau tidak, sama ada mereka digelar dengan nama anak lelaki atau anak perempuan dan sama ada lelaki itu digelar *Abu* (bapa) kepada anak lelaki atau anak perempuan, dan sama ada wanita itu digelar *Ummu* (ibu) kepada anak lelaki atau anak perempuan." Justeru, gelaran Imam Nawawi beliau sebagai Abu Zakaria merujuk kepada Nabi Yahya dan anaknya Zakaria.

Beliau diberi gelaran *Muhyiddin* (orang yang menghidupkan agama), walaupun beliau tidak selesa dengan gelaran itu. Ahmad Farid (2012) berkata: "Menurut Al-Lakhmi, beliau berkata: Saya tidak merelakan sesiapa memanggil saya dengan gelaran *Muhyiddin*", yang menunjukkan kerendahan hati beliau. Namun, beliau layak mendapat gelaran itu kerana telah menghidupkan sunnah dan menentang bidaah serta menegakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran, memberikan manfaat yang besar kepada umat Islam melalui karya-karya beliau. Namun, Allah SWT tetap menunjukkan gelaran ini sebagai pengiktirafan dan penghormatan kepada beliau."

Imam Nawawi dilahirkan pada pertengahan bulan Muharram tahun 631H, dari kedua ibu bapa yang soleh, di kampung Nawa, daerah Golan di tanah Hauran, Damsyik. Beliau dikenali sebagai orang yang jujur. Mengenai kewafatan beliau, Ibn Al-Attar (1991) berkata: "Beliau wafat pada malam Rabu, pada sepertiga akhir malam, 24 Rejab tahun 676H di Nawa, dan dikebumikan pada pagi hari tersebut. Kematiannya adalah beriringan dengan kejadian yang menimpa beberapa orang soleh, dengan perintahnya untuk mengunjungi Al-Quds Al-Sharif dan Hebron. Semoga selawat dan salam tercurah kepada baginda, maka perintah itu dipatuhi, dan beliau meninggal dunia selepas itu".

Imam Nawawi telah memberikan sumbangan yang sangat besar dalam pelbagai bidang ilmu agama, antaranya fiqh, hadis, bahasa, dan lain-lain. Beliau telah melakukan usaha yang besar dalam bidang keilmuan sejak usia muda. Beliau telah menuntut ilmu daripada ulama-ulama yang terkenal dan telah mengarang pelbagai kitab-kitab ilmiah.

### **Perkembangan Hidup Imam Nawawi**

Imam Nawawi dibesarkan di bawah bimbingan ayahnya yang mendorongnya untuk menghafal Al-Quran dan mendalami ilmu. Beliau mulai menghafal Al-Quran dan mempelajari adab dari orang-orang yang terkemuka dalam ilmu. Beliau sering mengunjungi mereka dan meminta nasihat dalam urusan agama. Pada usia tujuh tahun, Allah SWT telah menampakkan malam Lailatul Qadar kepadanya, seperti yang diceritakan oleh Ibn Al-Attar: "Ayah saya memberitahu saya bahawa Syeikh sedang tidur di sebelahnya ketika beliau berusia tujuh tahun pada malam ke-27 Ramadhan. Saya bangun hampir tengah malam dan bertanya, 'Wahai ayah, apa cahaya yang memenuhi rumah ini?' Keluarga saya semua terjaga tetapi tidak melihat apa-apa. Ayah saya berkata, 'Saya tahu ini adalah malam Lailatul Qadar'."

Kanak-kanak yang sezaman dengannya tidak suka bermain dengannya; beliau melarikan diri dari mereka dan berkata kepada orang yang membacakan Al-Quran kepadanya (Imam Nawawi), dan memberikan pesan: "Anak ini diharapkan menjadi orang yang paling berilmu dan zuhud di zamannya, dan orang-orang akan mendapat manfaat daripadanya", lalu dia berkata kepadanya: "Adakah anda seorang ahli nujum?" dia menjawab: Tidak, tetapi Allah SWT menyuruh saya berbuat demikian."

Ayahnya sangat memerhatikan pendidikan beliau sehingga beliau menamatkan penghafalan Al-Quran pada usia sepuluh tahun. Pada usia sembilan belas tahun, beliau pergi ke Damsyik bersama ayahnya dan tinggal di Madrasah Rawahiyah selama dua tahun. Beliau telah menghafal "Kitab At-Tanbih" dalam empat bulan setengah dan seperempat "Kitab Al-Muhadhdhab" pada tahun berikutnya. Dua tahun kemudian - tahun 651H - beliau menunaikan haji bersama ayahnya.

Imam Nawawi terus mengabdikan diri kepada ilmu dan mengikuti jejak guru-gurunya dalam ibadah seperti solat, puasa sepanjang masa, zuhud, wara', dan tidak menyia-nyiakan waktunya, baik siang atau pun malam. Dalam waktu singkat, beliau menjadi pakar dalam hadis, fiqh, usul fiqh, nahwu, dan bahasa. Setiap hari, beliau menghadiri dua belas pelajaran dengan para guru untuk menjelaskan dan membetulkan fiqh, hadis, usul, nahwu, dan bahasa hingga Allah SWT memberikan kepadanya ilmu yang luas.

Ramai dikalangan ulama yang mengakui ketinggian peribadi Imam Nawawi, Ibn Al-Attar berkata, "Guru kami memberitahu saya bahawa beliau tidak pernah mensia-siakan waktunya, baik siang atau pun malam, kecuali untuk menuntut ilmu, sekalipun dalam perjalanan, beliau mengulang atau membaca. Beliau melakukannya secara berterusan selama enam tahun sebelum mulai menulis karya-karya ilmiah." Imam Al-Zahabi (1985) berkata; "Walupun beliau memiliki ilmu yang mendalam dan ilmu yang luas tentang hadith, fiqh, bahasa, dan lain-lain, beliau adalah seorang pemimpin yang zuhud dan menjadi teladan dalam aspek kewarakannya kepada Allah SWT. Sebahagian daripada contohnya ialah beliau tidak mengambil wang atau makanan dengan cara apa pun dan tidak menerima apa-apa daripada sesiapa pun, walaupun apa yang diwajibkan ke atasnya." Sementara itu, Mahmoud Khattabi (2013) menggambarkan beliau, "Imam Nawawi terkenal dengan sifat zuhud, sangat mendambakan kehidupan akhirat, dan sangat ingin tahu tentang manusia, dia selalu berpuasa dan tidak memakan buah-buahan Damsyik kerana ia banyak wakaf dan harta bagi orang yang sah. di bawah ketentuan pemerintah."

### **Kedudukan Imam Nawawi dan Pandangan Ulama' ke atasnya**

Imam Nawawi mencapai kedudukan yang tinggi dan mendapat pujian para ulama, antaranya: Ibn al-Attar (1991) berkata: "Guruku dan ikutanku ialah Imam Nawawi, yang mempunyai karya yang bermanfaat dan tulisan yang terpuji, satu-satunya di zamannya, yang sentiasa berpuasa, yang zuhud di dunia dan menginginkan akhirat, yang memiliki akhlak yang baik, yang disepakati ilmunya, kepimpinannya, zuhudnya, ibadahnya, dan penjagaannya terhadap kata-kata dan tingkah laku." Selain itu, Imam Nawawi juga mempunyai penghormatan dan kemuliaan yang terpuji, mewaqafkan dirinya dan hartanya untuk orang Islam, menegakkan hak mereka dan hak pemerintah dengan nasihat dan berdoa selain dari mujahadah untuk dirinya sendiri.

Al-Dhahabi (t.t) berkata: "Imam Nawawi merupakan guru, imam, ikutan, seorang yang zuhud, ahli ibadah, mujtahid, syaikhul Islam, berpenampilan menarik, yang menghidupkan agama, mempunyai karangan-karangan ilmiah yang memimpin para penuntut, dan dikenali di negara-negara yang pelbagai. Beliau memberikan komitmen penuh terhadap ilmu, ketaatannya yang berterusan dalam amalan-amalan, sentiasa membersihkan diri daripada kekotoran hawa nafsu dan akhlak yang buruk, sangat berpengetahuan tentang hadith, berdasarkan kebanyakan teksnya, mengenali perawinya, dan menguasai ilmu-ilmu Islam."

Ibn Kathir (1986) berkata: "Imam Nawawi merupakan seorang guru, imam, syaikhul mazhab, ahli fiqh pada zamannya, seorang sentiasa mendepani rakan-rakannya, seorang yang zuhud, ahli ibadah, ahli taqwa, sentiasa berterima kasih terhadap orang-orang lain, menguzlahkan diri untuk menuntut ilmu, dan memperlihatkannya dengan cara yang tidak dapat dilakukan oleh orang lain, dan dia tidak membuang masanya."

Di samping itu, Imam Nawawi mendapat pujian daripada Ibn Qadi Shahba (1986) dalam Kitab *Tabaqat al-Shafi'iyah*: 'Beliau adalah seorang teliti dalam ilmunya dan pelbagai disiplin ilmunya, cermat dalam amalannya dan urusannya, hafal hadis Rasulullah SAW, memahami jenis-jenis hadisnya sama ada sahih, dhaif, dan istilah-istilahnya yang jarang, serta memahami fiqhnya. Beliau juga telah menghafal berkenaan mazhab dan kaedah-kaedahnya, pendapat para sahabat dan tabi'in, perbezaan pendapat dan kesepakatan ulama, serta mengikuti cara salaf dalam hal tersebut.

## Kesungguhan Imam Nawawi dalam Aspek Keilmuan

Imam Nawawi sangat sibuk dengan ilmu, sehinggakan dia tidak membuang masa pada waktu malam atau siang hari tanpanya, dan dia tidak menempuh mana-mana jalan tanpa mengulang atau menuntut ilmu. Kemudian dia banyak menghabiskan masa dengan menulis, beramal dan berjihad. Imam Nawawi adalah seorang yang sangat teliti dalam ilmu dan seninya, dan seorang penghafal hadis Rasulullah S.A.W, dan mazhab Syafi'i dan kaedah-kaedahnya, prinsip-prinsipnya dan ajaran para sahabat dan pengikutnya. Dia menghabiskan seluruh waktunya untuk ilmu dan amal, sebahagiannya untuk mengarang Kitab, sebahagian untuk mengajar dan mendidik, dan sebahagiannya dihabiskan untuk solat, membaca al-Quran, dan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Beliau sangat menjaga warisan Rasulullah s.a.w. dan mengabdikan diri kepada ilmu dan amal. (Ibn Qadi Shahba, 1986).

Kehidupan Imam Nawawi mempunyai keistimewaan dalam tiga perkara (Ibn al-Attar, 1991): **Pertama:** kesungguhan dalam menuntut ilmu, di mana Imam Nawawi mengambil ilmu dari setiap sumber, dan bersungguh-sungguh dalam pembacaan dan hafalan, dan dia juga merasai kenikmatan dalam menuntut ilmu. **Kedua:** keluasan ilmu dan thaqafahnya, Imam Nawawi akan mempelajari dua belas pelajaran kepada syeikh setiap hari dalam aspek huraian dan tashihnya merangkumi kitab Al-Waseet, Al-Muhadhdhab, Al-Lama', Sahih Muslim dan lain-lain. **Ketiga,** penghasilan penulisan ilmiah yang banyak. Beliau mula menulis ketika berumur dua puluh sembilan tahun. Penulisannya dipermudahkan Allah SWT, dan mempunyai keistimewaan dalam aspek kemudahan ekspresi, kejelasan bukti dan idea, dan bersederhana dalam mengemukakan pendapat para fuqaha. Penulisan beliau masih menarik minat umat Islam sehingga kini.

### Guru-guru Imam Nawawi:

Imam Nawawi mempelajari ilmu agama daripada guru-guru yang muktabar dan terkenal. Di antara guru-guru beliau dalam bidang fiqh ialah: Abdul Rahman bin Nuh bin Muhammad Al-Maqdisi (654 Hijrah), Syeikh Ishaq bin Ahmed Al-Maghribi (650 Hijrah), Salar bin Al-Hassan. Al-Irbali (670 Hijrah), dan Syeikh Abdul Rahman bin Ibrahim Al-Fazzari (690 Hijrah). Adapun guru-gurunya dalam bidang hadis, antaranya Syeikh Abdul Karim bin Abdul Samad Al Haristani (662 Hijrah), Syeikh Abdul Aziz bin Muhammad Al Ansari (662 Hijrah), Syeikh Khalid bin Yusuf bin Saad Al Tabulsi (663 Hijrah), Syeikh Ibrahim bin Issa Al Muradi Al Andalusi (667 Hijrah), dan Syeikh Abdul Al-Rahman bin Abi Omar Al-Maqdisi (682 Hijrah). Beliau juga belajar ilmu usul dengan Syeikh Omar bin Bandar bin Omar Al-Taflisi Al-Shafi'i (672 Hijrah).

Dalam bidang bahasa Arab, antara guru-gurunya ialah: Syeikh Ahmed bin Salem Al-Masry (664 Hijrah), Syeikh Abdullah Muhammad bin Abdullah bin Malik Al-Jiani (672 Hijrah), dan Syeikh Fakhr Al-Din bin Al-Maliki (713 Hijrah). Ibn al-Attar menyifatkan pengajiannya dalam bidang bahasa Arab: "Guru pertama yang dipelajari oleh Imam Naawawi adalah daripadanya ialah Fakhruldinn ibn al-Maliki, beliau membaca kepadanya kitab al-Lum' oleh Ibn Jinni, membaca dihadapan Syeikh Abi al-Abbas Ahmad ibn Salem al-Masry tatabahasa, linguistik, dan morfologi, beliau juga membaca kitab dihadapan syeikh Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah bin. Malik al-Jiyaani, dan banyak lagi perkara lainnya.



### **Kitab-kitab karangan Imam Nawawi:**

Imam Nawawi meninggalkan banyak karya, yang menarik minat para ulama dan penuntut ilmu, dan ia menjadi rujukan yang sangat bernilai. Al-Suyuti (t.t) menunjukkan perhatian Al-Asnawi terhadap karangan Imam Nawawi, bahawa apabila beliau sangat layak untuk diperhatikan dan dijadikan rujukan, kerana sifatnya yang suka menyegerakan kepada amal soleh, menghasilkan penulisan yang memberi manfaat. maka dia menjadikan karangannya sebagai koleksi dan ia adalah tujuan yang betul dan niat yang indah.

Tulisannya meliputi pelbagai bidang, termasuk: akidah, hadis, fiqh, bahasa, dan ilmu-ilmu lain. Antara kitab hadith beliau ialah: Syarah Sahih Al-Muslim, Al-Azkar Al-Nawawi, Riyadh Al-Salihin, Empat Puluh Al-Nawawi, Al-Taqrif dan Al-Taysir Li Ma'rifah Sunan Al-Bashir Al-Nazir, Sharh Al-Sunan Abi Dawud, dan Al-Talkhis Syarh Sahih Al-Bukhari. Adapun kitab-kitab fiqh beliau antara lain: Rawdat al-Talibin, Minhaj al-Talibin, al-Idhah fi al-Rituals, al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab, dan Fatwa Imam Nawawi. Imam Nawawi juga tidak ketinggalan dalam usahanya dalam bahasa Arab, kerana dia menulis dua kitab yang terkenal: Tahdheeb al-Asmaa wa al-Lughat, dan Tahrir fi al-faz al-Tanbih.

### **Sumbangan Imam Nawawi dalam Bidang Bahasa**

Imam Nawawi adalah seorang ulama dan pakar dalam ilmu bahasa, dan beliau mempunyai idea yang jelas mengenainya, seperti dalam kenyataannya dalam pengenalan kitab Tahdheeb al-Asma wa al-Lughat: "Bahasa bagi orang Arab adalah di kedudukan yang tertinggi dan dengannya difahami Kitabullah dan Sunnah Rasulullah SAW, yang paling mulia dari yang terdahulu dan yang terkemudian." Selawat Allah ke atasnya dan semua nabi dan orang-orang yang mengikuti mereka dalam kebenaran hingga hari kiamat. Orang-orang yang berakal, berjiwa bersih, dan orang-orang yang berjiwa tinggi berusaha untuk menjaganya dan dapat menguasainya dengan menghafal syair Arab, pidato dan lain-lain urusan mereka. Keadaan ini berlaku pada zaman para Sahabat, RA, walaupun kefasihan mereka disebabkan keturunan dan keluarga, dan pengetahuan mereka tentang bahasa sangat terzahir, tetapi mereka mahu meningkatkan bahasa, yang serupa dengan apa yang telah kami sebutkan, dan digantikan dengan apa yang telah kami bentangkan. Imam Nawawi berpendapat bahawa mempelajari dan mengajar bahasa Arab adalah kewajiban kompetensi.

Ibn Qadi Shahba (1986) menggambarkan kedudukan linguistik dan tatabahasa Imam Nawawi, dengan berkata: "Abu Zakaria al-Nawawi, ahli fiqh, hafiz, nahu, ahli bahasa, Syeikhul Islam, pengarang karya terkenal, adalah seorang imam dalam bahasa. dan tatabahasa. Dia membacakannya kepada Syeikh Jamal al-Din Ibn Malik, menaakalkannya dalam karya-karyanya, dan menyusun Kitab Tahzib Al-Asma' wal-Lughat. dan dia meninggalkannya dalam bentuk draf yang menunjukkan keluasan ilmu linguistiknya. Imam Nawawi amat mementingkan ilmu bahasa, khususnya ilmu nahu, bahkan beliau percaya bahawa ilmu bahasa Arab merupakan syarat bagi seseorang perawi hadith. Beliau juga berpendapat bahawa seorang pelajar hadis harus mempelajari tatabahasa (nahu) sehingga dia terhindar dari kesalahan dan penyimpangan dalam bacaan dan penulisan (As-Suyuti,t.t).

Dalam konteks pendirian dan kesungguhan Imam Nawawi dalam ilmu nahu Arab, beliau telah melakukan usaha yang besar di dalamnya apabila beliau menyebut isu-isu yang berkaitan dengan nahu Arab dan menjelaskannya dalam syarahnya terhadap Hadith, iaitu Syarh Sahih Muslim. Salah satu usaha beliau dalam tatabahasa Arab ialah dengan membincangkan permasalahan nahu dan

memberikan penjelasan yang menyeluruh tanpa sebarang kontroversi. Beliau juga boleh mengemukakan permasalahan atau persoalan bagi mereka yang mengikuti mazhab nahu tertentu, dan menjelaskannya dengan menerangkan melalui aspek bahasa dan hukum yang terkandung di dalamnya. (Abdul Salam, 2011)

Di samping itu, Imam Nawawi juga ada ketikanya membincangkan permasalahan nahu dan apa-apa yang berkaitan dengannya dengan mengemukakan pandangan-pandangan yang ada tanpa mentarjihkan atau menzahirkan pendiriannya tersendiri kepada mana-mana pandangan. Pada ketika yang lain, beliau membincangkan permasalahan nahu dan apa-apa yang berkaitan dengannya dengan mengemukakan pandangan-pandangan yang ada, dengan mentarjihkan atau mentashihkan atau mengambil pandangan-pandangan tertentu sebagai pendiriannya. Pengkaji juga mendapati bahawa Imam Nawawi merujuk kepada makna dalam menerapkan unsur sintaksis berdasarkan zahirnya atau asalnya dan menyimpang daripadanya, sebagaimana beliau menyelaraskan unsur sintaksis antara penggunaan asal dengan penggunaannya yang lain. (Abdul Salam, 2011)

Imam Nawawi juga menjelaskan hukum tatabahasa atau membincangkan permasalahan Nahu jika ianya bersifat mudah dan ringkas. Pada situasi yang lain, beliau mungkin cukup dengan mengemukakan satu aspek isu atau salah satu makna tatabahasa, serta sifat penggunaan beberapa komponen nahu. Imam Nawawi tidak melihat kepada kesalahan-kesalahan yang berlaku melainkan beliau akan menjelaskan kaedah yang betul dalam penggunaan atau memberi petunjuk kepada mereka yang teragak-agak dalam aspek yang dibolehkan dalam bahasa Arab. Imam Nawawi juga mempunyai pendirian yang penting dalam perbincangan i'rab, beliau akan mengulas atau menjelaskan, sebagaimana beliau juga mempunyai pandangan tersendiri dalam perbincangan ayat-ayat bahasa Arab, di mana beliau akan mengulasnya atau menangani pelbagai bentuk ayat-ayat Bahasa Arab.

Dalam aspek lain, Imam Nawawi juga membincangkan fenomena linguistik yang berlaku dalam struktur ayat bahasa Arab, seperti: penambahan, penghapusan, mendahulukan (taqdim) dan mengkemudiankan (ta'khir), dan lain-lain. Beliau berusaha untuk menjelaskannya, serta membincangkannya secara terperinci. Dengan kesungguhan ini, pengkaji dapat membuktikan bahawa Imam Nawawi telah memberikan sumbangan yang besar terhadap aspek tatabahasa, dan disarankan untuk menonjolkan kehebatan tatabahasanya dengan lebih meluas.

Bagi kedudukannya dalam bidang Nahu, maka ianya perlu dilihat kepada kedudukan keilmuannya. Dia mempunyai kedudukan tinggi yang tidak diragui. Bahkan, ia tidak terhad kepada ilmu fiqh, hadis, dan lain-lain, sebaliknya, pengkaji berpendapat bahawa beliau layak mendapat penghormatan dalam bidang nahu memandangkan usaha dan sumbangan beliau dalam membincangkan permasalahan nahu dalam kitab-kitab fiqh dan hadis. (Md Noor, 2014).

Pengkaji mendapati ada sedikit kesuaran untuk mendapatkan pandangan ilmu tentang kedudukan keilmuan Imam Nawawi dalam bidang Nahu secara khusus, kecuali apa yang dinyatakan oleh Ibn Qadi Shahba. Beliau menyifatkan Imam Nawawi sebagai seorang pakar dalam bidang tatabahasa dan linguistik. Al-Dhahabi pula berpandangan bahawa beliau mempunyai pengetahuan yang luas tentang hadis, fiqh, dan bahasa, tanpa menyatakan secara khusus menyebut nahu, tetapi hanya bahasa. Pengkaji menjangkakan bahawa antara sebab terpenting yang menyebabkan kurangnya sebutan status nahu beliau ialah kemasyhuran beliau dalam hadis dan fiqh. (Md Noor, 2014). Kemasyhuran ini mengatasi sisi tatabahasanya. Sebabnya juga mungkin kerana tidak ada kitab khusus

baginya tentang tatabahasa Arab, walaupun mempunyai dua kitab tentang Bahasa secara umum iaitu: *Tahdheeb al-Asma' wa al-Lughat*, dan *al-Tahrir fi al-Tahbir fi al-faz al-Tanbih*.

Pengkaji juga mendapati bahawa kedudukan keilmuannya dalam aspek Bahasa arab terserlah dengan adanya kajian linguistik dan tatabahasa moden dalam kitab-kitab hadisnya, seperti: *Riyad al-Salihin*, *Sharh Sahih Muslim*, dan lain-lain. Pengkaji juga berharap agar kajian ini menjadi usaha yang serius untuk Imam Nawawi dalam bidang Bahasa sehingga membuktikan bahawa beliau bukan sahaja salah seorang ulama besar dalam ilmu fiqh dan hadis, malah beliau juga merupakan salah seorang ahli bahasa.

## Penutup

Penulisan maqalah ini yang berasaskan beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa Imam Nawawi adalah seorang ahli Bahasa, dan bukan sekadar ahli fiqh dan ahli hadis. Pengkaji juga mendapati bahawa keperibadian Imam Nawawi dalam aspek bahasa terserlah melalui pandangan dan penghormatan para ulama terhadapnya, selain dari pendekatannya dalam membincangkan permasalahan Bahasa seperti nahu, balaghah dan lain-lainnya. Sehubungan itu, pengkaji melihat bahawa Imam Nawawi sememangnya layak mendapat penghargaan yang tinggi dalam bidang bahasa Arab. Begitu juga, kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kemasyhuran Imam Nawawi dalam tatabahasa Arab tidak seperti kemasyhurannya dalam hadis dan fikah. Pengkaji mendapati kepakaran tentang Imam Nawawi sebagai ahli bahasa tidak dinyatakan oleh ulama' yang ramai, berbanding dengan kepakarannya dalam bidang fiqh atau hadis.

Akhir sekali, pengkaji ini menyarankan untuk mengangkat keperibadian Imam Nawawi dalam aspek Bahasa serta menunjukkan kemasyhurannya dalam nahu Arab dengan menambahkan askripsi sebagai pakar bahasa pada gelarannya, sehingga beliau digelar Imam Nawawi An-nahwi, sebagaimana beliau terkenal sebagai: "Ahli fiqh Imam Nawawi," atau "ahli hadith Imam Nawawi." Pengkaji juga mengesyorkan supaya kedudukan Imam Nawawi dalam aspek tatabahasa diberikan penghormatan yang selayaknya. Kajian ini juga menyarankan supaya adanya usaha yang lebih banyak untuk sumbangan dan kepakaran Imam Nawawi dalam bidang Bahasa, sebagaimana yang terdapat dalam karya-karya beliau yang pelbagai.

## Rujukan

- Ahmed Farid (2012), *Al-Imam Al-Nawawi*, laman web Sayd al-Fawaid, ([www.saaaid.net/book/7/1257.doc](http://www.saaaid.net/book/7/1257.doc)).
- Al-Nawawi, Muhyiddin Abu Zakaria Yahya bin Sharaf (2002 M), *Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab*, Tahqiq: Majmu'ah min al-Muhaqqiqin, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyya, edisi pertama.
- Al-Sakhawi, Shams al-Din Muhammad Abd al-Rahman (w.), *Al-Manhal al-'Adbb ar-Rawi fi Tarjamah Quth al-Anliya' an-Nawawi*, Tahqiq: Muhammad al-Eid al-Khatrawi, Madinah: Perpustakaan Dar al-Turath, d.d.
- Al-Suyuti, Abd al-Rahman bin Abi Bakr Jalal al-Din, *Tadrib ar-Rawi fi Sharh Taqrib an-Nawawi*, Tahqiq: Abu Qutaybah Nazr Muhammad, (Damascus: Dar Taiba, ed., d.d.)
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr (w. T.), *Al-Minhaj as-Sawi fi Tarjamah al-Imam an-Nawawi*, Tahqiq: Muhammad al-Eid al-Khatrawi, Madinah: Dar al -Perpustakaan Turath, d.
- Az-Zahabi, Muhammad bin Ahmad bin Uthman (1985M), *Al-'Ibar fi Khabar man Ghabar*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, tiada cetakan

- Ibn Al-Attar, Ali bin Ibrahim bin Daoud (1991 M), *Tuhfat Al-Talibin fi Tarjamati Imam Nawawi*, Tahqiq: Fouad Abdel Moneim, Alexandria: University Youth Foundation.
- Ibn Kathir (1986), Abu Al-Fidaa Abu Omar bin Ismail, *Al-Bidayah wa al-nihayah*, Damascus: Dar Al-Fikr.
- Ibn Qadi Shahba (1987), Abu Bakar Ahmad bin Muhammad bin Omar bin Muhammad Taqi al-Din, *Tabaqat As-Syafiyah*, Tahqiq: Al-Hafiz Abdul Halim Khan, (Beirut: Alam al-Kutub, 1st edition, 1987 AD)
- Jassim (2011), Abdul Salam Mar'i, *Juhud Al-Nawawi Al-Lughawiyah wa al-Sarfyyah fi Tabrir Alfaẓ Al-Tanbih*, Universiti Mosul, Jurnal Penyelidikan Kolej Pendidikan Asas, Jilid 11, Isu 2.
- Khattabi, Mahmud Dawud Dusuqi, *al-'Itr ash-Shadhi min Tarjamah al-Imam an-Nawawi*, laman web Alukah Al-Thaqafiya, web: (<http://www.alukah.net/Culture/0/22435/>).
- Md Noor Bin Hussin (2014), *At-Tanjihat an-Nabwiyah lil-Imam an-Nawawi: Dirasab Tablilyyah min Khilal Kitab al-Majmu'*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Md Noor Bin Hussin, 2020, *Nash'at al-Imam an-Nawawi wa Juhuduhu al-'Ilmiyyah wa an-Nabwiyah*, Jurnal Pengajian Islam, Vol. 13, No. 2
- Md Noor Hussin, 2020, *Ad-Dirasab al-Wasfiyyah fi Kitab al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab lil-Imam an-Nawawi*, Vol.3, No.1, E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik.
- Md Noor Hussin, Khairatul Aqmar, 2014. *Al-Imam an-Nawawi wa Minhajuhu fi Taqdim al-Mawdu'at an-Nabwiyah fi Kitab al-Majmu'*, E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization.
- Mohamad Syukri Abd Rahman, Md Noor Hussin Dan Adnan Mat Ali (2015). *Kewibawaan Imam Nawawi Dlm Bidang Bahasa Arab*, Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan 2015(Ispen2015), 8-9 Jun 2015, KUIS, Anjuran Fakulti Pendidikan KUIS
- Mohamad Syukri Abdul Rahman & Mohammad B. Seman (2014), *Ketokohan Dan Kewibawaan Imam Nawawi Dalam Bidang Keilmuan*, Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS, Bil 7
- Mohamad Syukri Abdul Rahman Dan Muhammad Bin Seman 2015). *Kewibawaan Imam Anawawi Dalam Bidang Keilmuan Dan Karya Agungnya Kitab Riyad Al-Salihin*, (Cetakan Pertama 2015)Penerbit Pusat Pembangunan Penyelidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. (ISBN978-967-0850-04-7)
- Uwaidah, Kamel Muhammad (1995 M), *Al-Imam an-Nawawi Shaykh al-Muhaddithin wal-Fuqaha*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, cetakan pertama.

## BAB 3

### STRATEGI EKSPLISITASI PENGKHUSUSAN LEKSIKAL DALAM TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN: ANALISIS TERHADAP GAYA BAHASA MAJĀZ MURSAL

Nasimah Abdullah<sup>1</sup> & Saifulah Samsudin<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

#### Pendahuluan

Terjemahan al-Quran kepada bahasa-bahasa lain memainkan peranan yang sangat signifikan dalam usaha memberi kefahaman tentang isi kandungan dan mesej yang dibawa oleh Quran (Abdul-Raof, 2001; Abdullah, 2015; Abdullah, 2020). Al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab menggunakan pelbagai ragam bahasa seperti gaya bahasa dialog (Dani, 2023), gaya bahasa *ingkari* (Zaenuddin & Hamdani, 2015), gaya bahasa majāzi atau figuratif (Khomairah, 2021) dan lain-lain. Adakalanya penggunaan pendekatan terjemahan secara kata demi kata (*barfiab*) bagi sesetengah ayat al-Quran sudah memadai untuk menyampaikan maksud al-Quran. Hal ini kerana gaya bahasa Arab yang digunakan dalam al-Quran mempunyai padanan makna semantik yang sepadan dengan bahasa-bahasa lain atau mempunyai struktur linguistik yang sama.

Sebaliknya terdapat juga penggunaan pendekatan terjemahan secara kata demi kata (*barfiab*) bagi sesetengah ayat al-Quran yang lain tidak memadai untuk menyampaikan maksud al-Quran, malah membawa kepada kekeliruan pada makna (Abdullah et al., 2020a; Abd. Rahman et al., 2019). Hal ini kerana gaya bahasa Arab yang digunakan tidak mempunyai padanan makna semantik dengan bahasa-bahasa lain atau mempunyai ciri-ciri linguistik, unsur budaya dan laras bahasa yang berbeza dengan bahasa yang lain. Justeru, penterjemah haruslah melihat kepada perbezaan ini semasa menterjemahkan ayat al-Quran kepada bahasa-bahasa lain. Hal ini sangatlah penting kerana ketepatan maksud dalam menterjemah ayat al-Quran dapat memberikan kefahaman yang betul kepada pembaca (Abdullah & Abd. Rahman, 2016).

Dalam bidang pengajian terjemahan, Nida (1975) menyebut bahawa masalah terjemahan yang sebenar adalah masalah kesepadanan makna dalam terjemahan. Oleh itu, Nida (1964) telah mengemukakan kemungkinan empat (4) jenis padanan dalam penterjemahan iaitu (i) satu lawan satu, (ii) satu lawan banyak, (iii) banyak lawan satu, (iv) satu lawan tiada. Jenis (i) tiada masalah kesepadanan makna dalam terjemahan kerana hanya ada satu pilihan padanan perkataan seperti perkataan “الليل” yang diterjemahkan kepada “malam”. Tetapi jenis (ii) dan (iii) menghadapi masalah kesepadanan makna dalam terjemahan kerana mempunyai pelbagai padanan makna seperti perkataan “مات” yang boleh diterjemahkan kepada “mati”, “mangkat”, “wafat”, “meninggal dunia”, “menemui ajal”, “habis umur”, “kembali ke pangkuan Ilahi”, “menghembus nafas yang terakhir” dan “mampus” (Abdullah & Abd. Rahman, 2019). Begitu juga jenis (iv) yang juga menghadapi masalah kesepadanan makna dalam terjemahan ekoran ketiadaan padanan.

Sebenarnya terjemahan al-Quran kepada bahasa-bahasa lain menggunakan pelbagai pendekatan semasa memberi interpretasi terhadap mesej al-Quran. Dalam dimensi pengajian Ulum al-

Quran, para sarjana Islam kebiasaannya membahagikan kaedah terjemahan al-Quran ke bahasa-bahasa lain hanya kepada terjemahan *harfiah*, terjemahan *lafziyyah* dan terjemahan *tafsiriyyah* (Al-'Abīd, 1418H). Sedangkan dalam dimensi pengajian terjemahan moden Barat, para sarjana mengemukakan pelbagai pendekatan, teori, kaedah dan prosedur dalam terjemahan yang boleh dimanfaatkan untuk memastikan pengajian bahasa al-Quran seiring dengan perkembangan zaman.

Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti pendekatan terjemahan yang digunakan dalam “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran” dengan memanfaatkan salah satu prosedur terjemahan moden Barat iaitu strategi eksplisitasi dari bentuk pengkhususan leksikal yang digagaskan oleh Klaudy dan Károly pada tahun 2005. Kajian ini hanya memfokuskan kepada gaya bahasa majāz mursal. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan persampelan bertujuan. Persampelan berasaskan tujuan merujuk kepada pemilihan sampel kajian berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik yang sesuai dengan objektif kajian (Ahmad Sunawari Long, 2016: 86). Kajian ini menjurus kepada analisis teks yang dihurai secara deskriptif.

Hasil penelitian kepada tinjauan literatur hanya terdapat satu (1) kajian oleh Samsudin et al. (2020) yang bertajuk “Pengeksplisitan dalam Terjemahan Gaya Bahasa Majāz Mursal: Analisis dalam Surah al-Baqarah”. Korpus kajian ini ialah “Tafsir Pimpinan al-Rahman”. Kajian ini menganalisis lima (5) ayat al-Quran daripada surah al-Baqarah yang mengandungi majāz mursal iaitu ayat 19,43, 174, 221 dan 232 berdasarkan strategi eksplisitasi. Berdasarkan lima (5) data, kajian ini mendapati “Tafsir Pimpinan al-Rahman” tidak konsisten dalam penggunaan teknik penterjemahan majāz mursal. Sebahagian sampel diterjemah secara literal, namun sebahagian lagi dengan menggunakan strategi eksplisitasi.

Justeru, penulis berpandangan bahawa kajian berkaitan dengan strategi eksplisitasi dalam terjemahan majāz mursal al-Quran kepada bahasa Melayu masih lagi terbatas. Begitu juga pengkajian tentang pendekatan terjemahan Syeikh Abdullah Basmeih dari segi perspektif teori terjemahan moden Barat amatlah sedikit berbanding dengan pengkajian tentang manhaj atau metode penterjemahannya dari segi perspektif pengajian Islam khususnya bidang tafsir. Oleh itu, kajian susulan lain yang melibatkan sampel yang berbeza masih perlu dilakukan untuk melihat aplikasi strategi eksplisitasi dalam teks terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu. Kajian susulan ini oleh penulis diharap dapat mengkayakan lagi khazanah ilmu berkaitan pendekatan terjemahan al-Quran kepada bahasa-bahasa lain.

## **Sumbangan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Masyarakat Melayu**

“Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran” merupakan terjemahan makna al-Quran kepada bahasa Melayu yang sangat popular di Malaysia dari abad ke-20 hingga kini. Teks terjemahan ini diusahakan oleh Syeikh Abdullah Basmeih. Idea menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Melayu telah dicetuskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (Ahmad Najib Abdullah, 2020).

Tafsir Pimpinan al-Rahman merupakan karya tafsir terbesar di Tanah Melayu yang dihasilkan oleh Abdullah Basmeih pada abad ke-20. Tafsir ini adalah sebuah tafsir al-Quran yang mengandungi tiga puluh (30) juzuk versi bahasa Melayu bermula dari surah al-Fātiḥah sehingga surah al-Nās. Keputusan untuk menghasilkan tafsir berbahasa Melayu telah diputuskan oleh Majlis Raja-raja pada tahun 1963 dan diserahkan tugasannya kepada Ustaz Faisal bin Haji Othman. Kemudian tugas ini

berpindah kepada Syeikh Abdullah Basmeih. Beliau telah mengambil masa selama lima (5) tahun untuk menyiapkan tafsir ini bermula dari tahun 1969 sehingga tahun 1972 (Abdullah, 2009; Muhammad Arif Musa, 2018). Tafsir ini telah disemak oleh Hj Muhammad Noor bin Hj Ibrahim Mufti Kerajaan Negeri Kelantan pada waktu itu dan dicetak dengan tulisan jawi yang diterbitkan oleh Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia ( Ahmad Najib Abdullah, 2020).

Abdul Halim (2018) menyatakan bahawa Syeikh Abdullah Basmeih menggunakan metode ijmalī dalam penafsiran beliau. Walaupun bersifat ijmalī dan ringkas tetapi pentafsirannya memiliki beberapa keistimewaan dari sudut bahasa yang digunakan. Kitab ini merupakan kitab tafsir berbahasa Melayu yang bersumberkan dari kitab-kitab tafsir yang masyhur, kemudian disusun pula dengan gaya bahasa yang lebih mudah untuk difahami terutama oleh masyarakat Islam di Malaysia. Tidak hairanlah jika kitab *tafsir ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu khususnya di Malaysia dan sering digunakan dalam majlis-majlis ilmu ekoran cara terjemahan maknanya yang menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh pembaca. Begitu juga, sumbangan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman adalah amat besar kerana terjemahan tersebut dijadikan bahan kajian oleh para penyelidik terutamanya berkaitan pendekatan atau kaedah terjemahan* (Abdullah et al., 2017)

*Kitab tafsir ini telah diulang cetak beberapa kali dan pada tahun 2022 tafsir ini diberikan nafas baharu dengan edisi rumi hasil kolaborasi antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Rimbunan Islamik Media sendirian berhad.*

## **Masalah Terjemahan Majāz Mursal al-Quran Kepada Bahasa Melayu**

Setiap bahasa itu unik dan mempunyai peraturan penggunaannya tersendiri. Peraturan penggunaan bahasa boleh dibahagi kepada tiga (3) jenis iaitu peraturan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik (Awang Sariyan, 2007). Sudah pastinya bahasa Arab dan bahasa Melayu mempunyai penggunaan ungkapan figuratif yang berbeza kerana kedua-dua bahasa tersebut berlatar belakangkan budaya masyarakat yang berbeza sama sekali. Ungkapan figuratif kebiasaannya terhasil daripada suasana sekeliling yang mungkin melibatkan elemen budaya. Elemen budaya akan mempengaruhi peraturan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik sesuatu bahasa. Oleh itu, ungkapan figuratif Arab dalam kebanyakan keadaan tidak boleh dipindahkan kepada bahasa Melayu secara kata demi (Nasimah & Lubna, 2016).

Figuratif dari segi bahasa menunjukkan makna perkataan, rangkai kata dan sebagainya yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya (Baharom et. al., 2015: 410). Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2006: 147-148) mengklasifikasikan ungkapan kiasan, simpulan bahasa, peribahasa, perumpamaan, metafora dan simili dalam kategori ungkapan makna figuratif iaitu makna yang melalui proses peluasan makna, dan semua bentuk tersebut lari jauh dari makna asal perkataannya serta tidak dapat ditafsirkan mengikut struktur ayat berdasarkan perkataan-perkataan itu digunakan. Menurut Muhammad Fauzi (2003) pula, bahasa figuratif adalah bahasa kiasan, iaitu bahasa yang mempunyai ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri atau daripada susunan tatabahasanya.

Dengan sebab itu, makna ungkapan figuratif Arab tidak boleh difahami dalam bahasa Melayu hanya melalui makna perkataan itu sendiri. Hal ini membawa maksud bahawa penterjemah perlu memahami beberapa perkara dalam terjemahan sebelum memindahkan makna figuratif daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain, seperti budaya bahasa sumber (Dagut, 1976) dan konteks makna (Nida,

2001). Konteks makna boleh difahami dengan mengenali gaya bahasa retorik sesuatu bahasa. Konteks merujuk kepada keseluruhan keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya atau yang dapat dihubungkan dengan sesuatu (Baharom et. al., 2015: 818). Majāz mursal merupakan salah satu daripada gaya bahasa retorik Arab yang menuntut keupayaan penterjemah memahami budaya Arab dan konteks makna.

Perlu disedari juga bahawa jurang perbezaan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dari segi rumpun bahasa, struktur linguistik, unsur semantik dan budaya akan menyebabkan pemindahan makna ungkapan figuratif Arab seperti gaya bahasa majāz mursal tidak mampu dipindahkan secara sepenuhnya kepada bahasa Melayu. Namun, strategi-strategi yang dikemukakan oleh sarjana bidang pengajian terjemahan boleh dimanfaatkan untuk dijadikan panduan ke arah mencapai makna yang paling hampir (Nasimah & Azman, 2022).

Kamus Kesusasteraan (2015) mendefinisikan majāz mursal sebagai salah satu cabang al-majāz yang digunakan oleh orang Arab untuk mengindahkan makna sesuatu perkataan serta menjadikan wacana lebih menarik. Sebenarnya istilah al-majāz dalam bidang ilmu retorik Arab (*al-Balaghah*) merupakan istilah sebanding dengan istilah figuratif dalam bidang pengajian semantik dan terjemahan. Pakar bidang retorik Arab mengkategorikan majāz mursal dalam cabang ilmu *al-bayān*, iaitu cabang ilmu balaghah yang membahaskan prinsip dan kaedah penyampaian makna dengan bentuk ujaran yang berbeza namun mempunyai rujukan yang jelas dan terang (Azman, 2018). Ilmu *al-Bayān* boleh juga difahami sebagai ilmu yang membincangkan makna dan peraturan yang menjelaskan sesuatu idea melalui pelbagai cara yang boleh menghasilkan kesan tersendiri kepada pendengar (Halim et al., 2018).

Majāz mursal mempunyai pelbagai hubungan yang tidak setara dengan kata iringan (*qarīnah*) yang dapat dilihat atau disebut di dalam ayat. Antara hubungan tersebut adalah seperti hubungan *sababiyah* (علاقة سببية), hubungan *musabbab* (علاقة مسببية), hubungan *juziyyah* (علاقة جزئية), hubungan berkaitan dengan perkara yang telah berlaku (اعتبار ما كان), hubungan berkaitan dengan perkara yang belum berlaku (اعتبار ما سيكون), hubungan tempat (علاقة محلية), hubungan keadaan (علاقة حالية) hubungan *kulliyah* (علاقة كلية) dan hubungan *āliyyah* (علاقة آلية) (Bakri, 2001; Kaathi', 2008; al-Zarkasyi, 2001). Hubungan antara maksud asal dengan maksud dikehendaki tidak hadir dalam bentuk persamaan atau keserupaan sebagaimana gaya bahasa isti'ārah, tetapi gaya bahasa majāz mursal ini mengandungi hubungan dari segi makna ujaran.

Pemindahan makna gaya bahasa majāz mursal al-Quran kepada bahasa Melayu memerlukan interpretasi yang melangkaui makna literal kerana gaya bahasa ini mengandungi makna implisit iaitu makna tersirat atau makna yang tidak dinyatakan secara terang-terangan (Baharom et. al., 2015: 571). Informasi implisit yang ada dalam teks sumber perlu diterjemahkan dalam teks sasaran agar mesej teks sumber boleh disampaikan dengan tepat (Hasan, 2007). Hal ini adalah kerana maklumat yang implisit merupakan sebahagian daripada komunikasi keseluruhan yang penulis atau penutur ingin sampaikan (Larson (1989).

Dalam konteks gaya bahasa majāz mursal al-Quran, informasi implisit yang terdapat pada hubungan-hubungannya sebenarnya membentuk sebahagian daripada komunikasi keseluruhan yang perlu dieksplicitkan dalam bahasa Melayu agar maksud asal teks sumber boleh difahami dengan betul. Gangguan makna akan terjadi sekiranya makna implisit yang terkandung dalam gaya bahasa majāz mursal al-Quran tidak dizahirkan dalam teks sasaran (Abdullah et al., 2020b). Kajian Abdullah (2019) menemukan bahawa cara terjemahan literal boleh menyebabkan kehilangan makna majāz mursal al-



Quran dalam terjemahan. Kajian lain oleh Abdullah et al. (2020a) dan Abdullah et al. (2021) juga menyokong dapatan kajian ini dengan menyarankan agar strategi terjemahan lain perlu diguna pakai agar makna sebenar mesej al-Quran dapat disampaikan kepada pembaca sasaran.

Berdasarkan pengkajian dalam pengajian ilmu terjemahan, pengaplikasian strategi terjemahan tertentu boleh menangani bentuk makna implisit (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2015: 13). Antara strategi yang boleh diaplikasikan dalam menzahirkan bentuk makna implisit yang terkandung dalam ungkapan majāz mursal dalam al-Quran ialah strategi eksplisitasi. Hal ini dibuktikan melalui kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh Abdullah et al. (2020c), Abdullah dan Samsudin (2022) dan Zainuddin et al. (2023) yang menunjukkan bahawa terjemahan gaya bahasa majāz mursal al-Quran menggunakan pelbagai bentuk eksplisitasi untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca sasaran terhadap makna al-Quran seperti bentuk pengkhususan, penambahan maklumat, maklumat tambahan dalam kurungan dan nota kaki. Ketiga-tiga kajian ini merumuskan bahawa strategi-strategi yang diketengahkan itu tidak dapat dinafikan mampu menyampaikan makna implisit yang terkandung dalam *majāz mursal* al-Quran berbanding kaedah literal yang mengundang kehilangan makna majāz mursal dalam teks terjemahan.

Boleh dirumuskan daripada tinjauan literatur bahawa kajian berkaitan dengan strategi eksplisitasi dalam terjemahan majāz mursal al-Quran kepada bahasa Melayu masih lagi sedikit. Kajian-kajian tersebut juga menunjukkan bahawa strategi eksplisitasi merupakan satu prosedur terjemahan yang boleh diguna pakai dalam kerangka penterjemahan Arab-Melayu secara umumnya dan juga sesuai untuk diterapkan dalam terjemahan teks keagamaan secara khususnya.

### **Strategi Eksplisitasi Pengkhususan Leksikal**

Dari sudut bahasa, perkataan “strategi” mempunyai pelbagai dimensi makna dan antaranya bermaksud rancangan yang teratur untuk mencapai matlamat atau kejayaan (Baharom et. al., 2015: 1525). Manakala, istilah “strategi” dalam bidang pengajian terjemahan merujuk kepada teknik terjemahan. Harun Baharudin (2017: 227) mendefinisikan teknik terjemahan adalah apa sahaja tindakan yang dilakukan oleh penterjemah dalam tugas menterjemahkan teks dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Menurut Zuchridin et. al. (2003), penggunaan istilah teknik terjemahan merujuk kepada tertib formal dalam urutan jenis terjemahan. Sebenarnya, para sarjana bidang pengajian terjemahan mempunyai pendapat yang tidak sama dalam menentukan jenis, kategori dan teknik terjemahan. Namun apa yang pasti, mereka mengklasifikasikan strategi terjemahan sesuai dengan perspektif khusus dan sudut pandang yang berbeza sehingga wujud beberapa model, teori dan klasifikasi teknik terjemahan (Harun Baharudin, 2017: 227). Antara strategi dalam terjemahan adalah eksplisitasi.

Secara umumnya, perkataan “eksplisit” telah diguna pakai sebagai istilah dalam pelbagai bidang linguistik, tetapi perkataan tersebut merujuk kepada konsep yang berbeza. Namun, secara khususnya istilah “eksplisitasi” dalam bidang pengajian terjemahan merujuk kepada satu bentuk peralihan (*shift*) dalam terjemahan daripada makna implisit dalam teks bahasa sumber kepada makna eksplisit dalam teks bahasa sasaran (Murtisari, 2016). Ironinya, istilah “eksplisitasi” telah diguna pakai dalam konsep ilmu pengajian terjemahan yang merujuk kepada strategi atau prosedur dalam terjemahan.

Pada awalnya, strategi eksplisitasi diperkenalkan oleh Vinay & Darbelnet dalam buku beliau “*Stylistique comparée du français et de l’anglais*” yang ditulis dalam bahasa Perancis pada tahun 1958

yang membuat perbandingan terjemahan stilistik antara bahasa Inggeris dengan bahasa Perancis. Kemudiannya, buku tersebut diterjemahkan ke bahasa Inggeris pada tahun 1995. Mereka berdua memperkenalkan strategi eksplisitasi ini sebagai tambahan kepada prosedur terjemahan langsung (*direct translation*) dan terjemahan tidak langsung (*indirect translation*) (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2015: 19).

Vinay dan Darbelnet (1995: 342) mendefinisikan eksplisitasi sebagai satu prosedur dalam terjemahan yang menzahirkan makna implisit yang terdapat dalam bahasa sumber ke bahasa sasaran atas faktor konteks atau keadaan. Definisi ini bolehlah dianggap sebagai pengertian awal dalam memahami konsep eksplisitasi dalam pengajian terjemahan. Namun, penggunaan strategi ini secara berlebihan menurut Vinay dan Darbelnet (1995: 342) boleh mengundang fenomena “*overtranslation*”. Konsep eksplisitasi ini kemudiannya dikembangkan oleh ramai sarjana yang datang selepas mereka berdua dan antaranya Klaudy dan Károly (2005).

Kemunculan buku tulisan Klaudy dan Károly pada 2005 mencambahkan lagi perbincangan tentang eksplisitasi kerana mereka membincangkan secara bersama satu lagi strategi iaitu implisitasi. Klaudy dan Károly (2005: 3) mengemukakan ciri-ciri pengeksplisitan melalui beberapa keadaan seperti i) apabila unit makna umum digantikan dengan unit bahasa sasaran yang lebih spesifik, ii) makna unit yang dibahagikan kepada beberapa unit kecil, iii) teks sasaran yang menampilkan penambahan elemen baharu makna, iv) struktur yang dibahagikan kepada dua atau lebih dalam teks sasaran dan v) frasa yang dipertingkatkan menjadi klausa dalam bahasa sasaran. Manakala, ciri-ciri pengimplisitan pula berlaku sebaliknya.

Begitu juga Klaudy dan Károly (2005: 15) turut mengutarakan operasi pemindahan standard pengeksplisitan iaitu i) pengkhususan leksikal (*lexical specification*), ii) pembahagian leksikal (*lexical division*), iii) penambahan leksikal (*lexical addition*), iv) pengkhususan tatabahasa (*grammatical specification*), v) peningkatan tatabahasa (*grammatical elevating-raising*) dan vi) penambahan tatabahasa (*grammatical addition*). Boleh dikatakan bahawa kajian mereka berdua ini menampilkan elemen teknikal pengeksplisitan dan pengimplisitan secara terperinci.

Istilah “pengkhususan leksikal” dalam kajian ini merupakan satu operasi pemindahan standard yang dikemukakan oleh Klaudy dan Károly (2005) yang terhasil daripada ciri eksplisitasi di mana unit makna umum digantikan dengan unit bahasa sasaran yang lebih spesifik. Idris (2016) mendefinisikan pengkhususan sebagai bentuk penggantian item teks sumber dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran.

### **Analisis Teks Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman**

Dalam bahagian ini penulis akan mengemukakan lima (5) sampel yang menunjukkan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman memindahkan makna implisit yang terkandung dalam gaya bahasa majāz mursal al-Quran melalui penggunaan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal. Data kajian ialah ayat 92 surah al-Nisā’, ayat 36 surah Yusuf, ayat 53 surah al-Hijr, ayat 13 surah Ghāfir dan ayat 2 surah al-Muzammil. Bagi memudahkan analisis, data ayat al-Quran dan terjemahannya ditunjukkan dalam jadual. Data terjemahan yang mengandungi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal akan ditanda dengan garisan di bawah.

Contoh 1: Surah al-Nisā' ayat 92

Jadual 1

<p>﴿وَمَا كَانَتْ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَاً وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَاً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةً وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصَدَّقُوا...﴾</p>	<p>Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mu'min membunuh seorang mu'min yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mu'min dengan tidak sengaja, <u>maka (wajiblah ia membayar kaffarah) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman</u> serta membayar “diah” (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga simati), kecuali jika mereka sedekahkan (mema'fkannya)...</p>
--	--

Ungkapan (تحرير رقبة) secara literalnya bermaksud “melepaskan leher”. Namun dari segi penggunaan gaya bahasa figuratif, ungkapan tersebut merupakan *majāz mursal* dari hubungan separa (الجزئية) yang merujuk kepada satu keadaan gaya bahasa yang menyebut sebahagian sesuatu tetapi yang dimaksudkan adalah keseluruhan sesuatu (al-Zarkasyi, 2001: 2: 280). Dapat diperhatikan bahawa perkataan (رقبة) iaitu leher digunakan secara umum untuk merujuk kepada sebahagian dari tubuh badan hamba sahaya, tetapi yang dimaksudkan adalah lebih khusus iaitu dinisbahkan kepada keseluruhan tubuh badan hamba sahaya (al-Zamakhsyari, 1995: 1: 549).

Daripada Jadual 1 kita dapat perhatikan bahawa Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menzahirkan makna sebenar *majāz mursal* tersebut dengan terus menterjemahkan ungkapan (تحرير رقبة) kepada memerdekakan seorang hamba. Ini bermakna Syekh Abdullah Basmeih menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal.

Contoh 2: Surah Yusuf ayat 36

Jadual 2

<p>﴿وَدَخَلَ مَعَهُ السِّجْنَ فَتَيَانٍ قَالَ أَحَدُهُمَا إِنِّي أَرَانِي أَعْصِرُ خَمْرًا...﴾</p>	<p>Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Dan masuklah bersama-samanya ke penjara dua orang khadam raja. Salah seorang di antaranya (bertanya kepada Yusuf dengan) berkata: “Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku <u>memerah anggur</u>”</p>
--	---

Ungkapan (أعصر خمرا) dalam Jadual 2 jika diterjemah secara literal bermaksud aku memerah arak. Perbuatan sebegini adalah tidak logik kerana yang boleh diperah ialah anggur, bukan arak. Gaya bahasa sebegini merupakan *majāz mursal* dari hubungan berkaitan dengan perkara yang akan berlaku (al-Zamakhsyari, 1995: 2: 450). Ia merujuk kepada satu keadaan gaya bahasa yang menyebut sesuatu perkara yang dinisbahkan kepada apa yang akan terhasil kemudiannya (al-Qazwīni, t.t: 157). Yang dimaksudkan di sini adalah memerah anggur untuk dijadikan arak kemudiannya.

Dari Jadual 2 kita dapat perhatikan bahawa Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menzahirkan makna sebenar *majāz mursal* tersebut dengan terus menterjemahkan ungkapan tersebut kepada “Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur...”. Ini menunjukkan bahawa Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal.

Contoh 3: Surah al-Hijr ayat 53

Jadual 3

<p>﴿قَالُوا لَا تَوْجَلْ إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ عَلِيمٍ﴾</p>	<p>Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Mereka menjawab: “Janganlah engkau takut, sebenarnya kami hendak menggembarakanmu dengan berita bahawa engkau akan beroleh seorang anak lelaki yang bakal menjadi seorang yang berilmu”<sup>(498)</sup> (498) Anak itu ialah Ishaq, yang kemudiannya menjadi Nabi.</p>
--	---

Kosa kata (غلام) bermaksud budak iaitu dari lahir hingga remaja (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006: 1697). Oleh itu, ungkapan (غلام عليم) dalam Jadual 3 bermaksud secara literalnya budak yang berilmu. Sifat berilmu yang dinisbahkan kepada budak adalah tidak logik kerana ilmu itu satu benda yang akan diperolehi selepas melalui proses pertambahan usia. Gaya bahasa sebegini merupakan *majāz mursal* dari hubungan berkaitan dengan perkara yang akan berlaku (al-Zarkasyi, 2001: 2: 279). Hal ini merujuk kepada satu keadaan gaya bahasa yang menyebut sesuatu perkara yang dinisbahkan kepada apa yang akan berlaku kemudiannya (al-Qazwīni, t.t: 157). Ini kerana adalah mustahil anak kecil yang baru dilahirkan terus mempunyai ilmu, tetapi yang dimaksudkan adalah kelak anak kecil itu akan menjadi seorang yang berilmu di suatu masa nanti selepas baligh.

Jika ungkapan *majāz mursal* tersebut diterjemahkan secara literal semata-mata dengan “sesungguhnya kami memberi khabar gembira kepadamu dengan seorang anak yang alim”, nescaya tidak selari dengan dasar retorik bahasa Arab dan keadaan ini sudah pasti menyebabkan tidak tercapainya kesepadanan makna dalam terjemahan. Ini berbeza dengan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman yang menzahir makna implisit yang terdapat dalam *majāz mursal* tersebut kerana menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal iaitu menggantikan item teks sumber (غلام عليم) dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran iaitu “seorang anak lelaki yang bakal menjadi seorang yang berilmu”.

Contoh 4: Surah Ghāfir ayat 13

Jadual 4

<p>﴿هُوَ الَّذِي يُرِيكُمْ آيَاتِهِ وَيُنَزِّل لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ رِزْقًا وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَنْ يُنِيبُ﴾</p>	<p>Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Dialah Tuhan yang memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda keesaanNya dan kekuasaanNya (untuk kehidupan rohani kamu), dan yang menurunkan (untuk jasmani kamu) sebab-sebab rezeki dari langit. Dan tiadalah yang ingat serta mengambil pelajaran (dari yang demikian) melainkan orang yang sentiasa bertumpu (kepada Allah).</p>
--	---

Perkataan (رزقاً) yang terdapat dalam ungkapan (وينزل لكم من السماء رزقاً) merupakan *majāz mursal* yang mempunyai hubungan *musabbab*. Hubungan ini merujuk kepada satu keadaan gaya bahasa yang menyebut kesan atau akibat daripada sesuatu perkara, sedangkan yang dimaksudkan adalah sebab atau punca kepada perkara tersebut (al-Zarkasyi, 2001: 2: 272; al-Qazwīni, t.t: 156). Ayat al-Quran dalam Jadual 4 menyebut akibat iaitu rezeki (رزقاً) sedangkan yang dimaksudkan adalah air hujan yang menjadi

punca kepada adanya rezeki (al-Zamakhshyari, 1995: 4: 151; al-Suyūti, 2003: 3: 113). Hal ini adalah kerana mustahil akal boleh menerima bahawa Allah SWT akan menurunkan rezeki dari langit secara hakiki. Apa yang dimaksudkan sebenarnya adalah air hujan yang turun dari langit yang boleh menyebabkan timbulnya punca rezeki.

Terjemahan secara literal dengan “dan menurunkan rezeki dari langit untukmu” menyebabkan makna implisit yang terkandung dalam ungkapan *majāz mursal* tersebut tidak dapat disampaikan dengan jelas. Dengan sebab itu, kita perhatikan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman tidak menggunakan kaedah secara literal semata-mata, bahkan berusaha menzahirkan makna *majāzi* pada perkataan (رَزَقًا) dengan bentuk eksplisitasi menggunakan pengkhususan leksikal iaitu “dan yang menurunkan (untuk jasmani kamu) sebab-sebab rezeki dari langit.”.

Sudah pasti bentuk pengeksplisitan tersebut lebih jelas dalam usaha menyampaikan mesej al-Quran berbanding terjemahan secara literal semata-mata kerana dapat menzahirkan makna *majāz mursal* yang tersirat. Dengan erti kata lain, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman tidak menginterpretasikan makna (رَزَقًا) setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik bahasa sasaran bahkan membuat penyesuaian mesej teks sumber yang membawa maksud sebab iaitu air hujan yang turun dari langit yang boleh menyebabkan timbulnya punca rezeki.

Contoh 5: Surah al-Muzammil ayat 2

Jadual 5

﴿ قُمْ اللَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا ﴾	Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: <u>Bangunlah sembahyang Tahajjud pada waktu malam</u> , selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat),
------------------------------------	---

Menurut al-Zarkasyi (2001: 2: 283) dan Ibn ‘Asyur (t.t: 14: 257-258), ayat (قم الليل) merupakan *majāz mursal* dari hubungan separa (الجزئية) kerana bangun itu sebahagian daripada usaha ke arah mengerjakan solat di waktu malam.

Dapat diperhatikan bahawa Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal iaitu menggantikan item teks sumber (القيام) dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran iaitu “Bangunlah sembahyang Tahajjud pada waktu malam”.

## Kesimpulan

Berdasarkan lima (5) data yang dikaji, penulis mendapati bahawa Syeikh Abdullah Basmeih menerapkan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal dalam menterjemahkan majaz mursal al-Quran. Hal ini adalah kerana gaya bahasa majaz mursal mengandungi makna idiomatik atau majāzi yang memerlukan interpretasi atau pentafsiran yang melangkaui makna literal ekoran makna implisit yang terkandung di dalamnya. Analisis kajian juga menunjukkan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal mampu menyampaikan makna implisit bagi setiap contoh majaz mursal bahkan turut menepati dengan baik tafsiran para ulama terhadap setiap contoh tersebut.

## Rujukan

- Abd. Rahman, L., Abdullah, N. & Samsudin, S. (2019). Ketidaktepatan Dalam Terjemahan Kinayah Al-Quran. *Proceeding of Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019* (PAnTUMN2019). Pusat Pengajian Teras KUIS. Halaman 260-270. (22 October 2019, Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam). <http://conference.kuis.edu.my/pantumn/e-prosiding-pantumn/e-prosiding-2019#bil-16-30>
- Abdul Halim bin Brahim. (2018). Manhaj Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran Karya Sheikh Abdullah Basmeih. *Tesis Sarjana*. Surabaya: Universiti Islam Negeri Sunan Ampel.
- Abdul-Raof, H. (2001). *Quran Translation: Discourse, Texture and Exegesis*. Cetakan 1. Vol. 4. <https://doi.org/10.3366/jqs.2002.0008>.
- Abdullah, M. (2009). *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Bentong, Pahang: Book Pro Publishing Services.
- Abdullah, N. (2015). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan terhadap kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam*, 8(3), 35–54. <http://www2.kuis.edu.my/jurnal-pengajian-islam>
- Abdullah, N. (2019). Dhaya' al-Dalalat al-Majaziyyah fi Tarjamah Uslub al-Majaz al-Mursal al-Warid fi al-Quran al-Karim: Dirasat fi Ba'dhi al-Nusus al-Mutarjamah ila al-Lughah al-Malayuwiyyah. *Journal of Linguistic and Literary Studies*, Arabic Language Department, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia. Vol. 10, No. 2, December 2019. 44 - 64.
- Abdullah, N. (2020). Pengaruh Mazhab Fiqah al-Syafi'i: Analisis Terhadap Beberapa Teks Terjemahan Al-Quran Ke Bahasa Melayu: The Influence of al-Syafi'i School of Thought (Madzhab): An Analysis of Few of the Malay Translations of the Quranic Text. *Journal of Muwafaqat*, 3(2), 44-62. <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/73>
- Abdullah, N. & Abd. Rahman, L. (2016). Terjemahan Ayat Figuratif Dalam Al-Quran: Perbandingan Antara Penterjemah Individu Dan Berkumpulan. *The Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*, 3(1), 1-12. [http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files4/4\\_004-Nasimah.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files4/4_004-Nasimah.pdf)
- Abdullah, N. & Abd. Rahman, L. (2019). Eufemisme Dalam Wacana Terjemahan Makna Al-Quran Ke Bahasa Melayu: Analisis Pragmatik. *AL-IRSYAD: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(1), 39-56. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i1.46>
- Abdullah, N., & Samsudin, S. (2022). Perbandingan penterjemahan Majāz Mursal al-Quran antara Yayasan Restu dengan al-Hidayah House of Quran. *al-Iryad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 949-961. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.298>
- Abdullah, N., Abd. Rahman, L. & Ab. Hamid, N. (2017). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan Terhadap Unsur Kesopanan Dalam Sociolinguistik Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4(2), 135-149. [http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files7/jsass\\_vol4bil2\\_018\\_nasimah.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files7/jsass_vol4bil2_018_nasimah.pdf)
- Abdullah, N. Samsudin, S dan Suliman, N.F. (2020a). Ketidaktepatan dalam Terjemahan Majāz Mursal Al-Quran. dalam Ghazali Zainuddin, Mohammad Imran Ahmad, Mariam Mat Daud, Ahmad Redzudin Ghazali & Hasanah Katim @ Iksan. (Eds.), *Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan*. (53-61). Bandar Seri Putra: Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Islam Selangor (UIS).
- Abdullah, N. Samsudin, S dan Suliman, N.F. (2020b). Terjemahan Majāz Mursal: Satu Sorotan Literatur. dalam *Prosiding 7th. International Research Management & Innovation Conference*. 26-28 Oktober 2020. Universiti Islam Selangor.
- Abdullah, N. Samsudin, S dan Suliman, N.F. (2020c). Eksplisitasi dalam Terjemahan Majāz Mursal Al-Quran. dalam Ghazali Zainuddin, Mohammad Imran Ahmad, Mariam Mat Daud, Ahmad

- Redzaudin Ghazali & Hasanah Katim @ Iksan. (Eds.), *Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan*. (10-19). Bandar Seri Putra: Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Islam Selangor (UIS).
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2021). Masalah Semantik dalam terjemahan Majāz Mursal al-Quran: analisis terhadap hubungan Musabbab. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 508-522. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.145>
- Al-‘Abīd, Ali Sulaiman. (1418H). Tafsīr al-Qurān al-Karīm Uṣūluhu wa ḍawābiṭuhu. Maktabah al-Taubah.
- Ahmad Najib Abdullah. (2020). Manhaj Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Dan Al-Qur'an Dan Terjemahnya Dalam Pentafsiran Ayat-Ayat Al-Qasas: Kajian Perbandingan Dari Sudut Pengambilan Israiliyat. *Jurnal KLAS*. 4(1). 96-117. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/jurnalkias/article/view/63>
- Ahmad Sunawari Long. (2016). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2006). Teori dan Teknik Terjemahan. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Cetakan Keempat.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Che Mat. (2018). *Ilmu al-Ma’ani dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharom et. al. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakri, S.A. (2001). *Al-Balaghah al-Arabiyyah fi Thanbiha al-Jadid*. Beirut: Dar al-ilm li al-malayin.
- Dagut, M. B. (1976). Can Metaphor be Translated. in *Babel*. Vol. 22.
- Dani, A. R. (2023). Gaya Bahasa Dialog Al-Qur’an “Analisis Stilistika Atas Dialog Al-Qur’an Mengenai Hari Kebangkitan. *Jurnal sosial dan sains*, 3(3), 258-270. <https://sosains.greenvest.co.id/index.php/sosains/article/view/703>
- Halim, Z. A., Salleh, A. W., Rahman, N. E. A., & Suhane, S. H. M. (2018). Konsep ‘Ilm Al-Bayan Dalam Gaya Bahasa Melayu: Sorotan Perbandingan Dan Pemanfaatannya Dalam Pengajaran Ilmu Balaghah. dalam *Proceedings of International Conference on Ummah (ICU2018)*. 406.
- Harun Baharudin. (2017). Strategi dan Teknik Terjemahan Novel Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Volume 17 (4), November 2017, 225-243.
- Hasan, D. C. (2007). Dari Bahasa Inggris Ke Bahasa Indonesia Dalam Karya Fiksi. *Linguistik Indonesia*, Tahun ke 25, No. 2, Ogos 2007, hlm 55-63.
- Ibn ‘Asyūr, M. (t.t). Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir. Tunis: Dar Sahnun.
- Idris Mansor. (2016). Explication in the Translation into Malay of Arabic Technical Culture. dalam *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Kebangsaan*. 15-16 Oktober 2016. Universiti Sains Malaysia.
- Kaathi’, Fallah Hassan. (2008). *Al-Takwiinaat al-Nahwiyyah li al-Majaz al-Mursal fi al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Cetakan 1.
- Khomairoh, S. (2021). A Study of Figurative Language and Its Educational Value in Surah Al-Kahf (60-82) of Aljamil Qur’an English Translation (*Doctoral dissertation*, Institut Agama Islam Negeri Madura). <http://etheses.iainmadura.ac.id/2780/>
- Klaudy, K. & Károly, K. (2005). Implication in Translation: Empirical Evidence for Operational Asymmetry in Translation. *Across Languages and Cultures*, 6(1), 13-28. <https://doi.org/10.1556/acr.6.2005.1.2>
- Larson, Mildred. (1989). *Penerjemahan Berdasarkan Makna: pedoman untuk Pemadanan Antarbahasa*. Terjemahan Kencanawati Tanirah. Jakarta: Arcan.



- Muhammad Arif Musa, A. M. (2018). Terjemahan Ayat Amthāl di dalam al-Quran: Kajian Terhadap Tafsir Pimpinan al-Rahman. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 147-156.
- Muhammad Fauzi, J. (2003). Penterjemahan Bahasa Figuratif Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans. *Tesis Doktor Falsafah* (tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Murtisari, E. T. (2016). Explication in translation studies: The journey of an elusive concept. *Translation and Interpreting*, 8(2), 64–81. <https://doi.org/10.12807/ti.108202.2016.a05>
- Nasimah Abdullah & Azman Che Mat. (2022). Kaedah Terjemahan Objek Mutlak (al-Maful al-Mutlak) Dalam Bahasa Melayu. dalam Goh Sang Seong (penyunting), *Penterjemahan Struktur Bahasa Asing dalam Bahasa Melayu*. Bab 6. 123-149. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasimah Abdullah & Lubna Abd. Rahman. (2016). Terjemahan Ayat Figuratif Dalam Al-Quran: Perbandingan Antara Penterjemah Individu Dan Berkumpulan. *The Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*, 3(1), Jun 2016, 1-12. Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor. [http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files4/4\\_004-Nasimah.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files4/4_004-Nasimah.pdf)
- Nida, Eugene A. (1964). *Toward A Science of Translating: with special reference to principles and Procedures involved in bible translating*. Leiden: E. J. Brill.
- Nida, Eugene A. (1975). *Componential Analysis of Meaning*. Netherlands: Mouton Publishers.
- Nida, E.A. (2001). *Contexts in Translating*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- al-Qazwīni, Muhammad ibn Abdul Rahman ibn Umar. t.t. *al-Iidbab fi 'Ulum al-Balaghah*. Penyunting 'Ammad Basyuni Zaghulul. Beirut: Muasasah al-Kutub al-Thaqafiyah. Cetakan 3.
- Samsudin, S., Abdullah, N. & Suliman, N.F. (2020). Pengeksplicitan dalam Terjemahan gaya bahasa Majaz Mursal: Analisis dalam Surah al-Baqarah. Dalam Prosiding 7th. International Research Management & Innovation Conference (IRMIC2020). UIS. 334-342. 26-27 October 2020. <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/e-proceedings/e-proceeding-irmic-2019/>
- Al-Suyūti, J. (2003). *Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*. ed. Muhammad Abu al-Fadhli Ibrahim. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2015). Analisis Makna Implisit Dan Eksplisit Dalam Penterjemahan Buku 'Rihlah Ibn Battutah' Ke Bahasa Melayu. *Tesis Sarjana Kedoktoran*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Vinay, Jean-Paul, & Darbelnet, Jean. (1995). *Comparative Stylistics of French And English*. translated by Juan C. Sager & M.J. Hamel. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Zaenuddin, M., & Hamdani, W. H. (2015). Formulasi Gaya Bahasa Ingkari dalam Alquran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra*, 15(1), 57-67. [https://ejournal.upi.edu/index.php/BS\\_JPBSP/article/view/799](https://ejournal.upi.edu/index.php/BS_JPBSP/article/view/799)
- Zainuddin, N. M., Abdullah, N., & Samsudin, S. (2023). Terjemahan Majaz Mursal al-Qur'an melalui Strategi Eksplisitasi: Analisis Itibar Ma Kana. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 6(3), 12-27. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/issue/view/23>
- Al-Zamakhsyari, M. (1995). *Al-Kashshaf*. ed. Muhammad Abdul Salam Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Zarkasyi, al-Imam Badr al-Din Muhammad ibn Abdullah. (2001). *Al-Burban fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Zuchridin, Suryawinata & Sugeng Hariyanto. (2003). *Translation: Baban Teori dan Penuntun Praktis Menerjemahkan*. Yogyakarta: Kanisius. Cetakan Pertama.



## BAB 4

# TEKNIK TERJEMAHAN *AL-ISTI'ARAH* DALAM HADIS RASULULLAH SAW

Mohamad Syukri Abdul Rahman<sup>1</sup>, Adnan Mat Ali<sup>1</sup>, Khairatul Akmar<sup>1</sup>, Md Noor bin Hussin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor

### Pendahuluan

Percakapan Rasulullah s.a.w. merupakan kemuncak ketinggian komunikasi manusia dan balaghahnya. Ketinggian tersebut merangkumi aspek zahir dan hakikat, isi dan luaran, demikian juga idea dan gaya bahasa. Ia terkumpul daripada himpunan ilmu, intipati hikmah, hakikat makrifah, keindahan syariah, keindahan suruhan dan keanihan *al-amthāl* dan *tashbbih* yang tidak pernah dikumpulkan oleh percakapan orang yang fasih dan bijaksana. Ia amat mudah untuk difahami, mempunyai cita rasa yang hebat dan bersifat dinamik. Ia seolah-olah mencipta ruh yang mengalir pada kalimah-kalimah yang diucapkan sebagaimana mengalirnya air pada ranting-ranting yang hidup. Ia layak untuk dikatakan sebagai sesuatu yang diturunkan daripada Allah SWT dan cahaya daripada al-Quran (al-Qaradāwiyy, 1992). Justeru itu, keindahan dan rahsia bahasa hadis Rasulullah s.a.w perlu dijelmakan di dalam terjemahan agar keindahan tersebut dapat dirasai dan difahami secara mendalam oleh para pembaca. Dalam kajian ini penulis akan membincangkan secara terperinci tentang *al-Isti'arah* di dalam hadis-hadis kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* bersandarkan buku-buku rujukan dalam bidang berkaitan. Selain itu, pengkaji akan menganalisis keberkesanan terjemahan hadis-hadis berkaitan berdasarkan teknik penterjemahan Mildred L. Larson. Hanya tujuh hadis dipilih untuk tujuan perbincangan dan huraian. Ini kerana penghuraian lebih terperinci dan mendalam hanya boleh dilakukan kepada sampel dalam bilangan yang terhad. Jika tidak ia akan mengambil ruang yang lebih besar. Oleh yang demikian memadai dengan tujuh sampel sebagai contoh analisis dan huraian. Hasil kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada pencinta hadis Rasulullah s.a.w. dalam memahami bahasa Baginda s.a.w. dan menterjemahkannya dengan gaya bahasa yang berkesan.

### Definisi *al-Isti'arah*

#### *Al-Isti'arah* Dari Segi Istilah

Dari segi istilah *al-Isti'arah* bermaksud penggunaan lafaz tertentu tanpa mengikut makna asal yang ditetapkan berpandukan kepada hubungan keserupaan sifat di antara makna asal dan makna kedua serta wujud *qarinah* (kaitan) yang menghalang daripada penggunaan makna asal (al-Midānī, 1996).

Di sini jelas menunjukkan bahawa *al-Isti'arah* dari segi istilah lahir daripada maksud *al-Isti'arah* dari segi bahasa (Faḍl Ḥasan 'Abbās, 1997). Selain dari itu perlu dinyatakan di sini bahawa *al-Isti'arah* mempunyai banyak definisi dari segi istilah namun maksudnya secara umum merujuk kepada asas yang

sama sebagaimana takrif di atas (Ghāzī Yamūt, 1995). Ia merupakan majaz dari segi penggunaan bahasa dan merupakan *tashbih* yang hanya mempunyai salah satu daripada dua rukun utama, iaitu lafaz bandingan (*mushabbah*) dan lafaz yang dibandingkan (*mushabbabih*) (al-Mīdānī, 996). Pada masa yang sama dihapuskan sifat (*wajh al-shabah*) bagi *mushabbah* dan *mushabbabih* dan medium perbandingan (*'adāh al-tashbih*) (al-Marāghī, 2002).

Oleh yang demikian *al-tashbih* merupakan asas kepada *al-Isti'ārah* dan *al-Isti'ārah* merupakan cabang kepada *al-tashbih*. Keadaan ini menjadikan sebahagian ulama Balaghah keliru dalam membezakan di antara kedua-dua topik tersebut, lalu mereka menganggap sebahagian daripada *al-tashbih* sebagai *al-Isti'ārah* dan sebahagian daripada *al-Isti'ārah* sebagai *al-tashbih* (Ghāzī Yamūt, 1995).

Hakikatnya *al-Isti'ārah* mempunyai maksud yang lebih mendalam (*ablagh*) berbanding *al-tashbih* kerana penggunaan *al-tashbih* tidak dapat dipisahkan daripada dua rukun utama, iaitu lafaz bandingan (*mushabbah*) dan lafaz yang dibandingkan (*mushabbabih*) sekalipun penggunaannya secara mendalam (*ablagh*). Ia membayangkan perbezaan di antara *mushabbah* dan *mushabbabih*. Selain itu, ia menggambarkan hubungan di antara keduanya bersifat persamaan bukan bersifat penyatuan sebagaimana *al-Isti'ārah* (al-Marāghī, 2002).

### ***Al-Isti'ārah dan Metafora***

Daripada perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa *al-Isti'ārah* boleh dirujuk kepada metafora, iaitu pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan) (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Bagaimanapun masih terdapat perbezaan di antara *al-Isti'ārah* dan metafora kerana *al-Isti'ārah* hanya mempunyai salah satu daripada dua rukun utama *al-tashbih* (samada *al-mushabbah* atau *al-mushabbabih*) dan tidak mempunyai rukun-rukun yang lain, manakala metafora pula mempunyai beberapa keadaan berikut:

- Samada ia mempunyai kedua-dua rukun tersebut atau salah satu daripadanya.
- Samada ia mempunyai *wajh al-shabah* atau tidak.

Metafora dalam bahasa Melayu diklasifikasikan sebagai bahasa kiasan bukan peribahasa, iaitu kiasan yang tidak menggunakan seolah-olah, ibarat, seakan-akan, bak, seperti, laksana, macam, bagai dan umpama. Contohnya, “Masa itu emas”. Lafaz emas ialah metafora. Ayat ini berbeza daripada ayat “Masa itu berharga seperti emas” kerana emas dalam ayat ini merupakan perumpamaan kerana terdapat perkataan seperti sebelumnya (Abdullah Hasan dan Ainun Muhammad 1993).

### **Rukun-rukun *al-Isti'ārah***

*Al-Isti'ārah* mempunyai lima rukun, iaitu :

1. *Musta'ār*, iaitu lafaz *al-mushabbabih*
2. *Musta'ārminhu*, iaitu makna *al-mushabbabih*.

3. *Musta'ārlahu*, iaitu *al-mushabbah*.
4. *Al-'Alāqab* (hubungan di antara makna hakiki dan makna majazi), iaitu *'alāqab-mushābahab*.
5. *Al-Qarīnah*, iaitu suatu yang menghalang daripada penggunaan makna hakiki (al- Ṣaʿīdī , 2000).

### Analisis Terjemahan

#### Hadis : 1

(Bab Ikhlas, no. hadis 1).<sup>1</sup>

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ بْنِ نُفَيْلِ بْنِ عَبْدِ الْعَزَى بْنِ رِيَاحِ ابْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ قُرَيْطِ بْنِ رَزَاحِ بْنِ عَدِيٍّ بْنِ كَعْبِ بْنِ لُؤَيِّ بْنِ غَالِبِ الْقُرَشِيِّ الْعَدَوِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

(Al-Bukhārī, t.t.)

### *Al-Isti'ārah* di dalam Hadis

Berdasarkan penelitian, penulis dapati hadis ini mempunyai unsur *al-Isti'ārah* pada ungkapan Rasulullah s.a.w. : “إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا”. Ungkapan ini pada dasarnya merupakan *Tasbbih* kerana maksud “الْإِصَابَةُ” (mengenai) ialah “الْحُصُولُ” (mencapai). *Taqdir* bagi ungkapan ini ialah:

“فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى تَحْصِيلِ الدُّنْيَا فَهِجْرَتُهُ حَاصِلَةً لِأَجْلِ الدُّنْيَا غَيْرَ مُفِيدَةٍ لَهُ فِي الْآخِرَةِ” (Sesiapa yang berhijrah dengan tujuan untuk mencapai keduniaan, maka hijrahnya terhasil untuk tujuan tersebut, sedangkan di akhirat kelak ia tidak memberi apa-apa manfaat). Di dalam ungkapan ini diumpamakan “تَحْصِيلُ” (mencapai keduniaan) dengan “الْعَرْضُ بِالسَّهْمِ إِصَابَةً” (mengenai sasaran dengan panah). *Jāmi'* bagi *Tasbbih* ini ialah “نَيْلُ الْمَطْلُوبِ” (mencapai tujuan) (al-'Ainī, t.t.).

<sup>1</sup> Nombor hadis ini dan hadis-hadis berikutnya berdasarkan kepada susunan hadis yang terdapat di dalam kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥin Min Kalam Sayyidi al-Mursalin, Taqrīḥ Wa Taqdim Wahbah* al-Zuhaylī, *Tahqiq, Takbrij Wa Tāliq Aḥādithubā* 'Alī 'Abd al-Ḥamīd Abū al-Khayr (al-Nawawī, 1999).

Maka ungkapan hadis “يُصِيبُهَا” merupakan *Isti‘ārah Taṣrīḥiyyah* kerana ia merupakan *al-mushabbabbib*, manakala *al-mushabbab* dan semua rukun *Tashbbih* yang lain tidak diungkapkan. Sementara *qarinah* bagi *al-Isti‘ārah* ini ialah *dhami:r* (ها) pada ungkapan “يُصِيبُهَا”.

### Terjemahan *al-Isti‘ārah* di dalam Hadis

وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا.

Terjemahan: Dan sesiapa yang berhijrah kerana dunia, nescaya dia akan **mencapainya**.

*Al-Isti‘ārah* di atas diterjemahkan secara *maknawi* dirujuk kepada *mushabbab* (“الْخُصُولُ”)

### Analisis Terjemahan *al-Isti‘ārah* di dalam Hadis

Bagi melihat terjemahan *al-Isti‘ārah* di dalam hadis di atas dengan jelas berikut dipaparkan perkara tersebut dalam bentuk jadual.

Bil	<i>Al-Isti‘ārah</i> Di Dlm Hadis	Jenis <i>al-Isti‘ārah</i>	Terjemahan	Cara Terjemahan	Catatan
1	يُصِيبُهَا	<i>Isti‘ārah Taṣrīḥiyyah</i>	mencapainya	<i>Maknawi</i> dirujuk kepada <i>mushabbab</i> yang tersembunyi.	

Jadual 1

Jadual di atas menunjukkan bahawa penterjemah menterjemah *al-Isti‘ārah* di dalam hadis menggunakan teknik penterjemahan yang dikemukakan oleh Mildred L. Larson iaitu “menterjemah tanpa mengekalkan imej dan unsur makna *Majāzī* bahasa sumber”.

## Hadis : 2

(Bab Ikhlas, no. hadis 7)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ صَخْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى أَجْسَامِكُمْ وَلَا إِلَى صُورِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ. (رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

(Muslim, 1992)

### *Al-Isti'arah* di dalam Hadis

Berdasarkan penelitian, penulis dapati hadis ini mempunyai unsur *al-Isti'arah* pada ungkapan Rasulullah SAW : “يَنْظُرُ”. Ungkapan ini asasnya merupakan *MB* kerana maksud “النَّظَرُ” (melihat) ialah “المَجَازَةُ وَالْحِسَابُ” (memberi balasan dan menilai) (al-Nawawī, 1392H.). Di dalam ungkapan ini diumpamakan “المَجَازَةُ وَالْحِسَابُ” (balasan dan perhitungan) dengan “النَّظَرُ” (melihat). *Jāmi'* bagi *al-Isti'arah* ini ialah “المَلَا حِظَّةُ” (pemerhatian). Maka ungkapan hadis “يَنْظُرُ” merupakan *Isti'arah Taṣrihiyyah* kerana ia merupakan *al-mushabbabbib*, manakala *al-mushabbah* tidak diungkapkan. *Qarīnah* bagi *al-Isti'arah* ini ialah “الله”.

### Terjemahan *al-Isti'arah* di dalam Hadis

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى أَجْسَامِكُمْ وَلَا إِلَى صُورِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah SWT **tidak melihat** kepada jasad kamu dan rupa kamu akan tetapi Dia melihat kepada hati kamu.

*Al-Isti'arah* di atas diterjemahkan secara *harfī* dirujuk kepada *mushabbabbib*(يَنْظُرُ).

### Analisis Terjemahan *al-Isti'arah* di dalam Hadis

Berikut dipaparkan analisis terjemahan dalam bentuk jadual.

Bil	<i>Al-Isti'arah</i> Di Dlm Hadis	Jenis <i>al-Isti'arah</i>	Terjemahan	Cara Terjemahan	Catatan
2	يَنْظُرُ	<i>Isti'arah Taṣriḥiyyah</i>	melihat	<i>Harfi</i> dirujuk kepada <i>mushabbabih</i>	

Terjemahan hadis di atas menunjukkan penggunaan teknik penterjemahan Mildred L. Larson yang seterusnya iaitu “mengekalakan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber”.

### Hadis : 3

(Bab Bersederhana dalam Mengerjakan Amal Ibadat, no. hadis 145)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينُ إِلَّا غَلْبَهُ فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَأَبْشِرُوا وَاسْتَعِينُوا بِالْغَدْوَةِ وَالرَّوْحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّجَةِ. (رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ)

(al-Bukhārī, t.t.)

### *Al-Isti'arah* dalam Hadis

Berdasarkan penelitian, penulis dapati hadis ini mempunyai unsur-unsur *al-Isti'arah* pada frasa berikut : “الغَدْوَةُ وَالرَّوْحَةُ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّجَةِ”. Frasa-frasa ini merupakan *al-Isti'arah* kerana maksudnya secara keseluruhan ialah masa-masa aktif dan lapang untuk melakukan ketaatan (Muḥammad Bīlū,1979). Dari segi lafaz kalimah “الغَدْوَةُ” bermaksud perjalanan pada waktu pagi sehingga tergelincir matahari. Selain dari itu ada juga pandangan yang mengatakan maksud kalimah ini ialah waktu di antara sembahyang Subuh hingga terbit matahari. Manakala kalimah “الرَّوْحَةُ” pula bermaksud waktu selepas tergelincir matahari sehingga malam. Di samping itu ada juga pandangan yang mengatakan maksud kalimah ini ialah waktu isyak. Seterusnya kalimah “الدُّجَةُ” bermaksud perjalanan pada akhir malam (Muḥammad Bīlū,1979).

Di dalam ungkapan di atas diumpamakan masa-masa aktif dan lapang untuk melakukan ketaatan “أَوْقَاتُ النَّشَاطِ وَالْفَرَاحِ مِنَ الدُّنْيَا لِلطَّاعَةِ” dengan “الغَدْوَةُ وَالرَّوْحَةُ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّجَةِ”. *Jāmi'* bagi *al-Isti'arah* ini ialah masa yang sesuai bagi melakukan ibadah dan menghampirkan diri kepada Allah s.w.t. “الأَوْقَاتُ الْمُنَاسِبَةُ لِلْعِبَادَاتِ وَالتَّقَرُّبِ إِلَى اللَّهِ”. Oleh yang demikian ungkapan hadis di atas merupakan *Isti'arah Taṣriḥiyyah*. *Qarimah* bagi *al-Isti'arah* ini ialah “استعينوا”.

### Terjemahan *Al-Isti'arah* di dalam Hadis

وَاسْتَعِينُوا بِالْغَدْوَةِ وَالرَّوْحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّجَةِ.

Terjemahan: Mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan melakukan ibadah di pagi hari, petang hari dan malam hari.

*Al-Isti'ārah* (الدُّجَّة/الرَّوْحَةَ/الْعُدْوَةَ) di atas diterjemahkan secara *harfi* dirujuk kepada *mushabbabib*

(الْعُدْوَةَ وَالرَّوْحَةَ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّجَّةِ)

### Analisis Terjemahan *al-Isti'ārah* di dalam Hadis

Bil	<i>Al-Istf'a:rat</i> Di Dlm Hadis	Jenis <i>Al-Istf'a:rat</i>	Terjemahan	Cara Terjemahan	Catatan
3	بِالْعُدْوَةِ وَالرَّوْحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّجَّةِ	<i>Isti'ārah</i> <i>Taṣriḥiyyah</i>	dengan melakukan ibadah di pagi hari, petang hari dan malam hari.	<i>Harfi</i> dirujuk kepada <i>mushabbabib</i> (بِالْعُدْوَةِ وَالرَّوْحَةَ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّجَّةِ)	

Terjemahan hadis di atas menggunakan teknik penterjemahan Mildred L. Larson “Mengekalkan makna *Majāzī* bahasa sumber dengan memberikan penjelasan maknanya”.

### Hadis : 4

(Bab Memenuhi Hajat Orang Islam, no. hadis 245)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ، وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَعَشِيَّتُهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتُهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ وَمَنْ بَطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ.

(رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

(Muslim, 1992)

### *Al-Isti'arah* di dalam Hadis

Berdasarkan penelitian, penulis dapati hadis ini mempunyai unsur-unsur *al-Isti'arah* pada frasa-frasa berikut :

1. "نَفَسَ الْهَوَاءَ". Frasa ini merupakan *al-Isti'arah* kerana maknanya diambil daripada "نَفَسَ الْهَوَاءَ" (Muḥammad Bilū,1979). yang bermaksud bernafas dan menghembuskan udara. Diumpamakan perbuatan melepaskan seseorang daripada kesusahan dengan keadaan bernafas dan menghembuskan udara dalam bentuk *Isti'arah Tab'iyyah. Jāmi'* bagi *al-Isti'arah* ini ialah keselesaan. Manakala *Qarīnah*nya pula ialah "عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا". Oleh yang demikian frasa di atas merupakan *Isti'arah Taṣriḥiyyah*.
2. "يَلْتَمِسُ" Frasa ini merupakan *al-Isti'arah* kerana diumpamakan "طَلَبُ الْعِلْمِ" (menuntut ilmu) dengannya. Perumpamaan ini memberi gambaran seolah-olah ilmu itu merupakan objek yang boleh dicapai pancaindera. Ia boleh dicapai dengan sentuhan tangan (Muḥammad Bilū,1979). *Jāmi'* bagi *al-Isti'arah* ini ialah matlamat kedua-duanya adalah untuk mencapai sesuatu. Oleh yang demikian ungkapan hadis di atas merupakan *Isti'arah Taṣriḥiyyah. Qarīnah* bagi *al-Isti'arah* ini ialah "الْعِلْمُ".
3. "نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ". Di dalam klausa ini diumpamakan ketenangan "السَّكِينَةُ" dengan burung "الطَّائِرُ" yang terbang dan hinggap (Muḥammad Bilū,1979). Perumpamaan ini merupakan *Isti'arah Makniyyah* kerana disebutkan *al-mushabbah* "السَّكِينَةُ" dan dibuang *al-mushabbabib* "الطَّائِرُ". Manakala *Jāmi'* bagi *al-Isti'arah* ini ialah datang dan pergi. Sementara *Qarīnah* bagi ini pula ialah penetapan *lāzīm al-mushabbabib* "نَزَلَتْ" kepada MH "السَّكِينَةُ".
4. "عَشِيَّتُهُمُ الرَّحْمَةُ"

Di dalam klausa ini diumpamakan rahmat "الرَّحْمَةُ" dengan objek yang dicapai pancaindera yang menyelubungi dan menutupi seseorang (Muḥammad Bilū,1979).

Perumpamaan ini merupakan *Isti'arah Makniyyah* kerana disebutkan *al-mushabbah* (الرَّحْمَةُ) dan dibuang *al-mushabbabib* (الشَّيْءُ الْمَحْسُوسُ الَّذِي يَعْشَا النَّاسَ وَيُعْطِيهِمْ). Manakala *Jāmi'* bagi *al-Isti'arah* ini ialah menyeluruh "الشُّمُولُ". Sementara *Qarīnah* bagi *al-Isti'arah* ini pula ialah penetapan *lāzīm al-mushabbabib* (عَشِيَّتْ) kepada *al-mushabbah* (الرَّحْمَةُ).



## Terjemahan *al-Isti'arah* di dalam Hadis

1. مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَّسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Terjemahan: Sesiapa yang **melepaskan** seorang mukmin daripada kesusahan di dunia nescaya Allah SWT akan melepaskannya daripada kesusahan di akhirat.

*Al-Isti'arah* (نَفَّسَ) di atas diterjemahkan secara *maknawi* dirujuk kepada *mushabbah* (perbuatan melepaskan seseorang daripada kesusahan).

2. وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Terjemahan: Sesiapa yang melalui satu jalan **untuk menuntut ilmu** nescaya Allah SWT akan mempermudah baginya jalan ke syurga.

*Al-Isti'arah* (يَلْتَمِسُ) di atas diterjemahkan secara *maknawi* dirujuk kepada *mushabbah* (menuntut ilmu).

3. نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ

Terjemahan: akan turun **ketenangan** kepada mereka.

*Al-Isti'arah* (السَّكِينَةُ) di atas diterjemahkan secara *harfi* dirujuk kepada *mushabbah* (السَّكِينَةُ).

4. وَعَشِيَّتُهُمُ الرَّحْمَةُ

Terjemahan: mereka akan diliputi **rahmat**.

*Al-Isti'arah* (الرَّحْمَةُ) di atas diterjemahkan secara *harfi* dirujuk kepada *mushabbah* (الرَّحْمَةُ).

Analisis Terjemahan *al-Isti'arah* di dalam Hadis

Bil	<i>Al-'Istf'arat</i> Di Dlm Hadis	Jenis <i>Al-'Istf'arat</i>	Terjemahan	Cara Terjemahan	Catatan
4	نَفْسٍ	<i>Isti'arah Taṣrīḥiyyah</i>	melepaskan	<i>maknawi</i> dirujuk kepada <i>mushabbah</i> (perbuatan melepaskan seseorang daripada kesusahan).	

Jadual di atas menunjukkan bahawa penterjemah menterjemah *al-'Istf'arat* di dalam hadis menggunakan teknik penterjemahan yang dikemukakan oleh Mildred L. Larson iaitu “menterjemah tanpa mengekalkan imej dan unsur makna *Majāzī* bahasa sumber”.

Analisis Terjemahan *al-Isti'arah* di dalam Hadis

Bil	<i>Al-Isti'arah</i> Di Dlm Hadis	Jenis <i>Al-Isti'arah</i>	Terjemahan	Cara Terjemahan	Catatan
5	يَلْتَمِسُ	<i>Isti'arah Taṣrīḥiyyah</i>	menuntut ilmu	<i>maknawi</i> dirujuk kepada <i>mushabbah</i> (menuntut ilmu).	

Jadual di atas menunjukkan bahawa penterjemah menterjemah *al-Isti'arah* di dalam hadis menggunakan teknik penterjemahan yang dikemukakan oleh Mildred L. Larson iaitu “menterjemah tanpa mengekalkan imej dan unsur makna *Majāzī* bahasa sumber”.

Analisis Terjemahan *al-Isti'arah* di dalam Hadis

Bil	<i>Al-Isti'arah</i> Di Dlm Hadis	Jenis <i>Al-Isti'arah</i>	Terjemahan	Cara Terjemahan	Catatan
6	السَّكِينَةُ	<i>Isti'arah Makniyyah</i>	ketenangan	<i>harfi</i> dirujuk kepada <i>mushabbah</i> (ketenangan).	<i>Lazim</i> kepada <i>al-Isti'arah</i> (نَزَلَتْ) diterjemahkan secara <i>harfi</i> dengan maksud turun.

Terjemahan hadis di atas menggunakan teknik penterjemahan Mildred L. Larson "menggantikan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber".

### Analisis Terjemahan *al-Isti'ārah* di dalam Hadis

Bil	<i>Al-Isti'ārah</i> Di Dlm Hadis	Jenis <i>Al-Isti'ārah</i>	Terjemahan	Cara Terjemahan	Catatan
7	الرَّحْمَةُ	<i>Isti'ārah Makniyyah</i>	rahmat	<i>harfī</i> dirujuk kepada <i>mushabbah</i> (rahmat).	<i>Lazim</i> kepada <i>al-Isti'ārah</i> (عَشِيَّتُهُمْ) diterjemahkan secara <i>harfī</i> dengan maksud mereka akan diliputi rahmat.

Terjemahan hadis di atas menggunakan teknik penterjemahan Mildred L. Larson 'menggantikan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber'.

### Hadis : 5

(Kitab Berkaitan Fadilat, Bab Kelebihan Sembahyang Malam, no. hadis 1172)

وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَزِيدُ فِي رَمَضَانَ وَلَا فِي غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةَ رُكْعَةً يُصَلِّي أَرْبَعًا فَلَا تَسْأَلُ عَنْ حُسْنِيَّتِهَا وَطَوْلِهَا! ثُمَّ يُصَلِّي أَرْبَعًا فَلَا تَسْأَلُ عَنْ حُسْنِيَّتِهَا وَطَوْلِهَا! ثُمَّ يُصَلِّي ثَلَاثًا. فَعُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتَنَامُ قَبْلَ أَنْ تُؤْتِرَ؟ فَقَالَ: يَا عَائِشَةُ إِنَّ عَيْنِي تَنَامَانِ وَلَا يَنَامُ قَلْبِي.

(مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ)

(al-Bukhārī, t.t.)

### *Al-Isti'ārah* dalam Hadis

Hadis ini mempunyai unsur 'I pada ungkapan Rasulullah s.a.w. : "وَلَا يَنَامُ قَلْبِي". Di dalam ungkapan ini diumpamakan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak terpengaruh dengan tidur "عَدَمُ تَأْتِرِهِ صَلَّى" dengan hatiku tidak tidur "وَلَا يَنَامُ قَلْبِي". Maka ungkapan hadis "وَلَا يَنَامُ قَلْبِي" merupakan 'ITB kerana ungkapan "وَلَا يَنَامُ" merupakan MB, manakala MH pula ialah Rasulullah s.a.w. tidak terpengaruh dengan tidur "عَدَمُ تَأْتِرِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالنَّوْمِ" (Al-Shar īf al-Raḍīyy, 1967). Di

dalam 'I ini dikekalkan *MB* dan dibuang *MH*. *J* bagi 'I ini ialah tidak lalai. Manakala *Qnya* pula ialah “قَلْبِي”.

Dari sudut yang lain dapat disimpulkan sebagaimana perbincangan sebelum ini bahawa setiap *ITB* mempunyai unsur-unsur 'IM (Faḍl Ḥasan ‘Abbās, 1997). Di dalam 'I di atas dapat dilihat bahawa ungkapan “قَلْبِي” sebagai 'AL (*MH*). Manakala 'A (*MB*) bagi 'I ini ialah “الْعَيْنَيْنِ”. *Jnya* ialah penerimaan pengaruh. Sementara *Qnya* pula ialah sandaran *LMB* “وَلَا يَنَامُ” kepada *MH* “قَلْبِي”.

### Terjemahan *al-Isti‘ārah* di dalam Hadis

إِنَّ عَيْنِي تَنَامَانٍ وَلَا يَنَامُ قَلْبِي

Terjemahan: Sesungguhnya mata saya tidur, namun hati saya tidak tidur.

*Al-Isti‘ārah* (وَلَا يَنَامُ قَلْبِي) di atas diterjemahkan secara *harfi* dirujuk kepada *mushabbabbib* (وَلَا يَنَامُ قَلْبِي).

### Analisis Terjemahan *al-Isti‘ārah* di dalam Hadis

Bil	<i>Al-Isti‘ārah</i> Di Dlm Hadis	Jenis <i>Al-Isti‘ārah</i>	Terjemahan	Cara Terjemahan	Catatan
8	وَلَا يَنَامُ قَلْبِي	<i>Isti‘ārah Taṣrīḥiyyah</i>	hati saya tidak tidur	<i>harfi</i> dirujuk kepada <i>mushabbabbib</i> (وَلَا يَنَامُ قَلْبِي).	

Terjemahan hadis di atas menggunakan teknik penterjemahan Mildred L. Larson “mengekekalkan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber”.

### Hadis : 6

(Bab Bersungguh-sungguh dalam Melakukan Amal Soleh, no. hadis 101)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: حُجِبَتِ النَّارُ بِالشَّهَوَاتِ وَحُجِبَتِ الْجَنَّةُ بِالْمَكَارِهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

(Al-Bukhārī, t.t.)

### *Al-Isti'arah* di dalam Hadis

Dalam hadis ini terdapat perumpamaan yang indah di mana ia telah mendatangkan gambaran tentang neraka dengan sesuatu yang dibenci dan digeruni. Selain dari itu, ia diselubungi dengan sesuatu yang disukai hawa nafsu. Oleh yang demikian, sesiapa yang mengikuti hawa nafsu maka dia akan terjerumus ke dalam neraka. Di sebalik gambaran tentang neraka didatangkan gambaran tentang syurga. Demikianlah imaginasi yang mempersonifikasi makna seolah-olah kita melihatnya dengan mata. Ia merupakan balaghah yang agung yang dirasai oleh setiap insan, namun mereka tidak berdaya mendatangkan sesuatu seumpamanya (Muhammad Bilū, 1979).

Dari sudut yang lain perumpamaan di atas dapat dilihat sebagai 'IM, dimana MHnya ialah syurga dan neraka "الْجَنَّةُ وَالنَّارُ", manakala MBnya pula ialah bekas "الْإِنَاءُ" atau taman "الْبُسْتَانُ". Sementara Z kepada MB ialah sesuatu yang menutupi (Z kepada "الْإِنَاءُ") atau pagar yang mengelilingi (Z kepada "الْبُسْتَانُ") (Muhammad Bilū, 1979). J bagi 'Tini ialah perlindungan "المحَافَظَةُ".

### Terjemahan *al-Isti'arah* di dalam Hadis

حَجِبَتِ النَّارُ بِالشَّهَوَاتِ وَحُجِبَتِ الْجَنَّةُ بِالْمَكَارِهِ

Terjemahan: Neraka ditutupi dengan syahwat manakala syurga ditutupi dengan perkara-perkara yang dibenci.

*Al-Istī'arāṭ*(الْجَنَّةُ وَالنَّارُ) di atas diterjemahkan secara *harfi* dirujuk kepada *mushabbab*(الْجَنَّةُ وَالنَّارُ).

### Analisis Terjemahan *al-Isti'arah* di dalam Hadis

Bil	<i>Al-Istī'arāṭ</i> Di Dlm Hadis	Jenis <i>Al-Istī'arāṭ</i>	Terjemahan	Cara Terjemahan	Catatan
9	الْجَنَّةُ وَالنَّارُ	<i>Isti'arah Makniyyah</i>	Syurga dan neraka	<i>harfi</i> dirujuk kepada <i>mushabbab</i> (الْجَنَّةُ وَالنَّارُ)	<i>Lazim</i> kepada <i>al-Istī'arāṭ</i> (حَجِبَتِ) diterjemahkan secara <i>harfi</i> dengan maksud ditutupi.

Terjemahan hadis di atas menggunakan teknik penterjemahan Mildred L. Larson “mengekalakan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber”.

### Hadis : 7

(Bab Kelebihan dan Galakan Berkasih Sayang Kerana Allah, Pemakluman Seseorang kepada Orang yang Dicintainya bahawa Dia Menyintainya dan Apakah Ucapan yang Sewajarnya Apabila dimaklumkan demikian, no. hadis 375)

وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ بِهِنَّ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ: أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ، وَأَنْ يَكْرَهُ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ أَنْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ، كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقَدَفَ فِي النَّارِ. (مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ)

(Al-Bukhārī, t.t.)

### *Al-Isti'ārah* dalam Hadis

Di dalam hadis di atas terdapat unsur 'I di dalam frasa “حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ”. Ia merupakan 'IM, kerana disandarkan *LMB* (حَلَاوَةَ) kepada *MH* (“الْإِيمَانِ”). *MB* bagi 'I ini ialah “العسل”, manakala *Jnya* ialah kenikmatan rasa dan kecenderungan hati kepada keduanya. Sementara *Qnya* pula ialah sandaran *LMB* (حَلَاوَةَ) kepada *MH* (الْإِيمَانِ) (al-‘Ainī, t.t. dan al-‘Asqalānī, 1379H).

### Terjemahan *al-Isti'ārah* di dalam Hadis

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ بِهِنَّ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ

Terjemahan:

Tiga perkara sesiapa mencapainya dia akan merasai kemanisan iman.

*al-Isti'ārah* (الْإِيمَانِ) di atas diterjemahkan secara *harfī* dirujuk kepada *mushabbah* (الْإِيمَانِ).

Analisis Terjemahan *al-Isti'ārah* di dalam Hadis

Bil	<i>Al-'Istf'arat</i> Di Dlm Hadis	Jenis <i>Al-'Istf'arat</i>	Terjemahan	Cara Terjemahan	Catatan
10	الإِيمَانِ	<i>Isti'ārah</i> <i>Makniyyah</i>	Iman	<i>harfi</i> dirujuk kepada <i>mushabbah</i> (الإِيمَانِ).	<i>Lazim</i> kepada <b><i>al-Isti'ārah</i></b> (حَلَاوَةٌ) diterjemahkan secara <i>harfi</i> dengan maksud kemanisan.

Terjemahan hadis di atas menggunakan teknik penterjemahan Mildred L. Larson ‘menggalkan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber.

**Hadis :8**

(Kitab Berita yang Tersebar dan Hangat, Bab Berita yang Tersebar dan Hangat, no. hadis 1834)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ.

(مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ)

(Al-Bukhārī, t.t.)

***Al-Isti'ārah* dalam Hadis**

Hadis di atas merupakan *ITH*. Ia berkaitan dengan kisah di mana Abū 'Izzah al-Shā'ir telah ditawan dalam peperangan Badar lalu beliau telah merayu supaya Rasulullah SAW membebaskannya. Baginda telah membebaskan beliau daripada tawanan tersebut. Berikutnya beliau sekali lagi ditawan dalam peperangan Uhud lalu merayu supaya dibebaskan. Dalam situasi ini Rasulullah SAW bersabda : “لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ” (Faḍl Ḥasan ‘Abbās,1997).

Berdasarkan peristiwa di atas sebahagian penulis berpendapat bahawa maksud hadis di atas adalah penyair itu sendiri. Ia merupakan satu pengisytiharan bahawa beliau bukan seorang yang beriman kerana orang yang beriman tidak akan tergigit dua kali pada lubang yang sama. Dalam hal ini Dr. Faḍl Ḥasan ‘Abbās mempunyai pendapat yang berbeza. Beliau berpendapat bahawa orang yang beriman tergigit untuk kali yang pertama sebagaimana penyair di atas. Bagaimanapun mereka meninggalkan lubang tersebut bersama apa yang ada padanya dan mereka sentiasa terdedah kepada bahaya tersebut. Tegasnya mereka tidak akan tergigit dua kali pada lubang yang sama. Oleh yang

demikian ia merupakan *TSH* kepada penyair dengan ular, di mana *MH* nya (orang yang beriman tidak mengulangi kesalahan) dibuang dan dikekalkan *MB* (لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ) (Faḍl Ḥasan ‘Abbās,1997).

Seterusnya *J* bagi 'I ini ialah kewaspadaan, manakala *Q*nya pula merupakan *QH* yang difahami daripada konteks percakapan Rasulullah s.a.w. Maksud disebalik 'I ini ialah Rasulullah s.a.w. mendidik umatnya supaya sentiasa berwaspada daripada melakukan kesalahan dan dosa.

### Terjemahan *al-Isti'ārah* di dalam Hadis

لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ

Terjemahan:

Orang beriman tidak disengat pada lubang yang sama dua kali.

*Al-Isti'ārah* (لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ) di atas diterjemahkan secara *harfi* dirujuk kepada *mushabbabbib* (لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ).

### Analisis Terjemahan *al-'Istf'araṭ* di dalam Hadis

Bil	<i>al-Isti'ārah</i> Di Dlm Hadis	Jenis <i>al-Isti'ārah</i>	Terjemahan	Cara Terjemahan	Catatan
10	لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ	<i>Isti'ārah Taṣriḥiyyah</i> ( <i>Isti'ārah Tamthiliyyah</i> )	Orang beriman tidak disengat pada lubang yang sama dua kali.	<i>harfi</i> dirujuk kepada <i>mushabbabbib</i> (Orang beriman tidak disengat pada lubang yang sama dua kali.).	

Terjemahan hadis di atas menggunakan teknik penterjemahan Mildred L. Larson “mengekalkan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber”.

### Rumusan

Dapatan di atas menunjukkan tiga *Isti'ārah Taṣriḥiyyah* diterjemahkan secara *makanawi* menggunakan teknik penterjemahan yang dikemukakan oleh Mildred L. Larson iaitu “menterjemah tanpa mengekalkan imej dan unsur makna *Majāzī* bahasa sumber”. Teknik terjemahan jenis ini memberikan pilihan atau pun kebebasan kepada penterjemah untuk menyampaikan mesej atau makna teks sumber kepada makna yang mudah difahami oleh pembaca sasaran.



Dapatan juga menunjukkan dua daripada *Isti'ārah Taṣriḥiyyah* diterjemahkan secara *harfi* menggunakan teknik penterjemahan Mildred L. Larson 'mengekekalkan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber'. Teknik ini diguna pakai oleh penterjemah untuk menterjemah bahasa sumber apabila terdapat aspek persamaan imej atau unsur-unsur dalam bahasa sasaran dan bahasa sumber. Teknik ini diaplikasi apabila adanya pertindihan budaya di antara budaya bahasa sumber dengan budaya bahasa sasaran. Dengan sebab pertindihan antara kedua-dua budaya ini menghasilkan suatu makna yang sama. Selain itu, satu daripada *Isti'ārah Taṣriḥiyyah* diterjemahkan secara *harfi* menggunakan teknik penterjemahan Mildred L. Larson "Mengekekalkan makna *Majāzī* bahasa sumber dengan memberikan penjelasan maknanya". Teknik yang sedemikian dilakukan oleh penterjemah bertujuan untuk menjamin supaya makna dan kesan yang sepatutnya disampaikan ke dalam bahasa sasaran tidak hilang dan tidak juga berkurangan. Oleh yang demikian itu, maka unsur-unsur *Majāzī* bahasa sumber itu perlu dikekalkan. Penggunaan teknik terjemahan ini berbeza dengan teknik penterjemahan yang lain kerana teknik ini ditambah lagi dengan penjelasan makna.

Manakala dapatan berkaitan *Isti'ārah Makniyyah* di dalam hadis kesemuanya (empat contoh) diterjemahkan secara *harfi* dirujuk kepada *mushabbah*, manakala *lazimnya* diterjemahkan secara *harfi* menggunakan teknik penterjemahan Mildred L. Larson "mengekekalkan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber".

Ini membuktikan bahawa terjemahan *Isti'ārah Taṣriḥiyyah* tidak tetap bahkan ia harus dilihat kepada kesesuaian ayat. Manakala terjemahan *Isti'ārah Makniyyah* dan *lazimnya* pula tetap dilihat kepada makna lahir kalimah.

Dapatan secara umum menunjukkan terjemahan *Isti'ārah* di dalam hadis-hadis di atas hanya menggunakan tiga teknik penterjemahan Mildred L. Larson, iaitu "Menterjemah tanpa mengekekalkan imej dan unsur makna *Majāzī* bahasa sumber", "Mengekekalkan makna *Majāzī* bahasa sumber dengan memberikan penjelasan maknanya" dan "Mengekekalkan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber". Terjemahan *Isti'ārah* di dalam hadis-hadis di atas tidak menggunakan dua Teknik yang lain, iaitu "Menukarkan makna *Majāzī* bahasa sumber kepada bentuk simili" dan "Menukarkan makna *Majāzī* bahasa sumber kepada makna *Majāzī* bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama atau pun serupa".

## Penutup

Justeru bahasa hadis Rasulullah SAW yang indah, mudah difahami dan mempunyai unsur-unsur balaghah yang unggul, maka ia menjadi salah satu faktor kejayaan baginda dalam menyampaikan risalah Allah SWT ke seluruh alam. Di antara ciri-ciri bahasa baginda ialah wujudnya unsur-unsur majaz yang berkesan dan mampu mempengaruhi para pendengar. Oleh yang demikian penulis melihat bahawa kajian berkaitan terjemahan majaz, khususnya *Isti'ārah* merupakan kajian penting yang dapat membantu terjemahan yang berkesan terhadap keindahan hadis Rasulullah SAW dan memberi kefahaman yang mendalam kepada pencinta hadis Rasulullah SAW.

## Rujukan

'Abd al-Muta'āl al- Ṣa'īdī (2000), *al-Balāghah al-'Āliyah Fī 'Ilm al-Bayān*. Kaherah: *Maktabah al-Ādāb*,

‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Mīdānī (1996), *al-Balāghah al-‘Arabiyyah, Ususubā Wa ‘Ulūmuhā Wa Funūnubā*, j 1. Damsyik : *Dār al-Qalam*, Beirut : *Dār al-Shāmiyyah*

Abdullah Hasan dan Ainun Muhammad (1993), Kamus Peribahasa Lengkap, Terbitan Pertama, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, h.xiii.

Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍl al-‘Asqalānī ,(1379H), *Fathal-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.  
Beirut: Dār al-Ma‘ārif.

Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī (2002), *‘Ulūm al-Balāghah, al-Bayān Wa al-Ma‘ānī Wa al-Badī‘*, c.4. Beirut : *Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah*.

Badr al-Dīn Abū Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Ainī (t.t.), *‘Umdah al-Qārī Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ( t.t.) : *Dār al-Fikr*, j.1, h.26.

Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘ī Abū ‘Abd Allāh ( t.t.) *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut : *Dār ‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī*.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), Kamus Dewan, Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Faḍl Ḥasan ‘Abbās (1997), *al-Balāghah Funūnubā wa Afnānubā*, j.1, c.4. Yarmouk : *Dār al-Furqān Li al-Nasbr Wa al-Tawzī‘*

Ghāzī Yamūt(1995), *Ilm Asālib al-Bayān*, c.2. Beirut : *Dār al-Fikr al-Lubnāniyy*, h.239.

Muḥammad Bīlū Aḥmad Abū Bakr (1979), *Min Balāghah al-Sunnah. Shāri‘ al-Sūq al-Tanfīqiyyah : Maṭba‘ah Aṭlas*.

Muḥyī al-Dīn Abū Zakariyyā Yaḥyā al-Nawawī (1392H.), *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, j.16, c.2. Beirut : *Dār ‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī*.

Muslim bin Ḥajjāj Abū al-Ḥusayn al-Qushayriyy al-Naysābūriyy (1992). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut : *Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah*.

Muslim bin Ḥajjāj Abū al-Ḥusayn al-Qushayriyy al-Naysābūriyy (t.t), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Tahkik dan Suntingan oleh Muḥammad Fu‘ād Abd. Al-Bāqī. Beirut : *Dār ‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī*.

Al-Sharīf al-Raḍiyy (1967), *al-Majāzāt al-Nabawiyyah*, Tahkik dan suntingan Tāhā Muḥammad al-Zayniyy, Kaherah : *Maṭba‘ah al-Fajālah al-Jadīdah*.

Yūsuf al-Qaraḍāwiyy (1992), *al-Madkhal Li Dirāsah al-Sunnah al-Nabawiyyah*, c.3. *‘Ābidīn al-Qābirah : Maktabah Wabbah*.

## BAB 5

### ANALISIS STILISTIK DALAM SEPULUH AYAT PERTAMA SURAH AL-DUKHAN

Waqiyuddin Hadi<sup>1</sup>, Norfarhana Ghafar<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

#### Pendahuluan

Stilistik merupakan satu kaedah moden untuk merungkai nilai estetika yang terdapat dalam suatu teks sastera. Al-Adous (1999) menganggap stilistik merupakan salah satu pendekatan linguistik moden menganalisis suatu teks sastera seterusnya merungkai nilai estetika yang terkandung padanya. Bahkan, ketinggian nilai estetika memberi impak yang mendalam kepada para pembaca seakan- akan wujudnya suatu interaksi antara mereka dan penulis (Matlub, 2002). Selain itu, analisis stilistik boleh diaplikasikan dalam kesemua jenis teks sastera termasuklah teks agama (Crystal, 1985). Oleh itu, stilistik penting untuk menjadi suatu pendekatan baharu untuk merungkai nilai estetika dalam kesemua jenis teks sastera khususnya teks yang berkaitan keagamaan seperti al-Quran.

Al-Quran merupakan karya agung yang diturunkan oleh Allah kepada seluruh manusia untuk difahami dan didalami isi- isi kandungannya sebagaimana firman Allah,

"كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبْرَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ"

*"(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wabai Mubammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil."* (Surah Sad, 38:29).

Maka al-Quran sangat wajar untuk dikaji isi- isi kandungannya, bahkan menjadi suatu kemestian dan keutamaan buat para sarjana masa kini untuk melakukannya (Khauli, 1961). Hal ini secara tidak langsung akan menonjolkan lagi nilai estetika yang terdapat di dalam al-Quran, bahkan inilah tujuan utama stilistik diaplikasikan ke atas teks agama seperti al-Quran.

Kajian berkenaan stilistik al-Quran dilihat semakin berkembang khususnya di negara- negara Arab, namun masih kurang mendapat tempat di negara kita, sedangkan kajian ini penting untuk melihat nilai estetika dalam al-Quran. Pengkaji mendapati perkara ini berpunca daripada perkembangan stilistik itu sendiri yang agak perlahan berlaku di Malaysia. Perkara ini dijelaskan oleh Auni & Azean (2021) dalam kajian mereka dan turut disokong oleh Fadzeli Jaafar (2017) dalam karyanya "Stilistik dalam Cereka", beliau menjelaskan perkembangan tersebut agak perlahan disebabkan bahan-bahan kesusasteraan sebagai data kajian yang agak terbatas. Walaubagaimanapun, pengkaji berpandangan masih terdapat teks sastera yang berpotensi untuk dijadikan sebagai bahan kajian seperti al-Quran yang belum dianalisis secara komprehensif.

Oleh itu, pengkaji akan memfokuskan kepada satu surah dalam al-Quran untuk dianalisis iaitu Surah al-Dukhan. Sepuluh ayat terawal dalam surah ini akan dianalisis melalui dua elemen utama linguistik, iaitu morfologi (*al-mustama al-sarfi*) dan sintaksis (*al-mustawa al-tarkibi*). Pengkaji selanjutnya akan merungkai makna (*dilalah*) yang terkandung dalam kedua-dua elemen ini. Hasilnya kajian ini

diharapkan akan membantu para pembaca untuk memahami al-Quran secara lebih mendalam menggunakan pendekatan stilistik seterusnya membantu meningkatkan lagi bilangan kajian stilistik di negara kita.

## Tinjauan Literatur

### Surah al-Dukhan

Surah ini dinamakan sebagai *al-Dukhan* yang membawa maksud asap berdasarkan satu peristiwa yang terdapat dalam surah ini.

فَأَرْتَبَ يَوْمَ تَأْتِي السَّمَاءُ بِدُخَانٍ مُّبِينٍ

“Oleh itu tunggulah (*wabai Muhammad*) semasa langit membawa asap kemarau yang jelas nyata (*yang menyebabkan kebuluran yang dahsyat*).” (Surah al-Dukhan, 44:10).

Ayat tersebut menceritakan berkenaan ancaman dari Allah *Aziza Wa Jalla* terhadap kaum musyrikin yang ditimpa kemarau dan kekeringan sehingga menyebabkan mereka kelaparan dan kebuluran sehingga seakan-akan mereka sedang melihat suatu perkumpulan asap di udara. Ada sebahagian pendapat lain mengatakan, *al-Dukhan* merupakan salah satu daripada tanda-tanda kiamat yang akan berlaku di masa akan datang.

Surah *al-Dukhan* termasuk daripada kategori *surah al-makkiyyah* dan merupakan surah ke-44 mengikut urutan Mushaf Uthmani. Manakala dari segi urutan penurunan al-Quran, surah ini merupakan yang ke-63 diturunkan selepas surah *al-zukhruf* dan sebelum surah *al-jathiyah*. Surah ini mengandungi 56 ayat mengikut pandangan *ablul-makkah* dan *ablul-syam*, adapun di sisi *ablul-kuffah* bilangannya adalah 59 ayat (Ibn Asyur, 1984). Sebagaimana surah *al-makkiyyah* yang lain, surah ini memfokuskan perkara-perkara usul aqidah iaitu keesaan (*al-tahid*), kenabian (*al-nubumwah*), perutusan (*al-risalah*) dan kebangkitan semula (*al-bi'thu*) (Al-Zuhaily, 2003).

### Pengertian Stilistik

Stilistik dianggap sebagai suatu pendekatan baharu dalam bidang linguistik moden. Para sarjana menyatakan ilmu ini telah muncul seawal abad ke-15 masihi, dan mula dipopularkan oleh *Charles Bally*, salah seorang anak murid ahli bahasa terkenal *De Saussure* pada awal abad ke-20 masihi. Beliau mendefinisikan stilistik sebagai suatu kajian tentang bagaimana emosi dan perasaan itu diekspresikan melalui gaya bahasa yang digunakan dalam suatu teks sastera (Salah Fadhl, 1998). Oleh itu, para pengkaji stilistik akan merungkai makna tersirat daripada setiap tingkatan linguistik yang terdapat dalam suatu teks sastera (al- ‘Adous, 1999) dan menekankan nilai estetika yang terkandung dalamnya. Setiap tingkatan linguistik itu pula menjadi alat dalam bidang stilistik untuk menganalisis suatu teks sastera (Jaafar, 2016).

Ketika menganalisis suatu teks sastera, maka pengkaji stilistik akan memfokuskan kepada beberapa tingkatan linguistik di dalamnya, sebagaimana ditunjukkan pada *Jadual 1* di bawah:

*Jadual 1*

Tingkatan Linguistik	Penerangan
Fonologi; fonetik	Kajian tentang bunyi-bunyi bahasa lisan dan cara suatu perkataan itu dituturkan.

Grafologi	Kajian tentang bentuk tulisan dalam suatu lembaran.
Morfologi	Kajian tentang struktur dan pembentukan suatu perkataan.
Sintaksis; tatabahasa	Kajian tentang perkataan yang disusun yang membentuk suatu ayat yang betul.
Leksikal; semantik	Kajian tentang makna perkataan dan ayat.
Analisis wacana; pragmatik	Kajian tentang penggunaan bahasa yang mempengaruhi makna dalam situasi tertentu.


## Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengimplementasikan metode kualitatif deskriptif untuk menganalisis sepuluh ayat dalam sepuluh ayat daripada *Surah al-Dukhan*. Pengkaji akan menganalisis setiap ayat tersebut berpandukan kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar dalam bidang tafsir dan bahasa arab. Melihat kepada tingkatan linguistik yang agak banyak maka pengkaji akan memfokuskan kepada dua tingkatan linguistik sahaja untuk dianalisis dalam kajian ini iaitu morfologi dan sintaksis. Bagi tingkatan morfologi, tiga pecahan utama daripada *al-musytaqqat al-sarfyyah* (pecahan-pecahan *sarf*) akan dianalisis, iaitu *al-ism al-fa'el*, *al-ism al-maf'ul* dan *al-sifah al-musyabbahah*. Manakala untuk tingkatan sintaksis pula, pengkaji akan memfokuskan dua jenis struktur asas dalam pembinaan ayat dalam bahasa arab, iaitu ayat namaan (*al-jumlah al-ismiyyah*) dan ayat kerjaan (*al-jumlah al-fe'liyyah*).

## Analisis Morfologi

Dalam bahasa arab, morfologi disebut sebagai *al-'ilm al-sarf* yang bermaksud satu ilmu yang mengkaji tentang pembinaan struktur suatu perkataan termasuklah setiap pecahan yang terbit daripadanya (Majdi & Kamil, 1984). Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada *al-musytaqqat* atau dalam bahasa Inggeris disebut *derivative nouns* yang merujuk kepada beberapa pecahan kata nama yang terbit atau berkembang daripada perkataan asalnya. Setiap kata nama tersebut mempunyai pola kata (*al-wazn*) dan fungsinya yang tersendiri (al-Raji, t.t). Sebagai contoh perkataan (لَعِبَ) merupakan kata kerja yang lampau (*al-fe'lu al-madhi*) yang membawa maksud dia telah belajar. Perkataan ini kemudiannya boleh berkembang menjadi *isim fa'el* iaitu (لَاعِبٌ) yang bermaksud pemain. *Isim fa'el* atau *active participle* pula adalah salah satu daripada beberapa bahagian *al-musytaqqat* iaitu satu kata nama yang berfungsi untuk menyatakan pelaku bagi sesuatu perbuatan (al-Raji, t.t).

Rajah 1



Rajah 1 di atas menunjukkan beberapa bahagian *al-musyataqqat* dalam *al-ilm al-sarf* sebagaimana yang disusun al-Raji (t.t). Kotak yang dihijaukan adalah beberapa bahagiannya yang akan dianalisis dalam kajian ini iaitu *al-ism al-fa'el*, *al-sifah al-musyabbahah* dan *al-ism al-maf'ul*. Pengkaji mendapati hampir

keseluruhan ayat dalam *Surah al-Dukhan* khususnya pada sepuluh ayat terawal mempunyai tiga bahagian ini justeru pengkaji cenderung memfokuskan untuk menganalisis ketiga-ketiganya berbanding yang lain.

Jadual 2


<i>Al-Ism Al-Fa'el</i>	<i>Al-Sifah Al-Musyabbahah</i>	<i>Al-Ism Al-Maf'ul</i>
١. المبين ٢. منذرين ٣. مرسلين ٤. موقنين ٥. مبين	١. السميع ٢. العليم	١. الكتاب ٢. حكيم

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan perkataan-perkataan yang mewakili ketiga-tiga bahagian *al-musytaqqat* yang akan dianalisis pada sepuluh ayat terawal *Surah al-Dukhan*. *Al-ism al-fa'el* merupakan bahagian terbanyak dengan lima perkataan keseluruhannya berbanding *al-sifah al-musyabbahah* dengan tiga perkataan dan *al-ism al-maf'ul* dengan satu perkataan sahaja. Kesemua perkataan ini mempunyai maknanya tersendiri yang perlu diamati supaya dapat ditonjolkan nilai estetika yang terdapat padanya.

### Huraian Makna *Al-Ism Al-Fa'el*

Secara asasnya *al-ism al-fa'el* dalam bahasa Arab bermaksud kata nama yang menunjukkan pelaku bagi sesuatu perbuatan (*al-Raji, t.t*). Walaubagaimanapun, sebahagian ahli nahu meluaskan lagi definisi tersebut, dengan menyertakan dua fungsi lain bagi kata nama ini, iaitu sebagai kata terbitan dan kata adjektif yang berkeadaan baharu atau yang tidak kekal bagi pemiliknya (*al-Samurai, 2007*). Selain itu, *al-ism al-fa'el* juga mempunyai fungsi yang sama dengan kata kerja, bahkan maknanya lebih meluas kerana tidak terhad kepada mana-mana waktu berlakunya sesuatu perbuatan tersebut (*al-Samurai, 2007*).

Rajah 2



Rajah 2 di atas menunjukkan gambaran secara asas berkenaan beberapa fungsi bagi *al-ism al-fa'el* yang digunakan dalam sesuatu ayat. Sebagai contoh dalam ayat kedua surah ini,

## "وَالْكِتَابِ الْمُبِينِ"

"Demi Al-Quran Kitab yang menerangkan kebenaran." (Surah al-Dukhan, 44:2).

"الْمُبِينُ" merupakan perkataan pertama bagi kategori *al-ism al-fa'el* yang berasal daripada perkataan أَبَانَ (أَبَانَ – yang membawa maksud “menjelaskan” atau “menerangkan”). Ibn Atiyyah (t.t) menghuraikan dalam tafsirnya perkataan ini boleh berfungsi sebagai kata kerja transitif atau tidak transitif. Fungsi kata kerja transitif dapat dilihat melalui asal perkataan tersebut sebagaimana yang dijelaskan di atas. Oleh kerana objeknya tidak disebutkan, maka beliau menafsirkannya sebagai petunjuk dari Allah serta segala syariat yang ditetapkan olehNya. Selain itu, beliau juga menambah bahawa perkataan ini juga berfungsi sebagai kata kerja tidak transitif kerana ditafsirkan juga sebagai "ظَهَرَ" yakni “telah jelas”. Berdasarkan tafsiran ini, dapat disimpulkan bahawa al-Quran adalah satu kitab yang telah jelas dan sempurna isi kandungannya justeru Allah menjadikannya sebagai satu medium untuk menjelaskan kepada manusia tentang petunjukNya, hukum-hakam, dan segala perkara yang berkaitan dengan urusan dunia dan akhirat.

Begitu juga dalam ayat kelima surah ini di mana Allah berfirman,

"أَمْرًا مِّنْ عِنْدِنَا ۖ إِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ"

"Iaitu perkara-perkara yang terbitnya dari hikmat kebijaksanaan Kami; sesungguhnya telah menjadi adat Kami mengutus Rasul." (Surah al-Dukhan 44: 5).

Dalam ayat di atas, Allah telah menggunakan perkataan "مرسلين" yang juga termasuk daripada kategori ini. Perkataan yang berasal daripada (أُرْسِلَ – يُرْسَلُ) ini membawa makna “mengutuskan”. Sebagaimana huraian sebelum ini, perkataan tersebut juga berfungsi sebagai satu kerja yang transitif yang memerlukan kepada objek. Walaupun objeknya tidak disebut secara jelas, namun Ibn Asyur memperincikannya dengan menyertakan objek bagi perkataan tersebut iaitu para rasul. Beliau menghuraikan lagi dengan menjadikan perkataan yang terdapat di ayat selanjutnya iaitu "رَحْمَةً" itu sebagai objek kausatif atau *al-maf'ul li ajlib* yang menjadi penyebab kepada turunnya rahmat Allah kepada sekalian manusia yang akan menghindarkan mereka daripada azabNya dan mendapatkan pahala daripadanya.

### Huraian Makna *Al-Sifah Al-Musyabbahah*

*Al-sifah al-musyabbahah* dalam bahasa Melayu disebutkan sebagai kata adjektif atau dalam bahasa Inggeris disebutkan sebagai *adjective*. Kata ini berfungsi untuk menerangkan sifat atau keadaan sesuatu. Dalam bahasa Arab *al-sifah al-musyabbahah* lazimnya berasal daripada kata kerja tidak transitif dan mempunyai fungsi yang hampir sama dengan *al-ism al-fa'el* jika dilihat dari segi fungsinya sebagai kata adjektif. Namun, yang membezakan antara kedua-duanya, *al-sifah al-musyabbahah* menggambarkan satu sifat atau keadaan yang asli, kekal dan tidak berubah, sebagai contoh tinggi, rendah, hitam, putih dan sebagainya (Raji, t.t).

Sebagai contoh sebagaimana firman Allah,

"رَحْمَةً مِّنْ رَبِّكَ ۖ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ"

“(Untuk menyampaikan) rahmat dari Tuhanmu (kepada umat manusia); sesungguhnya Allah Jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui (akan segala keadaan hamba-hambaNya)”. (Surah al-Dukhan, 44:6).


Dua perkataan terakhir dalam ayat di atas iaitu "السَّمِيعُ" dan "الْعَلِيمُ" dapat diterjemahkan sebagai “maha mendengar” dan “maha mengetahui”. Kedua-duanya merupakan antara kata adjektif yang terdapat dalam surah *al-Dukhan*. Perkataan "السَّمِيعُ" diambil daripada kata kerja (سَمِعَ – يَسْمَعُ) yang membawa maksud mendengar, manakala "الْعَلِيمُ" pula berasal daripada kata kerja (عَلِمَ – يَعْلَمُ) yang bererti mengetahui. Kedua-duanya berkembang menjadi kata adjektif yang menggambarkan sifat kekal Allah. Menurut tafsiran Abu al-Sa’ud (t.t), kedua-dua sifat ini hanya layak dimiliki oleh Allah. Bahkan Imam Al-Razi (1981) menyebutkan bahawa ini menunjukkan keagungan rahmat Allah yang Maha Mendengar setiap permintaan hambaNya yang diucapkan secara lisan dan walaupun tidak diucapkan sekalipun, Dia tetap Maha Mengetahui segala keinginan hambaNya.

### Huraian Makna *Al-Ism Al-Maf’ul*

*Al-ism al-maf’ul* atau *passive participle* pula merujuk kepada satu kata nama dalam bahasa Arab yang menggambarkan tentang objek yang disandarkan kepadanya suatu perbuatan dan terhasil daripada *al-mabniy al-majbul* iaitu kata kerja transitif pasif (Al-Raji, tt). Secara asasnya kata nama ini terbina berdasarkan kepada timbangan atau pola katanya (*al-wazn*) iaitu (مفعول). Huruf م dan و diklasifikasikan sebagai huruf tambahan bagi perkataan asalnya. Contohnya, "أَكَلَ" adalah perkataan asalnya yang juga merupakan kata kerja transitif pasif yang membawa maksud “dimakan”, jika diubah kepada bentuk *al-ism al-maf’ul* maka, akan membentuk perkataan "مَأْكُولٌ" yang membawa maksud “sesuatu yang dimakan” atau “makanan”.

Walaupun bagaimanapun, fungsi kata nama ini lebih luas daripada definisi yang diterangkan di atas. *Al-Samurai* (2007) menghuraikan beberapa fungsi asas kepada kata nama ini, yang kebanyakannya mempunyai persamaan dengan *al-ism al-fa’el*, antaranya sebagaimana yang diringkaskan dalam rajah di bawah.

Rajah 3



Berdasarkan kepada pemerhatian dalam sepuluh ayat terawal surah *al-Dukhan*, pengkaji mendapati hanya dua perkataan sahaja yang termasuk daripada kategori kata nama ini, iaitu sebagaimana firmanNya,



## "وَالْكِتَابِ الْمُبِينِ"

"*Demi Al-Quran Kitab yang menerangkan kebenaran*". (Surah al-Dukhan, 44:2).

Dalam ayat di atas, perkataan "الكتاب" termasuk daripada kategori ini. Al-Samurai (2007) menyebutkan ada beberapa keadaan di mana bentuk *al-ism al-maf'ul* adalah berbeza daripada pola kata asalnya. Sebagai contoh pada perkataan ini yang berasal daripada (كَتَبَ - يَكْتُبُ), di mana perkataan ini menggunakan pola kotanya yang tersendiri iaitu (فِعَالٌ), yang bermakna "sesuatu yang ditulis" dan boleh berfungsi sebagai penyambut atau objek. Dalam konteks ayat ini, yang dimaksudkan dengan sesuatu yang ditulis itu adalah wahyu dari Allah. Sebagaimana Ibn Asyur (1984) menghuraikan dalam tafsirnya bahawa Rasulullah S.A.W. mengarahkan agar setiap wahyu yang diturunkan oleh Allah perlu ditulis malah wajib kepada umat Islam melakukannya untuk menjaga ketulenan dan mengelakkan sebarang penyelewengan. Oleh itu, penggunaan perkataan tersebut sebagai *al-ism al-maf'ul* adalah sangat sesuai dan tepat, seakan-akan ayat ini memberi makna al-Quran yang diturunkan itu wajib ditulis untuk dijaga keasliannya kerana kitab inilah yang berfungsi sebagai penerang dan petunjuk kepada seluruh umat Islam.

Dalam ayat lain sebagaimana Allah berfirman,

## "فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ"

"(Kami menurunkan Al-Quran pada malam yang tersebut, kerana) pada malam yang berkat itu, dijelaskan (kepada malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat serta tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar)." (Surah al-Dukhan, 44: 4).

Bentuk perkataan "حَكِيمٍ" sebagaimana ayat di atas, secara asasnya termasuk daripada kategori *al-sifah al-musyabbahah* yang terbina dengan pola kata "فِعِيلٌ". Walaubagaimanapun, beberapa ahli tafsir seperti Ibn Atiyyah (t.t) menafsirkannya sebagai "مُحَكَّمٌ" bermaksud "yang ditetapkan", yang merupakan salah satu daripada pola kata *al-ism al-maf'ul* bagi iaitu "مُفْعَلٌ" yang berasal daripada (أَفْعَلٌ - يُفْعَلُ). Pola kata ini adalah khusus bagi kata kerja yang terbina daripada tiga huruf asal dan satu huruf tambahan iaitu hamzah. Perkataan ini jika dipadankan dengan perkataan sebelumnya akan menjadi "أَمْرٌ مُحَكَّمٌ" yang memberi makna "perkara yang ditetapkan dan diteliti". Abu Hayyan (2010) menukilkan dalam tafsirnya pendapat yang diriwayatkan oleh *Ibn Abbas, Hasan, Qatadah dan Mujahid* bahawa pada setiap kali malam *al-Qadr*, perkara-perkara yang akan berlaku seperti takdir, rezeki dan ajal dan sebagainya untuk tahun mendatang akan ditetapkan dan diteliti oleh Allah.

## Analisis Sintaksis

Sintaksis merupakan tingkatan keempat selepas morfologi ketika menganalisis teks sastera menggunakan kaedah stilistik. Tingkatan ini memfokuskan kepada perkataan-perkataan yang tersusun membentuk satu ayat yang lengkap dan tepat. Sarjana bahasa kontemporari mendefinisikan sintaksis sebagai *al-naẓm* iaitu suatu kajian berkenaan struktur ayat (Raji,t.t). Al-Jurjani sebagaimana yang dinukilkan oleh Matlub (1980) berkata struktur ayat yang berkesan dalam bahasa Arab perlu bertepatan dengan kaedah yang ditetapkan dalam ilmu nahu. Setiap kesalahan dan penyimpangan daripada kaedah-kaedah tersebut akan menjejaskan makna sebenar yang ingin disampaikan. Oleh itu, para

penulis harus mendalami setiap kaedah yang ditetapkan dalam ilmu nahu, sebagaimana yang disusun al-Jurjani dalam karyanya iaitu *al-taqdim wa al-ta'khir*, *al-ziker wa al-hazf*, *al-qasr*, *al-fasl wa al-fasl* dan *al-ta'rif wa al-tankir* (Matlub, 1980).


Dalam bahasa Arab pembinaan struktur ayat itu terbahagi kepada dua bahagian, iaitu ayat yang dimulakan dengan kata nama iaitu ayat namaan (*al-jumlah al-ismiyyah*) dan ayat yang dimulakan dengan kata kerja iaitu ayat kerjaan (*al-jumlah al-fe'liyyah*) (al-Rajih, 2018). Kedua-duanya mempunyai fungsi dan makna yang tersendiri. Secara asasnya ayat namaan memberi makna berkenaan sesuatu yang bersifat kekal, manakala ayat kerjaan memberi makna sesuatu yang baharu dan tidak kekal (al-Samurai, 2007). Walaubagaimanapun, kedua-duanya tidak terhad kepada makna-makna yang disebutkan itu sahaja, malah boleh memberikan makna yang luas jika diamati dengan lebih mendalam apatah lagi jika suatu ayat itu adalah daripada al-Quran. Maka kajian ini akan merungkai makna-makna daripada penggunaan kedua-dua jenis struktur ayat ini berdasarkan kepada sepuluh ayat terawal *Surah al-Dukhan*.

### Huraian Makna *Al-Jumlah Al-Ismiyyah*

Ayat namaan atau *al-jumlah al-ismiyyah* merujuk kepada ayat dimulakan dengan kata nama, dan mengandungi dua elemen utama iaitu subjek atau *al-mubtada* dan predikat atau *al-kehabar* (al-Rajih, 2018). Para sarjana bahasa menghuraikan bahawa penentuan makna dalam ayat namaan bergantung kepada jenis predikat yang digunakan. Abu al-Baqa (1998) menghuraikan predikat daripada kata nama (*al-kehabar al-mufrad*) berfungsi untuk menghuraikan sifat atau keadaan yang kekal bagi subjeknya. Sebaliknya, jika predikat adalah daripada kata kerja (*kehabar al-jumlah al-fe'liyyah*), maka tidak membawa makna kekal bagi subjek tersebut, tetapi sesuatu atau keadaan yang baharu atau berulang samada di masa lampau, semasa atau akan datang. Sebagai contoh bagi ayat "زيد يحضر" yang bermaksud "Zaid hadir". "يحضر" adalah predikat daripada kata kerja bagi subjeknya iaitu "زيد". Seakan-akan huraian kepada subjek tersebut memberi makna perbuatan yang dilakukan itu baru sahaja berlaku dan tidak kekal.

Selain itu, kedudukan kata nama itu di hadapan berfungsi sebagai *al-ikbtisas* iaitu untuk mengutamakan atau memfokuskan subjek ketika suatu ayat itu diungkapkan (al-Samurai, 2007). *Al-Ikbtisas* penting untuk menjadikan para pembaca atau pendengar menumpukan lebih perhatian terhadap subjek yang disampaikan kepada mereka. Selain itu, ayat dimulakan dengan kata nama membolehkan masuknya partikel-partikel yang berfungsi sebagai penegas kepada suatu ayat seperti *و* dan seumpamanya (Al-Samurai, 2007). Dalam istilah bahasa arab partikel-partikel ini disebut sebagai *adawatul nawasikh*.

Rajah 4



Rajah 4 di atas adalah ringkasan terhadap makna dan fungsi penggunaan ayat namaan, di mana secara asasnya bergantung kepada jenis predikatnya, samada berbentuk kata nama atau kata kerja. Oleh itu, setiap makna dan fungsi sebagaimana yang disebutkan di atas dapat membantu merungkai nilai estetika dalam teks sastera seperti kajian ini yang berfokus kepada teks al-Quran daripada *Surah al-Dukhan*.

Sebagai contoh, Allah *Aziza Wa Jalla* berfirman,

"إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ"

"*Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab)*". (Surah al-Dukhan, 44:3).

Jadual 3

(Predikat) الخبر	(Subjek) المبتدأ
أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ	إِنَّا
كُنَّا مُنذِرِينَ	إِنَّا

Jadual 3 di atas menunjukkan tiga potongan ayat yang mempunyai makna dan fungsi tersendiri. Bagi potongan pertama iaitu "إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ", termasuk daripada kategori ayat namaan kerana permulaannya dengan kata nama dan diletakkan sebelum subjeknya salah satu daripada *adawatul nawasikh* iaitu "إِن" yang berfungsi sebagai penegas ayat. Partikel ini memberi erti "sesungguhnya", seakan-akan memberi gambaran tentang keseriusan Allah dalam penurunan kitab al-Quran. Manakala

predikat untuk potongan ayat ini adalah "أَنْزَلْتَهُ فِي لَيْلَةٍ مُّبَارَكَةٍ", dalam bentuk kata kerja yang lampau (*al-fe'lu al-madhi*), yang memberi makna bahawa peristiwa penurunan tersebut sudah pun berlaku pada zaman Rasulullah S.A.W. Walaubagaimanapun, wahyu Allah ini tetap relevan sehingga ke hari ini, bahkan menjadi rujukan utama umat Islam sehingga ke hari kiamat.

Pada potongan ayat kedua pula iaitu, "إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ", juga termasuk daripada kategori ayat namaan, yang juga ditegaskan dengan partikel "إِن". Manakala predikatnya adalah daripada jenis kata kerja iaitu "كنا". Perkataan ini asalnya adalah "كان", dan al-Samurai (2000) menghuraikan bahawa perkataan ini mempunyai maknanya tersendiri, antaranya adalah sesuatu perbuatan yang telah berlaku namun masih lagi berterusan. Perkataan selepasnya adalah "منذرين" yang memberi maksud "memberi peringatan". Melalui ayat ini, dapat difahami bahawa Allah bertegas bahawa Dia secara terus akan memberikan manusia peringatan-peringatanNya bermula dari awal turunnya al-Quran sehinggalah ke hari kiamat.

Antara ayat lain adalah,

"رَبُّكُمْ وَرَبُّ آبَائِكُمُ الْأُولِينَ"

"(Dia lah jua) Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang telah lalu". (Surah al-Dukhan, 44: 8).

Jadual 4

(Predikat) الخبر	المبتدأ (Subjek)
رَبُّكُمْ وَرَبُّ آبَائِكُمُ الْأُولِينَ	Tidak disebutkan, dan ditafsirkan sebagai "هو".

Imam al-Syaukani (2007) menjelaskan dalam ayat ini, subjek bagi ayat tersebut tidak disebutkan dan ditafsirkan sebagai "هو" iaitu Dia. Manakala predikatnya adalah رَبُّكُمْ yang bermaksud "Tuhan kamu". Imam Tabari (1994) menjelaskan dalam tafsirnya "Dialah Tuhan, maka sembahlah Dia dan bukan selain daripadanya yang tidak berkuasa untuk memudharatkan dan memberi manfaat". Dalam konteks ayat ini, jika diperhatikan kepada predikat yang digunakan adalah daripada jenis kata nama yang menerangkan keadaan atau sifat bagi subjek dalam sesuatu ayat. Predikat ini boleh memberi makna suatu yang kekal bagi subjeknya. Maka, dapat disimpulkan di sini, bahawa Allah satu-satunya Tuhan yang kekal dan layak disembah, dan tiada satupun makhluk yang lain yang layak disembah, kerana Dialah yang berkuasa memberikan mudharat dan manfaat kepada makhlukNya.

### Huraian Makna Al-Jumlah Al-Fe'liyyah

*Al-jumlah al-fe'liyyah* atau ayat kerjaan merupakan struktur ayat yang dimulakan dengan kata kerja dan mempunyai dua elemen asas iaitu kata kerja (*al-fe'lu*) dan pelaku (*al-fa'el*) (al-Rajihi, 2018). Secara asasnya struktur ayat ini memberi makna suatu yang baharu dan tidak kekal (Al-Samurai, 2007). Sebagai contoh "يَقُومُ عَلِيٌّ", yang membawa erti "Ali sedang berdiri". Berdasarkan contoh ini, perbuatan yang berlaku adalah suatu yang baharu dan tidak bersifat kekal, kerana subjek hanya akan berdiri sementara dan kembali duduk. Selain itu, penggunaan kata kerja yang berbeza dalam struktur ayat ini boleh memberikan makna berbeza dari segi masa berlakunya sesuatu perbuatan (Abu al-Baqa). samada di masa lampau, semasa, akan datang atau berterusan.

Sebagai contoh dalam surah ini, Allah berfirman,

"فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ"

“(Kami menurunkan Al-Quran pada malam yang tersebut, kerana) pada malam yang berkat itu, dijelaskan (kepada malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat serta tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar)”. (Surah al-Dukhan, 44: 4).

Ayat ini termasuk daripada kategori ayat kerjaan, walaupun tidak bermula dengan kata kerja. Tujuan diawalkan perkataan *al-musnad* "فِيهَا" yang terdiri daripada partikel (*harf al-jar*) "في" dan kata ganti diri yang bersambung (*al-dhamir al-muttasil*) "ها" adalah sebagai *al-ikhtisas* atau pengkhususan (al-Masiri, 2005), seakan-akan memberi makna bahawa Allah mengkhususkan pada malam *al-Qadr* sahaja turunnya al-Quran dan diperincikan segala perkara yang berlaku di tahun mendatang. Manakala *al-musnad ilabi* bagi ayat ini adalah kata kerja daripada jenis "*al-fe'lu al-mudhari*" iaitu "يُفْرَقُ" yang membawa maksud "diperincikan atau dijelaskan". Kata kerja ini secara asasnya memberi makna sesuatu yang sedang berlaku, namun sarjana nahu meluaskan lagi maknanya. Antaranya sebagaimana yang disebutkan al-Samurai (2000), bahawa kata kerja ini boleh memberi makna sesuatu yang terus berlaku dan diperbaharui. Perkara ini dapat diperkuatkan dengan ucapan oleh Ibn 'Asyur dalam tafsirnya, "Jelas di sini, bahawa perkara ini berterusan pada setiap malam tersebut (*lailatul qadr*) yang berlaku pada setiap tahun, sesuai dengan jenis kata kerjanya (*al-fe'el al-mudhari*) yang digunakan dalam ayat tersebut iaitu "يُفْرَقُ" (diperincikan)". Oleh itu, segala perkara yang diperincikan seperti rezeki ajal dan sebagainya akan berterusan dan diperbaharui pada setiap malam *al-qadr* setiap tahun berdasarkan kefahaman ulama tentang fungsi penggunaan kata kerja "يفرق" tersebut.

Selain itu, Allah berfirman di ayat lain,

"فَأَرْزَقَبَ يَوْمَ تَأْتِي السَّمَاءُ بِدُحَانٍ مُّبِينٍ"

“Oleh itu tunggulah (wabai Muhammad) semasa langit membawa asap kemarau yang jelas nyata (yang menyebabkan kebuluran yang dahsyat).”

Ayat kerjaan ini dimulakan dengan kata suruhan "*fe'lu al-amr*". Sarjana nahu berpandangan bahawa "kata kerja ini berkait dengan masa yang akan datang, kerana perkara yang diarahkan atau diminta itu pastinya belum lagi terjadi" (al-Samurai, 2000). Namun, jika diperincikan lagi maknanya, boleh jadi arahan yang diberikan itu disempurnakan di masa lampau, semasa atau akan datang. Ada juga keadaan suatu arahan itu hanya diberikan sekali namun dilakukan secara berterusan seperti arahan Allah tentang hukum hakam dalam al-Quran (al-Samurai, 2000).

Adapun ayat ini, Allah memberi arahan kepada Baginda S.A.W. untuk menunggu hari tibanya asap "*al-dukhan*" itu berlaku. Namun para sahabat dan tabiun berbeza pendapat tentang bilakah tibanya peristiwa tersebut. Sebahagian berpandangan, antaranya Ali bin Abi Talib, Ibn Umar, Ibn Abbas, Zaid bin Ali dan Hassan, bahawa peristiwa tersebut berlaku ketika hari kiamat. Ketika keluarnya asap tersebut, orang yang beriman hanya merasa seperti selsema manakala orang kafir akan merasa kepalanya sedang mendidih seakan-akan seperti daging yang dipanggang. Sebahagian yang lain seperti Ibn Mas'ud, Abu 'Aliyah dan Nakhai' pula berpandangan peristiwa tersebut telah disaksikan oleh kaum

Quraisy ketika Baginda S.A.W. mendoakan ke atas mereka sebagaimana doa Nabi Yusuf A.S (Ibn Atiyyah, t.t). Ahli tafsir kontemporari seperti Dr. Wahbah al-Zuhaili (2003) menyimpulkan, bahawa *al-Dukhan* atau asap tersebut, berlaku samada di masa yang lalu ketika Baginda S.A.W. mendoakan ke atas kaum Quraisy, atau di masa akan datang yang mana peristiwa tersebut juga termasuk daripada salah satu tanda-tanda kiamat yang akan berlaku selama 40 hari.

Pengkaji cenderung untuk menyatakan, bahawa arahan Allah terhadap Baginda agar menunggu hari tibanya peristiwa tersebut pastinya berlaku. Arahan tersebut hakikatnya telah sempurna di masa lampau di mana telah pun disaksikan oleh Baginda S.A.W. dan kaum Quraisy. Namun peristiwa ini akan berulang di masa akan datang kerana termasuk daripada salah satu tanda-tanda kiamat.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pengkaji mendapati ayat-ayat al-Quran sangat kaya dengan nilai estetikanya yang tinggi. Walaupun kajian ini hanya berfokus kepada dua tingkatan linguistik sahaja, namun huraian maknanya begitu mendalam. Bagi tingkatan morfologi, setiap pecahan kata nama daripada *al-musytaqqat al-sarfiyyah* memberi makna yang luas. Penggunaan kata nama daripada jenis *al-ism al-fa'el* dalam sepuluh ayat terawal surah ini lebih menekankan kepada fungsinya sebagai kata kerja. Manakala *al-sifah al-musyabbahah* pula, hanya terdapat dua perkataan sahaja, dan kedua-duanya memberi makna sifat yang kekal dan tidak akan berubah yang khusus kepada Allah, iaitu “*Maha Mendengar*” dan “*Maha Mengetahui*”. Bagi pecahan seterusnya iaitu *al-ism al-maf'ul* pula, telah menonjolkan keunikan bagi kedua-dua perkataan yang dikaji. Kedua-duanya dihuraikan dengan bentuk yang berbeza daripada bentuk yang sepatutnya seterusnya mendorong kepada keluasan dari segi maknanya.

Selanjutnya bagi tingkatan sintaksis, dua jenis struktur ayat bahasa Arab difokuskan. Bagi ayat namaan (*al-jumlah al-ismiyyah*), maknanya dapat dirungkaikan melalui jenis predikat yang digunakan. Dalam kajian ini, dua jenis predikat telah memberi makna berbeza. Pertama, predikat daripada kata nama, berfungsi untuk menerangkan sifat atau keadaan yang kekal bagi subjek. Kedua, bagi predikat yang terdiri daripada kata kerja pula berfungsi untuk menghuraikan makna suatu yang baharu dan tidak kekal bagi subjek. Selain itu, ada juga keadaan subjek tidak disebut secara jelas dalam suatu ayat. Gaya bicara ini diistilahkan dalam bahasa Arab sebagai *al-Zikr wal-Hazf* yang memberi keluasan kepada ahli tafsir untuk meletakkan subjek yang paling tepat bagi ayat tersebut.

Manakala bagi ayat kerjaan pula atau *al-jumlah al-fe'liyyah*, secara asasnya berfungsi untuk menerangkan suatu peristiwa atau perbuatan yang baharu dan tidak bersifat kekal. Setiap peristiwa itu juga boleh memberi makna yang berbeza dari segi masa dan bergantung kepada jenis kata kerja yang digunakan. Selain itu, pengkaji mendapati ada keadaan di mana *al-musnad* telah dikedepankan berbanding *al-musnad ilaihi*, di mana pembicara seakan-akan lebih memfokuskan *al-musnad* berbanding *al-musnad ilaihi*. Gaya bicara ini juga diistilahkan sebagai *al-ikhtisas* dalam bab *al-taqdim wa al-ta'khir*.

Akhir kata, semoga dengan kajian ini menjadi titik tolak kepada perkembangan kajian stilistik di negara ini yang agak perlahan. Pengkaji percaya pendekatan ini sangat sesuai untuk merungkai nilai estetika yang terkandung dalam al-Quran seterusnya memberikan ruang kepada masyarakat untuk memahami dengan lebih mendalam setiap isi kandungan dalam al-Quran.

## Rujukan

- Abu al-Adous, Yusuf (1999). *Al-Balaghah wa al-Ushloobiyyah: Muqaddimat 'Aammah*. Amman: Al-Ahliyyah Li al-Nasyri Wa al-Ta'uzi'. Edisi Pertama.
- Abu al-Baqa. (1998). *Al-Kuliyat: Mu'jam al-Mustalabat wa al-Furuq al-Lughawiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah. Cetakan kedua.
- Abu al-Saud. (t.t). *Iryad al-Aql al-Salim*. Beirut: Dar al-Ihya wa al-Turath al-Arabiy. Juzuk kelapan.
- Matlub, Ahmad. (1980). *Asalib Balaghiyyah*. Kuwait: Wikalah al-Matbu'ah. Cetakan pertama.
- Al-'Adous, Yusuf. (2007). *Al-Ushbiyyah: al-Ru'yatu wa al-Tatbiq*. Amman: Dar al-Masirah. Cetakan pertama.
- Al-Masiri. (2005). *Dilala al-Taqdim wa al-Ta'khir fi al-Quran al-Karim: Dirasat Tablilyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Raji, Abduh. (t.t). *Al-Tatbiq al-Sarfiy*. Beirut: Dar al-Nahdhah.
- Al-Rajihi, Abduh. (2018). *Al-Tatbiq al-Nabwi*. Tanta: Dar al-Sahabah. Cetakan kedua.
- Al-Razi, Fakhrul. (1981). *Tafsir al-Fakhr al-Razi*. Beirut: Dar al-Fikr. Cetakan Pertama.
- Al-Samurai, Fadhil. (2007). *Ma'ani al-Abniyyah fi al-'Arabiyyah*. Amman: Dar 'Ammar. Cetakan kedua.
- Al-Samurai. (2000). *Ma'ani al-Nabwi*. Amman: Dar al-Fikr li al-Tabba'ah wa al-Nasyr wa al-Ta'uzi'. Cetakan pertama. Juzuk pertama.
- Al-Samurai. (2007). *Al-Jumlah al-Arabiyyah: Ta'lifuba wa Aqsamuba*. Amman: Dar al-Fikr. Cetakan kedua.
- Al-Syaukani, Muhammad. (2007). *Fathul Qadir*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. Cetakan keempat.
- Al-Tabari. (1994). *Jami' Al- Bayan 'an Takwil Ayil Quran*. Beirut: Muassasah Al-Risalah. Cetakan pertama. Jilid ke-6.
- Al-Tabari. (1994). *Tafsir al-Tabari*. Beirut: Muassasah al-Risalah. Cetakan pertama.
- Al-Zuhaily, Wahbah. (2003). *Al- Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Tasyri' wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Jilid ke-13.
- Auni & Azean. (1998). Analisis Stilistik dalam Himpunan Puisi Baharudin Zainal. *Internasional Young Scholars Journal of Languages*, 4(2), 110-112.
- Crystal, D. (1985). *A Dictionary Of Linguistics And Phonetics*. Great BritainL Conwall Press Ltd.
- Ibn 'Atiyyah. (2007). *Al-Muharrar al-Wajiz*. Beirut: Dar al-Khair. Cetakan kedua.
- Ibn Atiyyah. (t.t). *Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Abu Hayyan. (2010). *Al-Bahr al-Muhit*. Beirut: Dar al-Fikr. Juzuk kesembilan.
- Jaafar, Fadzeli. (2017). *Stilistik dalam Cereka*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khauli, Amin. (1961). *Manahij Tabdid fi al-Nabwi wa al-Tafsir wa al-Adab*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. Cetakan Pertama.
- Majid & Kamil (1984). *Mu'jam al-Mustalabat al-Arabiyyah fi al-Lughah wa al-Adab*. Beirut: Maktabah Lubnan. Cetakan kedua.
- Matlub, Ahmad. (2002). *Fi al-Mustalah al-Naqdi*. Baghdad: Mansyurat al-Jama' al-'ilmi. hlm: 126.
- Salah Fadhl. (1994). *Ilm al-Uslub Mabadiihi wa Ijraatibi*. Kaherah: Dar Al-Syuruq. Cetakan pertama.

## **BAB 6**

# **MOTIVASI PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM MALAYSIA DALAM MEMPELAJARI KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB**

Mohamad Rofian Ismail,<sup>1</sup> Ahmad Redzaudin Ghazali,<sup>1</sup> Khairatul Akmar Abdul Latif<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)

### **Pendahuluan**

Dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia, motivasi pelajar memainkan peranan penting dalam pembangunan kemahiran menulis. Memahami faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar adalah kritikal bagi institusi pendidikan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Peningkatan minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia semakin menjadi perhatian utama dalam bidang pendidikan kini. Bahasa Arab tidak hanya dipandang sebagai bahasa agama, tetapi juga sebagai bahasa budaya yang penting. Namun, dalam menghadapi cabaran-cabaran dalam memperoleh kemahiran menulis Bahasa Arab, perhatian terhadap motivasi pelajar perlu diutamakan dan dibuat kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor motivasi yang mempengaruhi pelajar di institusi ini dalam mempelajari kemahiran menulis Bahasa Arab, dengan harapan ia dapat memberi manfaat yang berguna bagi pembangunan kurikulum dan strategi pembelajaran pada masa akan datang.

Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis secara mendalam faktor-faktor motivasi yang menyumbang kepada minat dan prestasi pelajar dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Arab. Dengan memahami faktor-faktor motivasi ini, diharapkan akan tercapai pemahaman yang lebih baik tentang cara meningkatkan strategi pembelajaran dan memberi sokongan kepada pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia. Dengan pendekatan ini, diharapkan institusi pendidikan dapat mencipta persekitaran yang lebih menyokong dan memotivasikan pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang ini.

Kajian ini mempunyai implikasi yang luas dalam konteks pendidikan tinggi Islam Malaysia. Dengan memahami secara lebih mendalam faktor-faktor motivasi pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis Bahasa Arab, institusi pendidikan dapat merancang program-program yang lebih berkesan dan relevan. Selain itu, dapatan-dapatan dari kajian ini juga boleh menjadi asas untuk pembangunan kurikulum yang lebih berkesan dan pembinaan kemahiran yang lebih holistik bagi pelajar. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam memajukan pendidikan Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia.

Harapan dari kajian ini adalah untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor motivasi yang mempengaruhi pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia dalam



mempelajari kemahiran menulis Bahasa Arab. Dengan memahami faktor-faktor ini, diharapkan institusi pendidikan dapat merancang strategi pembelajaran yang lebih efektif dan membangun lingkungan yang lebih mendukung bagi pelajar.

## **Latarbelakang Kajian**

Motivasi pelajar memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi cara dan gaya pembelajaran mahasiswa, serta menentukan tahap kecekapan mereka dalam memperoleh kemahiran menulis Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia. Selain itu, motivasi juga dapat mempengaruhi tahap ketekunan dan daya tahan mahasiswa dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mungkin timbul dalam proses pembelajaran bahasa ini.

Dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia, pemahaman terhadap motivasi pelajar adalah aspek penting yang mempengaruhi proses pembelajaran. Motivasi adalah pendorong utama yang menggerakkan pelajar untuk belajar dan meningkatkan kemahiran, tambahan pula, pemahaman yang mendalam tentang motivasi ini membolehkan institusi pendidikan merancang strategi pembelajaran yang lebih efektif. Pembelajaran Bahasa Arab, khususnya dalam kemahiran menulis, sering kali dihadapi dengan pelbagai cabaran oleh pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia. Cabaran ini termasuk keperluan untuk memahami struktur bahasa yang kompleks, memperluas perbendaharaan kata, dan menguasai gaya penulisan yang sesuai dengan keperluan akademik.

Bahasa Arab memainkan peranan yang penting dalam konteks Islam. Ia merupakan kunci utama dalam memahami Al-Quran dan intelektual Islam. Oleh karena itu, kemahiran menulis Bahasa Arab tidak hanya dianggap sebagai aspek kebudayaan semata-mata, tetapi ia juga dianggap sebagai keterampilan seseorang dalam memahami nilai-nilai agama dan budaya Islam. Bahasa Arab memainkan peranan penting dalam agama Islam, baik dalam pemahaman Al-Quran mahupun dalam amalan dan ibadah kepada Allah SWT. Oleh itu, sebagai seorang mahasiswa yang mempelajari bahasa Arab, penguasaan dalam kemahiran menulis perlu diberi perhatian yang sewajarnya dan dijadikan keutamaan berbanding dengan perkara-perkara yang lain.

Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia memiliki tanggung jawab yang besar untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti dalam bidang Bahasa Arab sebagai bahasa utama dalam kajian keagamaan. Oleh itu, pemahaman terhadap motivasi pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis Bahasa Arab adalah kritikal bagi institusi ini untuk menambahbaik kurikulum, strategi pengajaran, dan sokongan kepada pelajar. Kajian tentang motivasi pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik pelajar serta meningkatkan kesejahteraan psikososial mereka. Dengan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar, institusi pendidikan dapat menyusun strategi yang lebih efektif untuk meningkatkan minat dan prestasi pelajar dalam bidang ini.

Diharapkan melalui kajian ini dapat diperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor motivasi pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia. Dengan pemahaman ini, dijangkakan institusi pendidikan dapat merancang strategi pembelajaran yang lebih efektif, meningkatkan minat dan prestasi pelajar, serta memberikan sumbangan yang signifikan dalam memperkaya pendidikan Bahasa Arab dan memajukan keilmuan serta kebudayaan dalam konteks pendidikan tinggi Islam Malaysia.

## **Perbincangan Literatur**

Motivasi ialah salah satu faktor psikologi yang mempunyai pengaruh dalam meningkatkan kemampuan pelajar dalam pembelajaran mereka. Peningkatan pembelajaran dan penguasaan pelajar dalam sesuatu subjek tentunya ada kaitan dengan faktor motivasi. Pelajar yang mempunyai motivasi yang positif dapat mengembangkan bakat dan kemahiran dalam menguasai bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Terdapat banyak kajian-kajian lepas yang melaporkan pelbagai dapatan samada positif mahupun negatif berkaitan motivasi pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Islam. Berikut dipaparkan perbincangan literatur yang telah diperolehi :

Kajian Inah & Khairunnisa, (2019) mendapati terdapat hubungan yang positif antara motivasi belajar dengan prestasi belajar Bahasa Arab dalam kalangan Mahasiswa Bidikmisi. Dapatan kajian menunjukkan prestasi belajar bahasa Arab mahasiswa Bidikmisi berada pada kategori tinggi. Kajian ini selari dengan kajian Arief & Muhyani (2019) yang melihat wujudnya hubungan strategi motivasi belajar dan minat belajar dengan hasil belajar Bahasa Arab dalam kalangan mahasiswa di Indonesia. Hal ini bermaksud semakin bermotivasi seseorang mahasiswa itu dalam mempelajari bahasa Arab menjadikan prestasi bahasa Arab mereka meningkat dan berkualiti. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Fadzil, Jaafar & Rofee, (2022) yang mendapati secara purata, skor responden bagi motivasi pelajar berada pada tahap tinggi iaitu  $\text{min}=4.02$ . Perkara ini menunjukkan bahawa penguasaan pelajar dalam bahasa Arab secara tidak langsung dipengaruhi oleh faktor motivasi.

Dari sudut keinginan pelajar itu sendiri untuk mempelajari bahasa Arab menunjukkan mereka sangat berminat. Berdasarkan kepada kajian Ahmad & Manaf, (2017) didapati tiada perbezaan Motivasi Intrinsik antara pelajar lelaki dan perempuan. Namun, Motivasi Ekstrinsik untuk pelajar perempuan mempunyai aras lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Kesimpulannya, pelajar perempuan mempunyai tahap motivasi luaran lebih tinggi daripada pelajar lelaki dalam mempelajari bahasa Arab. Dapatan ini disokong oleh kajian Sadiq & Hassan, (2021) yang mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri, gaya pembelajaran visual dan motivasi akademik dengan jantina. Berdasarkan skor min dapat dilihat perempuan mendapat skor min yang lebih tinggi berbanding lelaki. Selain itu, terdapat juga kajian yang menunjukkan wujudnya motivasi positif dalam diri pelajar di IPT disebabkan oleh pengaruh persekitaran dalam kampus. Mahasiswa yang hidup dalam persekitaran yang baik dalam kampus secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian Ridzuan & Baharudin (2021) membuktikan bahawa persekitaran memainkan peranan penting dalam penguasaan bahasa Arab pelajar. Pengkaji tersebut mendapati terdapat hubungan antara persekitaran prasarana bahasa Arab dengan tahap komunikasi bahasa Arab pelajar. Dapatan Ini menunjukkan bahawa persekitaran prasarana sangat penting serta memberi kesan terhadap komunikasi bahasa Arab pelajar

Dari sudut kemahiran menulis bahasa Arab, ramai pengkaji mendapati kelemahan kemahiran menulis dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Kajian Sopian (2019) mendapati pelajar di UiTM Melaka mempunyai kelemahan dalam kemahiran menulis. Kelemahan utama yang dikenalpasti ialah yang berkaitan dengan imlak dan ejaan, penyesuaian gender, penggunaan kata kerja dan penggunaan idhofah. Selain itu, kelemahan lain yang dikenalpasti adalah berkaitan dengan kelemahan dalam ilmu Nahu & Saraf serta sementik. Perkara ini juga ada dinyatakan dalam kajian Abd Gani, Ramli & Zahid (2021). Mereka mendapati kesilapan utama pelajar dalam parafrasa adalah dari aspek semantik yang berpunca daripada kelemahan dalam memahami teks rujukan asal di samping kesilapan dari aspek gramatis terutama dalam kaedah al-idhofah, penggunaan dhamir dan fi'il yang berpunca daripada

kelemahan dalam penguasaan ilmu Sintaksis dan Morfologi Arab. Kedua-dua bentuk kelemahan ini memberi kesan terhadap kualiti parafrasa yang dibuat terutama dalam aspek kesempurnaan semantik. Dari sudut penulisan karangan pula, banyak kajian-kajian lepas mendapati mahasiswa kurang mahir dalam menulis. Mereka lebih suka menghafal karangan untuk ditulis dalam dewan peperiksaan. Hal ini dapat dilihat secara jelas pada kajian Sulaiman, Mustapha, Toklubok & Sulong (2018), kajian Mokhtar, Abd Rahman, Adnan & Salleh (2018) dan kajian Ismail, Ghazali, Latif & Daoh (2018).

Rentetan dari kelemahan tersebut, dapat disimpulkan bahawa terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada ketidakmampuan pelajar IPT dalam kemahiran menulis terutama kemahiran menulis karangan. Umum tahu bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang tertinggi berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Kemahiran ini sukar dikuasai oleh pelajar kerana ia memerlukan kemahiran memahami sifat atau '*nature*' bahasa dan kemahiran menggunakan sistem bahasa dalam membuat struktur ayat mengikut kaedah tatabahasa nahu dan saraf yang betul. Yusuf & Wekke (2018) dalam kajian bertajuk Bahasa Arab Bahasa Al-Quran menekankan betapa pentingnya ilmu tatabahasa Arab dalam memahami bahasa Arab dan mengaplikasikannya dalam empat kemahiran terutama kemahiran menulis. Pelajar yang dapat menulis dengan baik tanpa ada kesalahan dan kesilapan ialah mereka yang betul-betul menguasai ilmu tatabahasa Arab iaitu ilmu Nahu dan ilmu Soraf. Hal ini kerana mereka tahu cara menulis menggunakan uslub-uslub yang pelbagai mengikut keadaan dan konteks ayat yang benar-benar sesuai.

Keberkesan kemahiran menulis bahasa Arab boleh dilihat dari pelbagai sudut dan pandangan. Pengajaran yang berkesan dapat meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab selain faktor motivasi pelajar yang merangsang mereka untuk terus berusaha mempelajari kemahiran menulis secara berterusan dan bersistematik. Hal ini kerana motivasi yang ada dalam diri pelajar akan merangsang jiwa dan minda mereka untuk terus menerus memahirkan diri dalam menulis dan meningkatkan kemampuan mereka dari satu tahap ke tahap berikutnya. Kajian Ismail et al. (2020) menunjukkan terdapat hubungan Antara faktor dalaman dan faktor luaran dalam mempengaruhi kemahiran menulis Bahasa Arab dalam Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Para pengkaji mendapati skor min faktor dalaman ialah 3.80 (SP=0.42), manakala skor min faktor luaran ialah 3.76 (SP=0.42). Kedua-dua skor min ini berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan kedua-dua skor min faktor dalaman dan faktor luaran mempengaruhi penulisan bahasa Arab pelajar. Begitu juga dengan dapatan yang diperoleh oleh kajian Zulianah, Muchtar & Robikhah, (2022) yang mendapati kemahiran menulis Bahasa Arab dalam kalangan Mahasiswa semakin baik setelah menggunakan buku terapi BTQ (Baca, Tulis al-Quran). Faktor yang menyebabkan pencapaian ini sangat baik ialah faktor motivasi yang tinggi dalam kalangan Mahasiswa. Kajian oleh Fadzil et al. (2022) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif di antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab yang disokong dengan korelasi koefisien ( $r = 0.559$ ,  $p < 0.01$ ). Berdasarkan kekuatan hubungan Albert dan Davis (1971), hubungan antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab adalah perkaitan yang kuat. Korelasi positif menunjukkan bahawa lebih tinggi darjah motivasi, maka lebih tinggi juga tahap penguasaan bahasa Arab.

Kajian-kajian lain yang boleh dimanfaatkan berkaitan dengan motivasi ialah kajian Abdullah et al. (2015). Dapatan menunjukkan terdapat lima faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. Lima faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar secara turutan menurun ialah: sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap penting, persekitaran bahasa Arab, sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap mudah dipelajari dan difahami, kesedaran diri dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Beberapa kajian lain

didapati selari dengan kajian ini antaranya kajian Inah & Khairunnisa, (2019), kajian Ismail et al. (2020) dan kajian Fadzil et al. (2022).

Kesimpulannya, dapatan kajian-kajian ini menyoroti fungsi dan peranan motivasi sebagai agen psikologi dalam meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab pelbagai pihak dalam bidang sosial dan pendidikan untuk memotivasikan mahasiswa dengan program dan aktiviti yang boleh merangsang mereka untuk cenderung dan meminati bahasa Arab khususnya kemahiran menulis.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif. Sebanyak 140 orang responden dari kalangan pelajar peringkat Diploma Bahasa Arab di Universiti Islam Selangor (UIS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Unversiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS) dan Universiti Sultan Zainal Abidin UniSZA diambil sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel dibuat adalah kerana batasan kajian ini hanya melibatkan pelajar bahasa Arab peringkat Diploma sahaja dari IPTIM. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan diagihkan kepada responden kajian menggunakan kaedah persampelan berstrata. Data yang diperolehi melalui soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 22.0. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis deskriptif mudah iaitu analisis peratusan dan skor min. Pengkaji menggunakan interpretasi skor min yang bersumberkan Neuman (2012) dalam proses pelaporan analisis seperti dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Skor Purata Ke Dalam 3 Tahap Skala *Likert*

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 2.39	Rendah
2.40 – 3.70	Sederhana
3.71 – 5.00	Tinggi

Sumber: Neuman (2012)

Manakala bagi mengukur tahap persepsi pelajar IPTIM terhadap motivasi mereka dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab, pengkaji menggunakan skala likert lima mata seperti mana berikut :

Jadual 2: Interpretasi Skor Purata Ke Dalam 5 Tahap Skala *Likert*

Skala	Ukuran
Tahap 1	Sangat Tidak Setuju (STS)
Tahap 2	Tidak Setuju (TS)
Tahap 3	Tidak Pasti (TP)
Tahap 4	Setuju (S)
Tahap 5	Sangat Setuju (SS)

Sumber: Diadaptasi daripada Mohd Majid (2000)

## Analisis & Dapatan Kajian

Analisis peratusan dan skor min telah dijalankan ke atas item-item yang berkaitan dengan domain faktor motivasi pelajar Diploma Bahasa Arab dari empat buah Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia dalam mempelajari kemahiran menulis. Jadual 3 di bawah menunjukkan nilai min yang diperoleh untuk 11 item yang dikaji.

**Jadual 3: Peratusan & Skor Min Faktor Motivasi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Islam Dalam Mempelajari Kemahiran Menulis**

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	MIN	S.P	INTERPRETASI
Walaupun tidak diminta oleh pensyarah, saya akan membuat latihan-latihan kemahiran menulis bahasa Arab	4.3%	13.6%	57.9%	22.1%	2.1%	3.04	0.78	Sederhana
Saya sering mempraktikkan bahasa Arab dengan pelajar asing yang berbahasa Arab untuk memahirkan kemahiran menulis saya.	5%	20.7%	48.6%	22.1%	2.9%	3.18	2.68	Sederhana
Saya amat risau jika tidak menguasai kemahiran menulis bahasa Arab selepas saya tamat belajar	0.7%	1.4%	7.1%	51.4%	39.3%	4.27	0.71	Tinggi
Saya menggunakan kamus untuk membantu dalam mencari makna-makna perkataan yang tidak difahami	1.4%	2.1%	5.7%	55.7%	35%	4.20	0.76	Tinggi
Saya bertanyakan kawan-kawan atau pensyarah untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas sekiranya terdapat sebarang masalah dalam kemahiran menulis bahasa Arab	0%	1.4%	12.9%	55.7%	30%	4.14	0.68	Tinggi
Saya akan memperuntukkan tempoh masa yang tertentu dalam sehari untuk mempelajari dan mempraktikkan kemahiran menulis bahasa Arab	2.1%	12.9%	39.3%	39.3%	6.4%	3.35	0.86	Sederhana
Sekurang-kurangnya, saya akan cuba mendalami kemahiran menulis bahasa Arab melalui uslub al-Qur'an dan al-Hadith	0%	5%	21.4%	57.9%	15.7%	3.84	0.74	Tinggi
Saya akan merasa seronok jika dapat mempraktikkan kemahiran menulis bahasa Arab dengan kawan-kawan samada yang berbangsa Arab atau tidak	0%	3.6%	18.6%	57.1%	20%	4.30	4.37	Tinggi
Saya tidak merasa malu dengan kesalahan yang tidak disengajakan berlaku semasa	0.7%	2.1%	30%	51.45	15.7%	3.79	0.75	Tinggi

<b>mempraktikkan kemahiran menulis bahasa Arab</b>								
Saya sering meminta pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan membantu saya menguasai kemahiran menulis bahasa Arab	0.7%	3.6%	25%	55.7%	15%	3.80	0.75	<b>Tinggi</b>
Subjek kemahiran menulis memotivasikan saya untuk mendalami bidang bahasa Arab di peringkat yang lebih tinggi	0.7%	2.1%	22.9	55.7%	18.6%	3.89	0.74	<b>Tinggi</b>
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.80</b>	<b>1.25</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 3 menunjukkan min keseluruhan item untuk domain kajian berkaitan persepsi pelajar Diploma bahasa Arab di empat buah IPTIM terhadap faktor motivasi mereka dalam mempelajari kemahiran menulis. Secara umumnya, nilai min yang diperoleh untuk 11 item yang dikaji berada pada interpretasi min yang tinggi iaitu 3.80 (SP=1.25).

Lapan item mendapat min yang tinggi mengikut tertib menaik adalah saya akan merasa seronok jika dapat mempraktikkan kemahiran menulis bahasa Arab dengan kawan-kawan samada yang berbangsa Arab (min=4.30, SP=4.37), saya amat risau jika tidak menguasai kemahiran menulis bahasa Arab selepas saya tamat belajar (Min=4.27, SP=0.71), saya menggunakan kamus untuk membantu dalam mencari makna-makna perkataan yang tidak difahami (min=4.20, SP=0.76), saya bertanyakan kawan-kawan atau pensyarah untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas sekiranya terdapat sebarang masalah dalam kemahiran menulis bahasa Arab (Min=4.14, SP=0.68), subjek kemahiran menulis memotivasikan saya untuk mendalami bidang bahasa Arab di peringkat yang lebih tinggi (Min=3.89, SP=0.74), sekurang-kurangnya, saya akan cuba mendalami kemahiran menulis bahasa Arab melalui uslub al-Qur'an dan al-Hadith (min=3.84, SP=0.74), saya sering meminta pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan membantu saya menguasai kemahiran menulis bahasa Arab (Min=3.80, SP=0.75) dan saya tidak merasa malu dengan kesalahan yang tidak disengajakan berlaku semasa mempraktikkan kemahiran menulis bahasa Arab (min=3.79, SP=0.75).

Namun begitu, hanya terdapat tiga item yang mendapat skor min pada tahap interpretasi yang sederhana iaitu saya akan memperuntukkan tempoh masa yang tertentu dalam sehari untuk mempelajari dan mempraktikkan kemahiran menulis bahasa Arab (min=3.35, SP=0.86). Dapatan ini menunjukkan bahawa mahasiswa mempunyai motivasi pada tahap sederhana berkaitan dengan pengurusan masa dalam mempraktikkan kemahiran menulis bahasa Arab. Item kedua yang berstatus sederhana ialah saya sering mempraktikkan bahasa Arab dengan pelajar asing yang berbahasa Arab untuk memahirkan kemahiran menulis saya. (min=3.18, SP=2.68). Dapatan ini merujuk kepada sikap mahasiswa yang mempunyai motivasi pada tahap sederhana untuk sentiasa berinteraksi dan berkomunikasi bahasa Arab dengan pelajar asing. Manakala item yang terakhir ialah walaupun tidak diminta oleh pensyarah, saya akan membuat latihan-latihan kemahiran menulis bahasa Arab (min=3.04, SP=0.78). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa tidak ramai mahasiswa mempunyai inisiatif sendiri untuk memajukan diri dalam kemahiran menulis. Mereka agak kurang rajin untuk membuat latihan-latihan kemahiran menulis selain dari kerja rumah yang telah diberikan oleh pensyarah mereka.

Kesimpulannya, dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa hampir keseluruhan item yang berkaitan domain motivasi pelajar Diploma bahasa Arab seperti keseronokan dalam mempraktikkan kemahiran menulis bahasa Arab dengan kawan-kawan samada yang berbangsa Arab, berasa amat risau jika tidak menguasai kemahiran menulis bahasa Arab selepas saya tamat belajar, penggunaan kamus untuk membantu dalam mencari makna-makna perkataan yang tidak difahami, suka bertanyakan kawan-kawan atau pensyarah untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas sekiranya terdapat sebarang masalah dalam kemahiran menulis bahasa Arab, sangat bermotivasi dengan subjek kemahiran menulis dan berminat untuk mendalami bidang bahasa Arab di peringkat yang lebih tinggi, berusaha untuk cuba mendalami kemahiran menulis bahasa Arab melalui uslub al-Qur'an dan al-Hadith, sering meminta pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan membantu untuk menguasai kemahiran menulis bahasa Arab dan tidak merasa malu dengan kesalahan yang tidak disengajakan berlaku semasa mempraktikkan kemahiran menulis bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi. Daripada lapan item yang berada pada tahap min yang tinggi, didapati dua item memperoleh peratusan persetujuan responden yang tinggi iaitu 90.7% untuk item penggunaan kamus untuk membantu dalam mencari makna-makna perkataan yang tidak difahami dan 85.7% untuk item suka bertanyakan kawan-kawan atau pensyarah untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas sekiranya terdapat sebarang masalah dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

Justeru, dapat disimpulkan berdasarkan analisis yang diperoleh bahawa motivasi pelajar Diploma Bahasa Arab di IPTIM dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab adalah sangat tinggi dan positif dalam beberapa aspek terutama yang berkaitan dengan inisiatif diri dan usaha masing-masing dalam meningkatkan kemahiran menulis melalui komunikasi dan interaksi dengan pelajar asing, rajin bertanya dan rajin menggunakan kamus bagi mendapatkan kosa kata baru dalam penulisan. Selain itu, mereka juga sangat bermotivasi dalam mempraktikkan sendiri kemahiran menulis tanpa diarahkan oleh sesiapa. Ini adalah satu sikap yang sangat positif dan baik untuk mengembangkan kemahiran menulis pada peringkat tertinggi.

## **Dapatan Kajian**

Berdasarkan analisis skor min di atas, kajian ini merumuskan bahawa motivasi pelajar Diploma Bahasa Arab di IPTIM dalam mempelajari kemahiran menulis adalah sangat tinggi dan positif dari pelbagai aspek yang dikaji. Namun begitu, terdapat beberapa item lain yang dikaji berada pada nilai min yang sederhana seterusnya perlu diberi ruang dan perhatian agar dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab di IPTIM. Item-item tersebut ialah :

1. Mahasiswa memperuntukkan tempoh masa yang tertentu dalam sehari untuk mempelajari dan mempraktikkan kemahiran menulis bahasa Arab (min=3.35, SP=0.86)
2. Mahasiswa sering mempraktikkan bahasa Arab dengan pelajar asing yang berbahasa Arab untuk memahirkan kemahiran menulis saya. (min=3.18, SP=2.68).
3. Mahasiswa akan membuat latihan-latihan kemahiran menulis bahasa Arab (min=3.04, SP=0.78)

Setelah dianalisis data dan dibincangkan dapatan kajian, pengkaji ingin mengemukakan beberapa solusi dan cadangan berkaitan motivasi pelajar Diploma bahasa Arab di IPTIM ke arah meningkatkan penguasaan kemahiran penulisan bahasa Arab. Setiap butiran cadangan dan solusi tersebut dibentangkan seperti berikut:

1. Sebagai seorang mahasiswa, pengurusan masa bukanlah sesuatu yang sukar untuk dibuat. Melalui perancangan yang baik, mereka perlu ada tekad dan semangat untuk meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab melalui komunikasi dan interaksi dengan rakan-rakan sekuliah.
2. Perbanyakkan aktiviti pergaulan dengan rakan-rakan menggunakan bahasa Arab terutama Bersama pelajar-pelajar antarabangsa. Melalui pergaulan yang baik, setiap kesilapan yang berlaku dapat diperbetulkan secara langsung dan spontan.
3. Latihan penulisan bahasa Arab perlu dijalankan dalam dua bentuk iaitu latihan intensif dalam kelas dan latihan santai di luar kelas. Latihan dalam kelas mestilah bersifat formal tapi menarik dan mesra pelajar manakala aktiviti luar kelas perlu bersifat santai dan bersasar. Penulisan pelajar dapat ditingkatkan jika penglibatan daripada semua pihak seperti pensyarah, rakan-rakan dan komuniti setempat dapat direalisasikan.

### Kesimpulan Kajian

Secara kesimpulannya didapati objektif kajian yang telah digariskan dapat dicapai dan dipenuhi dengan sempurna. Hasil dapatan kajian mencatat bahawa pelajar Diploma Bahasa Arab di IPTIM menunjukkan kesungguhan dalam mempraktikkan kemahiran menulis tanpa bergantung pada bimbingan langsung. Mereka mempunyai motivasi yang tinggi dan positif dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan mengembangkan jati diri dalam bidang pengajian bahasa Arab. Ini menunjukkan kematangan dan kepercayaan diri mereka dalam mengasah kemahiran bahasa Arab. Oleh itu, sebagai cadangan, institusi perlu terus memberi sokongan dan ruang untuk pelajar mengembangkan potensi mereka dalam menulis, seperti menyediakan bahan bacaan yang sesuai, aktiviti penulisan yang berunsurkan kreativiti, dan platform untuk berinteraksi dengan penutur asli. Selain itu, program sokongan dan mentorship yang disesuaikan dengan keperluan individu juga dapat meningkatkan motivasi dan prestasi pelajar dalam pembelajaran menulis bahasa Arab. Dengan pendekatan yang holistik dan sokongan yang berterusan, pelajar akan dapat terus memperbaiki kemahiran menulis mereka dengan lebih yakin dan berkesan.

### Rujukan

- Abd Gani, M. I., Ramli, S., & Zahid, M. D. A. (2021). Kemahiran Parafrasa Bahasa Arab dalam Penulisan Makalah Ilmiah: Analisis Kelemahan Pelajar. *e-BANGI*, 18(4), 118-129.
- Abdullah, A. H. B., Sulaiman, A. A. B., & Abdullah, W. I. B. W. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 10, 104.
- AH, H. F., Arief, Z. A., & Muhyani, M. (2019). Strategi motivasi belajar dan minat belajar dengan hasil belajar Bahasa Arab. *Tawazun: Jurnal Pendidikan Islam*, 12(1), 112-127.
- Ahmad, M. Z., & Manaf, M. F. A. (2017). Penggunaan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik untuk belajar Bahasa Arab. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat*, 655-666.
- Fadzil, N. A., Jaafar, N., & Rofiee, M. M. (2022). Hubungan Motivasi Pelajar Terhadap Penguasaan Bahasa Arab. *Jurnal Kesidang*, 7(1), 194-210.
- Inah, E. N., & Khairunnisa, A. (2019). Hubungan Motivasi Belajar Dengan Prestasi Belajar Bahasa Arab Mahasiswa Bidikmisi. *Al-TA'DIB: Jurnal Kajian Ilmu Kependidikan*, 12(1), 36-51.



- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A. A., & Daoh, M. (2018). Kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam Malaysia dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. *Selangor Humaniora Review*, 2(1), 9-21.
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A. A., Maromar, F., & Man, S. (2020). Hubungan Antara Faktor Dalaman dan Faktor Luaran Dalam Mempengaruhi Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: The Relationship between Internal and External Factors Influencing Student Skills of Arabic Writing in Higher Learning Institutions of Malaysia. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 2(1), 1-12.
- Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar, W. R. W., Abd Rahman, M. Z., Adnan, M. A. M., & Salleh, N. H. M. (2018). Kemampuan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia Mengaplikasikan Tatabahasa Arab dalam Kemahiran Menulis. *ALBASIRAH JOURNAL*, 8(2), 99-111.
- Neuman W.L (2012). *Understanding Research Canada*. Prentice Hall Publisher.
- Ridzuan, N. I., & Baharudin, H. (2021). Hubungan Antara Persekitaran Prasarana Bahasa Arab Dengan Tahap Komunikasi Bahasa Arab Pelajar. *PROCEEDING BOOK*, 16.
- Sadiq, F. W. M. J., & Hassan, M. M. (2021). Konsep sendiri dan gaya pembelajaran terhadap motivasi akademik dalam kalangan mahasiswa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 75-105.
- Sopian, A. (2019). *Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Analisa Kelemahan Pelajar UITM Melaka*. Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd (1257579-U) Kelantan Malaysia, 318.
- Sulaiman, S., Mustapha, N. F., Toklubok, P., & Sulong, W. M. W. (2018). Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi: Problems of Arabic Writing Skills Among Higher Learning Education Students. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(2), 142-151.
- Yusuf, M., & Wekke, I. S. (2018). *Bahasa Arab Bahasa Alquran*. Deepublish.
- Zulianah, E., Muchtar, N. E. P., & Robikhah, A. S. (2022). Peningkatan Kemahiran Menulis Arab Melalui Penerapan Pembelajaran Baca Tulis Al-Qur'an. *Al-Mada: Jurnal Agama, Sosial, Dan Budaya*, 5(3), 277-290.

## BAB 7

### KAJIAN RINTIS ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODEL BAHASA ARAB UNTUK PELANCONGAN DIGITAL MENGGUNAKAN MEDIUM REALITI LUASAN (AR) DI SELANGOR

Mohammad Imran bin Ahmad<sup>1</sup>, Roslinda bin Ramli<sup>2</sup>, Muhammad Najib bin Jaffar<sup>3</sup>, Juzlinda binti Mohd Ghazali<sup>4</sup>, Mohd Norzi bin Nasir<sup>5</sup>, Muhammad Nor Izdihar bin Abdul Halim<sup>6</sup>

<sup>1,2,4,5,6</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>3</sup> Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

#### Pengenalan

Dalam era digital yang semakin maju, teknologi Realiti Luasan (Augmented Reality, AR) memainkan peranan penting dalam memperkayakan pengalaman pengguna, termasuk dalam sektor pelancongan. Dengan menggunakan AR, pelancongan digital boleh meningkatkan daya tarikan lokasi dengan menyediakan maklumat yang interaktif dan mendalam. Penggunaan bahasa yang sesuai dan berkesan adalah penting untuk kemajuan pelancongan digital, terutamanya untuk memenuhi keperluan pelancong antarabangsa. Bahasa Arab, sebagai salah satu bahasa utama yang digunakan oleh pelancong dari Timur Tengah, adalah elemen kritikal yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan model pelancongan digital.

Fokus kajian ini adalah tertumpu kepada pembinaan dan penilaian kesahan serta kebolehpercayaan instrumen analisis keperluan bagi pembangunan Model Bahasa Arab untuk Pelancongan Digital menggunakan medium Realiti Luasan (AR) di Selangor. Untuk memastikan data yang dikumpul adalah sahih dan boleh digunakan untuk membuat keputusan yang berasaskan bukti, adalah penting untuk membina instrumen yang tepat dan boleh dipercayai.

Kajian ini dilaksanakan dalam tiga fasa utama: kajian literatur, pembinaan instrumen, dan analisis kesahan kandungan serta kebolehpercayaan instrumen. Berdasarkan kajian literatur terkini, tiga konstruk utama telah dikenal pasti sebagai asas pembangunan instrumen: keperluan, kekurangan, dan kehendak dalam pembangunan model pelancongan digital berasaskan bahasa Arab dan teknologi AR. Untuk memastikan kandungan adalah sah, instrumen yang dibangunkan disemak oleh panel pakar dalam teknologi AR, pelancongan, dan bahasa Arab. Soal selidik yang dibangunkan juga mempunyai skala Likert 5 mata.

Kajian rintis terhadap 30 pelancong Arab di sekitar Selangor telah dijalankan untuk mengesahkan kebolehpercayaan instrumen. Analisis data dijalankan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS versi 29). Penekanan khusus diberikan kepada menentukan nilai pekali Cronbach Alpha sebagai ukuran kebolehpercayaan data.

Dalam artikel ini, kami akan membincangkan secara terperinci proses pembinaan instrumen, analisis kesahan kandungan, dan kebolehpercayaan, dan bagaimana penemuan kajian ini memberi kesan kepada proses membangunkan model pelancongan digital dalam bahasa Arab yang menggunakan teknologi AR. Ia dijangkakan bahawa penemuan kajian ini akan memberi kesan besar kepada perkembangan industri pelancongan digital dan penggunaan AR, terutamanya untuk meningkatkan pengalaman pelancong Arab.

## Sorotan Literatur

### Realiti Luasan (AR)

Konsep teknologi realiti luasan (AR) mula diperkenalkan oleh Ivan Sutherland pada tahun 1965. Walau bagaimanapun, hanya pada awal 1990-an istilah augmented reality (AR) ataupun realiti luasan mula digunakan oleh Caudell & Mizell (1992), yang membangunkan sebuah sistem AR sebagai satu alat untuk melatih pekerja di Boeing Corporation USA, memahami dan mengendali pendawaian di dalam pesawat. Realiti luasan (Augmented Reality-AR) merujuk kepada penggunaan kandungan yang dijana komputer untuk menambah dunia sebenar, yang kini sebahagian besarnya ditambah dengan kandungan grafik (Hyun et al., 2009). Teknologi AR membenarkan pengguna untuk melihat dan berinteraksi dengan objek maya dalam persekitaran sebenar (Dunser 2008).

### Pelancongan Digital

Pelancongan digital boleh ditakrifkan sebagai sokongan digital pengalaman pelancong sebelum, semasa dan selepas aktiviti pelancongan (Benyon et al., 2014). Justeru ia boleh menjadi satu sistem cadangan untuk membantu seseorang mencari penginapan yang sesuai semasa perancangan percutian (Ardissono et al. 2003), aplikasi panduan pelancongan mudah alih pada telefon pintar mereka semasa berada di tempat pelancongan (Abowd et al.1997) atau keupayaan untuk meneroka gambar percutian dengan mudah sewaktu sampai di rumah (Apted et al. 2006). Secara ringkasnya, pelancongan digital merujuk kepada penggunaan peralatan digital untuk mengatur, mengurus dan menikmati pengalaman perjalanan. Konsep pelancongan digital bukanlah baharu dan merangkumi banyak aktiviti dalam talian yang melibatkan orang ramai hari ini dengan perancangan perjalanan menggunakan Expedia dan TripAdvisor, pengurusan perjalanan dengan tapak web frequent flyer syarikat penerbangan dan TripIt, aplikasi panduan pelancongan mudah alih pada telefon pintar dan pengurusan foto termasuk Facebook, Flickr, iPhoto atau Picasa. Namun apakah konsep baharu yang ditawarkan oleh pelancongan digital? Konsep baharu tersebut ialah konsep pelancongan yang dipertingkatkan secara digital. Melalui penggunaan teknologi, matlamat adalah untuk meningkatkan lagi kualiti atau tahap pengalaman pelancongan pelancong (Uriely 2005).

Pelancongan digital bukanlah baharu di negara ini. Sebelum ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) memperkenalkan pelancongan SMART menegenahkan digitalisasi dalam industri pelancongan. Digitalisasi dalam industri pelancongan mampu menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) negara seperti digariskan ketika sidang kemuncak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York pada September 2015 yang perlu dicapai menjelang 2030 (Berita Harian, 2021).

Pendigitalan juga mampu memberi kesan kepada pelancongan lestari negara yang memberi impak positif kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar serta memberi kebaikan kepada generasi sekarang dan masa hadapan. Pelancongan digital dilihat banyak berfokus kepada penyampaian maklumat kepada pelancong dalam dan luar negara. Bagi pelancong dan pelawat dalam negara, platform dalam talian membantu memudahkan perancangan percutian. Oleh itu, pelancongan digital di negara ini satu keperluan untuk kelestarian industri pelancongan negara. Sektor pelancongan negara mengorak langkah menjurus ke arah pendigitalan atau digitalisasi menerusi matlamat digital dalam Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 dilancarkan pada zaman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

### Realiti Luasan (AR) Dalam Pelancongan

Penggunaan aplikasi berteknologi AR ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang seperti industri automotif, perubatan, pendidikan, simulasi kejuruteraan, senibina, persekitaran pejabat dan lain-lain lagi. Namun, sektor pelancongan juga tidak terkecuali dalam mengadaptasi teknologi AR ini

bagi tujuan meningkatkan kepuasan para pelancong. AR telah dianggap mempunyai potensi besar untuk industri pelancongan kerana keupayaannya untuk meningkatkan persekitaran tempatan (Han et al., 2019). Pelancong adalah mereka yang "sedikit atau tiada kesedaran tentang sesuatu kawasan" (McKercher et al, 2003). Maka, teknologi berasaskan lokasi yang boleh mengakses maklumat di kawasan berhampiran akan sangat bermanfaat kepada industri ini.

Melalui teknologi AR pada peranti mudah alih menjadikan mekanisme yang popular dalam konteks pelancongan dan aplikasi navigasi berpusatkan geo. AR telah menjadi kaedah popular untuk memaparkan kandungan sejarah untuk lokasi pelancongan (Allsop, 2011; Watanabe, 2012; Schinke et al., 2010). Teknologi AR ini memudahkan membuat tempahan perjalanan, atau menggantikan panduan bercetak dengan multimedia atau menyokong pengurusan foto yang lebih baik, serta boleh meningkatkan pengalaman pelancong dengan ketara. Ini termasuk membenarkan pengguna menyelami diri mereka sepenuhnya dalam ruang maya yang tidak boleh diakses melalui pengalaman multimedia yang biasa (Cruz-Neira et al., 1993).

Walaupun aplikasi pelancongan yang menggunakan AR ada di pasaran namun sehingga kini tiada aplikasi yang menggunakan Bahasa Arab sebagai medium untuk tarikan pelancong daripada Timur Tengah. Aplikasi AR pada telefon pintar ini boleh membantu pelancong memahami persekitaran yang tidak dikenali kerana ia menyediakan kandungan yang semulajadi dan menarik di samping bersifat interaktif.

## Metodologi

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah untuk membina instrumen analisis keperluan pembangunan model Bahasa Arab Untuk Pelancongan Digital menggunakan medium Realiti Luasan (AR) di Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang bertujuan untuk membuat generalisasi dari sampel ke populasi. Menurut Noraini Idris (2010), penggunaan instrumen merupakan kaedah yang berkesan dalam menyediakan maklumat berbentuk kuantitatif daripada sesuatu kaji selidik yang lebih umum. Kajian ini terbahagi kepada tiga fasa iaitu analisis kajian literatur, pembinaan instrumen kajian serta melaksanakan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibina. Gabungan ketiga-tiga fasa tersebut menghasilkan instrumen penilaian analisis keperluan pembangunan model Bahasa Arab Untuk Pelancongan Digital menggunakan medium Realiti Luasan (AR) di Selangor yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan.

### Fasa 1: Analisis Kajian Literatur

Tinjauan literatur yang berkaitan dengan Bahasa Arab Bagi Tujuan Khusus dilakukan untuk mengenal pasti konstruk-konstruk yang merupakan elemen penting dalam pembinaan instrumen analisis keperluan pembangunan model Bahasa Arab Untuk Pelancongan Digital menggunakan medium Realiti Luasan (AR) di Selangor. Tiga konstruk utama yang dikenal pasti ialah kekurangan (*lacks*), keperluan (*necessities*) dan kehendak (*wants*) pelancong Arab terhadap Bahasa Arab Untuk Pelancongan Digital Menggunakan Medium Realiti Luasan (AR) di Selangor. 1. Terdapat beberapa keperluan yang telah dikenal pasti banyak faktor yang mempengaruhi seseorang untuk berkunjung ke sesuatu tempat atas tujuan pelancongan. Tourism Malaysia dalam laporannya yang berjudul 'Malaysia Tourist Profile By Selected Markets 2016' menyenaraikan beberapa faktor utama yang mempengaruhi pilihan pelancong yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi mereka. Antaranya ialah cadangan dari ahli keluarga, rakan-rakan dan orang lain. 2. Kekurangan penggunaan Bahasa Arab Untuk Pelancongan digital di Selangor; Menurut Hutschinson dan Waters (1987), para penyelidik perlu juga menganalisis persepsi pelancong Arab mengenai kekurangan (*lacks*) mereka terhadap Bahasa Arab Untuk Pelancongan Digital Menggunakan Medium Realiti Luasan (AR) di Selangor. 3. Kehendak Bahasa

Arab Untuk Pelancongan Islam di Selangor; Berdasarkan teori Analisis Keperluan (Hutchinson & Waters, 1987) kajian terhadap faktor kehendak (wants) pelancong Arab memilih Selangor sebagai destinasi pelancongan Islam perlu dianalisis. Setelah menetapkan konstruk, penyelidik menentukan pemboleh ubah bagi setiap konstruk berdasarkan kajian literatur. Ciri-ciri atau trait bagi pemboleh ubah setiap konstruk berkenaan digunakan sebagai panduan untuk membina item-item bagi konstruk tersebut.

## **Fasa 2: Pembinaan Instrumen Kajian Instrumen kajian**

Setelah mengenal pasti dan menentukan konstruk dan pemboleh ubahnya, penyelidik menentukan bentuk item yang diguna pakai pada setiap konstruk tersebut. Item penilaian ini merupakan satu set siri pernyataan yang mana ia hanya digunakan untuk pentaksiran keperluan responden berkenaan. Instrumen kajian yang dibina menggunakan skala likert iaitu skala 1 hingga 5. Butiran skala tersebut adalah seperti berikut:

1=Sangat Tidak Setuju

(STT) 2=Tidak Setuju (TS)

3=Tidak Pasti (TP)

4=Setuju (S)

5=Sangat Setuju (SS)

Sebanyak 29 item telah dibina dalam instrumen analisis keperluan ini.

## **Fasa 3: Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Pengesahan Instrumen Kajian**

Kesahan sesuatu alat pengukur merujuk kepada sejauh mana alat itu mampu mengukur data yang sepatutnya diukur (Adams et al., 2022). Pelbagai kaedah yang boleh digunakan untuk menentukan kesahan sesebuah instrumen. Menurut Arumainathan, K., Kway, E. H., & Shaffeei, K. (2023), instrumen akan menghasilkan kesahan yang tinggi sekiranya instrumen tersebut dapat diukur berdasarkan keperluan yang menyeluruh dan menepati kehendak kajian. Namun, penyelidik masih perlu mendapatkan sokongan orang lain sebagai usaha meningkatkan kesahan dengan membuat sorotan penulisan tentang gagasan psikologi dan tidak hanya andaian sendiri sahaja.

Pendekatan yang digunakan bagi menentukan kesahan instrumen dalam kajian ini ialah analisis empirikal dengan mengambil kira bukti-bukti yang ada dan berkaitan dengan kandungan perkara yang ingin diukur. Dalam memastikan kesahan kandungan, bantuan pakar dalam bidang berkaitan biasanya diperlukan (Krishnan, K., & Daud, M. Y., 2020).

Untuk pusingan pertama, penyelidik membuat kajian terhadap tulisan ahli-ahli akademik yang berkaitan dengan bahasa Arab dalam pelancongan digital menggunakan AR di Selangor seperti yang telah dinyatakan dalam kajian literatur dalam bab dua. Penyelidik juga mencari bahan bacaan yang berkaitan dengan pelancongan secara umum sama ada yang bercetak seperti majalah, buku dan brosur dan juga yang tidak bercetak seperti video, blog dan sebagainya. Penyelidik kemudiannya mengenal pasti isi-isi yang berkaitan dan selaras dengan teori keperluan Hutchinson & Waters (1987) yang berkaitan keperluan, kekurangan dan kehendak. Secara spesifiknya ialah keperluan pembangunan model bahasa Arab untuk pelancongan digital menggunakan medium realiti luasan (AR), kekurangan pembangunan model bahasa Arab untuk pelancongan digital menggunakan medium realiti luasan (AR) dan pembangunan model bahasa Arab untuk pelancongan digital menggunakan medium realiti luasan (AR).

Seterusnya, penyelidik mencadangkan kepada penyelia bentuk-bentuk konstruk yang perlu ada dalam setiap pemboleh ubah yang dikemukakan. Setelah mendapat persetujuan daripada penyelia,

penyelidik mula merangka item kajian berdasarkan teori keperluan yang telah disebut tadi. Kesahan kajian adalah merujuk kepada sejauh mana sesuatu ujian itu mengukur apa yang sepatutnya diukur. Ciri utama yang mesti ada dalam menentukan kesesuaian dan kebolehgunaan sesuatu instrumen adalah kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan instrumen adalah untuk menentukan bagaimana sesuatu instrumen itu boleh mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kesahan kandungan pula adalah satu proses untuk memastikan item-item yang digunakan dalam instrumen itu mewakili bidang pengetahuan yang hendak diukur (Wiersman. 2000).

### Kajian Rintis

Tujuan utama kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Hanya dalam keadaan apabila instrumen telah mempunyai kepastian sebenar dari aspek objektif, kesahan, kebolehpercayaan dan kepenggunaan, maka barulah kajian rintis tidak perlu dilaksanakan. Kajian rintis adalah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan. Kajian rintis bertujuan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian serta digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen dan kesesuaian kaedah analisis (Noor, N. M., & Nasri, N. M., 2021).

Penyelidik telah menyediakan instrumen, iaitu satu set soal-selidik dengan usaha memastikan soal-selidik tersebut mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Pada peringkat awal penyelidik telah menentukan kesahan melalui gagasan konstruk atau analisis konsep dan mendapatkan maklum balas pakar dalam bidang bahasa Arab untuk Tujuan Khusus. Penyelidik telah mencatat segala kekeliruan yang timbul, memperbetulkan ejaan dan memperbaiki tatabahasa dalam setiap item.

Penyelidik telah berbincang dengan pakar bagaimana menulis semula ayat supaya ayat tersebut dapat difahami dengan mudah. Penyelidik memperbaiki semula item-item tersebut sebelum menjalani ujian rintis. Semakan pakar adalah perlu untuk menentukan kesahan kandungan. Kesahan kandungan merujuk kepada sejauhmana instrumen mengumpul data yang merangkumi kandungan sesuatu bidang yang dikaji. Kesahan kandungan sesuatu alat ukuran bergantung kepada skop dan objektif bidang yang dikaji (Zahir, M. Z. M., Saper, M. N., & Bistamam, M. N. , 2019). Justeru, instrumen penilaian yang dibina telah diberikan kepada pakar yang mempunyai kemahiran dalam bidang yang berkaitan untuk disemak bagi memastikan isi kandungannya bersesuaian dan menepati matlamat kajian. Kesahan kajian adalah penting untuk menguji kemampuan instrumen untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur seterusnya membenarkan interpretasi skor yang sesuai. Sesuatu instrumen mempunyai kesahan untuk tujuan dan kumpulan yang tertentu. Data yang diperolehi kemudiannya akan digunakan untuk membuat kesimpulan yang sesuai (Noraini Idris, 2010).

Pemilihan panel pakar adalah terdiri daripada tiga orang pensyarah universiti tempatan yang berpengalaman iaitu Dr Salyani binti Osman dari Universiti Selangor, Dr Hafiza binti Abas dari Universiti Teknologi Malaysia dan Prof. Madya Dr. Nurkhamimi Zainuddin dari Universiti Sains Islam Malaysia. Justifikasi pemilihan mereka untuk mendapatkan kesahan soal-selidik adalah berdasarkan kepakaran yang dimiliki dalam bidang bahasa Arab, realiti luasan dan pelancongan.

Jadual 2 : Panel Kesahan Instrumen Kajian

Pakar	Kepakaran	Institusi
Prof. Madya Dr. Nurkhamimi Zainuddin	Bahasa Arab	Universiti Sains Islam Malaysia
Dr Salyani binti Osman	Pelancongan	Universiti Selangor
Dr Hafiza binti Abas	Realiti Luasan	Universiti Teknologi Malaysia

Para panel yang dilantik telah diberi penerangan mengenai latar belakang kajian, definisi konsep kajian, operasi konstruk yang terlibat dan tugas penyemakan item yang dibina. Mereka telah diberikan Jadual Spesifikasi Instrumen (JSI) bagi membuat pembetulan, memberi komen dan cadangan kepada item yang kurang menepati kehendak konstruk. Berdasarkan borang berkenaan, mereka dikehendaki:

1. Menilai kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian
2. Memeriksa kejelasan bahasa & kebolehfahaman instrumen kajian
3. Memberi cadangan penambahbaikan instrumen kajian

Proses seterusnya ialah keputusan penilaian pakar dikumpulkan dan dianalisis. Para panel telah membuat semakan, memberi maklum balas dan komen terhadap item-item yang dibina kemudian mengembalikan semula Jadual Spesifikasi Instrumen (JSI) tersebut.

Keputusan penilaian pakar telah dikumpulkan dan dianalisis. Jadual 3 menunjukkan penilaian pakar secara keseluruhan kepada pembentukan konstruk dan item soal selidik. Dua orang pakar mencadangkan agar beberapa item dibaiki. Penambahbaikan yang dicadangkan oleh panel penilai melibatkan kesesuaian bahasa yang digunakan, penambahan pilihan jawapan dan penerangan maksud AR kepada responden. Definisi terma-terma teknologi dan contoh-contohnya tidak diberikan di dalam borang soal-selidik kerana responden-responden yang dipilih mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang teknologi maklumat. Tiada item yang dibuang selepas sesi penilaian pakar. Dengan itu, jumlah keseluruhan masih sama iaitu 37 item.

Jadual 3 : Penilaian Keseluruhan Pakar

	P1	P2	P3
Ketepatan penggunaan konstruk	Ya	Ya	Baiki
Format instrumen kajian	Ya	Baiki	Ya
Kejelasan makna setiap item	Ya	Baiki	Baiki
Kesesuaian bahasa yang digunakan	Ya	Ya	Baiki
Kesesuaian saiz tulisan	Ya	Ya	Ya
Kejelasan tentang arahan yang diberikan	Ya	Ya	Baiki
Penggunaan jarak tulisan	Ya	Ya	Ya
Petunjuk bagi skala pengukuran	Ya	Baiki	Ya
Kejelasan objektif instrumen	Ya	Ya	Ya
Ejaan betul	Ya	Ya	Ya
Ulasan am	Ok	Ok	Tambah pilihan umur 60 tahun ke atas

Reka bentuk borang penilaian yang dipaparkan di atas berdasarkan reka bentuk borang penilaian yang pernah digunakan oleh Norsaleha Mohd. Salleh, Abdul Halim Tamuri & Salleh Amat (2013) dan Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei (2017).

Soal-selidik tersebut kemudiannya melalui proses kajian rintis yang telah diberikan kepada responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian yang sebenar. Menurut Subramaniam, B., Hashim, M. Z., & Saad, Z. (2021), kajian rintis dijalankan dengan menggunakan sebilangan kecil individu yang mempunyai latar belakang demografi yang serupa dengan responden

kajian. Secara khususnya tujuan utama kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat rawak tentang kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan kepada responden yang sebenar. Keduanya untuk memastikan responden boleh memahami item-item dalam borang soal-selidik. Ketiga bagi mengenal pasti pernyataan yang lemah dari segi pembinaan ayat.

Kajian rintis melibatkan 30 orang pelancong Arab yang tidak terlibat di dalam kajian sebenar. Walau bagaimanapun sampel yang digunakan mempunyai ciri yang sama dengan kumpulan sebenar kajian iaitu pelancong Arab di Selangor. “Central Limit Theorem” menyatakan bahawa saiz yang paling kecil bagi sesuatu sampel adalah sekurang-kurangnya 30 orang (Antonoyannakis, 2018) bagi menjalankan kajian rintis yang menggunakan kaedah kuantitatif secara kaedah soal-selidik. Para sarjana tersebut bersetuju bahawa kajian rintis hanya perlu melibatkan antara 10 hingga 30 orang responden sahaja. Instrumen keperluan, kekurangan, kehendak dan cadangan model bahasa Arab untuk pelancongan digital menggunakan medium realiti luasan (AR) telah dirintiskan kepada 30 orang pelancong yang berada di Selangor dalam tempoh bulan Jun 2024. Pada waktu ini pelancong Arab mula membanjiri negeri Selangor memandangkan terdapat banyak aktiviti pelancongan pada ketika ini. Ada juga pelancong yang bercadang untuk menyertai Hari Landskap Negara di Shah Alam (Tourism Selangor) dan acara-acara pelancongan sukan seperti Power Man Malaysia dan The Great Outdoor Expo. Tidak kurang juga ada di antara mereka yang ingin merasai pengalaman menyambut Hari Raya Aidil Adha di Selangor.

Secara keseluruhannya pelancong mengambil masa 5 ke 7 minit bagi melengkapkan kertas soal-selidik. Mereka tidak menghadapi masalah untuk memahami arahan dan cara menjawab soal-selidik.

### Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Selepas penyelidikan membuat instrumen berupa soal-selidik dengan skala *likert*, terlebih dahulu data soal-selidik harus diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Berdasarkan kepada Sidek (2002), sebuah ujian atau instrumen mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperoleh daripada individu yang sama pada masa yang berbeza.

Kebolehpercayaan didefinisikan sebagai ketekalan sesuatu alat ukuran dalam mengukur pemboleh ubah atau gagasan (Mohd Majid, 2009). Alat ukur yang mengukur sesuatu pemboleh ubah atau gagasan dengan tekal dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Sebaliknya alat ukur yang menghasilkan markah yang berubah-ubah bagi mengukur gagasan atau pemboleh ubah yang sama dikatakan tidak tekal dan seterusnya mempunyai kebolehpercayaan yang rendah. Oleh itu, untuk mendapatkan nilai ketekalan dalam item-item instrumen, nilai alpha *Koeffisien Cronbach* telah digunakan kerana pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk bukan kategori.

Nilai Alpha Cronbach merupakan kaedah pengukuran nilai kebolehpercayaan yang kerap digunakan bagi set soal-selidik. Sebahagian besar penyelidikan mencadangkan bahawa nilai pekali melebihi 0.80 lazimnya menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai satu instrumen (Bryman & Cramer, 2005)

Jadual 4 : Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan Babbie (1992)

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat Tinggi	> 0.90
Tinggi	> 0.70 – 0.89
Sederahana	0.30 – 0.69
Rendah	0.30

Kajian rintis dilaksanakan bagi mendapatkan data yang boleh membantu penyelidikan memurnikan item-item bahasa Arab untuk Tujuan Pelancongan Islam sebelum kajian sebenar



dijalankan. Bagi memperoleh kebolehpercayaan bagi kajian rintis ini, penyelidik menggunakan teknik analisis kebolehpercayaan bagi peringkat item dan skala untuk setiap konstruk. Data yang diperoleh daripada kajian rintis telah diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 21.0. Sebelum diproses, data dibersihkan daripada sebarang kesilapan dan item negatif telah dikod semula. Penyelidik menggunakan arahan analisis kebolehpercayaan bagi mendapatkan nilai pekali alpha bagi setiap konstruk dan item keseluruhan kajian.

Bagi menentukan sama ada item yang dibina diterima atau disingkirkan, penyelidik membuat perbandingan nilai Alpha Cronbach bagi konstruk yang terlibat dalam instrumen tersebut. Menurut Chua (2006), jika sesuatu item dalam konstruk itu mempunyai nilai *Cronbach's Alpha if Item Deleted* (Cronbach Alpha jika item disingkirkan) lebih tinggi daripada nilai Cronbach Alpha bagi konstruk tersebut, maka item itu perlu disingkirkan. Ini bererti pekali alpha tidak akan meningkat lagi dengan menyingkirkan mana-mana item dalam konstruk tersebut.

### Persampelan

Populasi sasaran kajian ini adalah pelancong Arab yang melancong di Selangor. Mereka dipilih kerana penilaian ini dilakukan ke atas keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Digital menggunakan medium Realiti Luasan (AR) mengikut perspektif pelancong Arab yang melancong di Selangor. Bagi kajian ini, para penyelidik memilih kaedah persampelan mudah (convenience sampling) iaitu sebuah tempat yang mempunyai bilangan pelancong Arab yang ramai dan memilih secara rawak dalam kalangan mereka untuk dijadikan responden (Noraini Idris, 2010). Maka, para penyelidik memilih persampelan mudah berdasarkan tempat-tempat yang telah dinyatakan. Sampel kajian yang dipilih digunakan dalam pelaksanaan kajian rintis dan kajian sebenar. Menurut maklumat yang diperoleh melalui Tourism Malaysia, Tourism Selangor dan masyarakat setempat, terdapat beberapa tempat yang menjadi tumpuan para pelancong Arab di sekitar Selangor. Dalam pemilihan sampel kajian rintis menurut Chua (2006), sampel yang dicadangkan adalah seramai 30 hingga 40 responden. Oleh itu, penyelidik memilih 30 orang pelancong Arab secara rawak di sekitar tempat yang menjadi tumpuan mereka.

## Dapatan Kajian

Jadual 6: Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian bagi Kajian Rintis Pasca Pembaikan

Konstruk	Bilangan Item	Nilai Alpha	Interpretasi
Keperluan Pembangunan Model Bahasa Arab Untuk Pelancongan Digital Menggunakan Medium Realiti Luasan (AR)	15	0.971	Sangat tinggi
Kehendak Pembangunan Model Bahasa Arab Untuk Pelancongan Digital Menggunakan Medium Realiti Luasan (AR)	8	0.173	Rendah
Kekurangan Pembangunan Model Bahasa Arab Untuk Pelancongan Digital Menggunakan Medium Realiti Luasan (AR)	5	0.567	Sederhana
Nilai keseluruhan Cronbach Alpha instrumen penilaian	28	0.796	Tinggi

Hasil analisis kebolehpercayaan bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini seperti dalam jadual 6 di atas menunjukkan bahawa tahap konsistensi yang tinggi di kalangan responden dari segi keperluan mereka, dengan alpha Cronbach mencatat nilai 0.97. Nilai yang tinggi tersebut menunjukkan yang responden secara amnya bersetuju dengan apa yang mereka perlukan dalam model pelancongan digital tersebut.

Manakala hasil yang diperoleh untuk konstruk kehendak adalah kurang konsisten yang mencatat nilai alpha Cronbach sebanyak 0.17. Data ini menunjukkan tahap persetujuan di kalangan

responden dari segi kehendak adalah rendah. Walaupun beberapa responden bersetuju atau sangat bersetuju dengan kebanyakan kenyataan, variabiliti ini menunjukkan bahawa kehendak adalah lebih subjektif dan individualistik berbanding keperluan. Respon yang berkaitan dengan kekurangan model menunjukkan konsistensi yang sederhana iaitu nilai alpha Cronbach sebanyak 0.57. Konsistensi yang diperoleh ini tidaklah sekuat konstruk keperluan dan ini menunjukkan terdapat beberapa perbezaan pendapat dalam kalangan responden tentang kekurangan model pelancongan digital ini.

Kebolehpercayaan penilaian keseluruhan, seperti yang ditunjukkan oleh nilai alpha Cronbach sebanyak 0.796, yang dianggap sebagai nilai yang tinggi ( $> 0.70 - 0.89$ ), mencadangkan bahawa instrumen ini secara amnya boleh dipercayai. Data ini menunjukkan yang walaupun terdapat variasi dalam konstruk individu, instrumen ini secara keseluruhannya dapat dikategorikan sebagai alat yang kukuh untuk menilai keperluan, kekurangan, dan keinginan dalam membangunkan Model Bahasa Arab untuk Pelancongan Digital menggunakan AR. Kebolehpercayaan keseluruhan yang tinggi adalah penting untuk memastikan bahawa data yang dikumpul boleh dipercayai untuk membuat keputusan yang berinformasi dan membantu dalam membangunkan model pelancongan digital yang diinginkan.

Kesimpulannya, kebolehpercayaan instrumen ini adalah baik dan boleh digunakan untuk kajian sebenar. Menurut Imasuen Kennedy (2022), nilai alpha Cronbach dapat dipertingkatkan apabila berlaku penambahan terhadap saiz sampel, iaitu dalam konteks ini, jumlah responden. Oleh itu, kebolehpercayaan instrumen akan menjadi semakin tinggi kerana bilangan responden yang akan digunakan untuk kajian sebenar adalah jauh lebih ramai berbanding kajian rintis. Kebolehpercayaan instrumen yang tinggi akan membawa kepada data kajian yang boleh dipercayai dan seterusnya dapat dianalisis dengan tujuan untuk meningkatkan pengalaman pelancongan kepada pelancong berbahasa Arab seterusnya menjadikan Selangor destinasi yang lebih menarik untuk pelancong-pelancong dari Timur Tengah.

Analisis faktor bagi kajian rintis ini tidak perlu dilakukan memandangkan saiz sampel adalah kecil bagi menentukan kesahan sesuatu instrumen. Analisis faktor adalah satu teknik statistik multivariat digunakan untuk menentukan faktor yang mempengaruhi sesuatu pemboleh ubah supaya menjadi beberapa set pemboleh ubah yang lebih kecil. Minima saiz sampel sebanyak 100 boleh diterima (Fauzi Hussin, et. al: 188) sedangkan kajian rintis ini melibatkan hanya 30 responden sahaja.

## **Kesimpulan**

Artikel ini menjalankan kajian rintis bagi menganalisis keperluan untuk membangunkan model bahasa Arab pelancongan digital dengan menggunakan Augmented Reality (AR) di Selangor. Kajian yang dijalankan untuk memastikan data yang dikumpul adalah tepat dan boleh dipercayai, penting untuk membuat keputusan dalam pembangunan pelancongan digital, terutamanya bagi memenuhi keperluan pelancong antarabangsa dari Timur Tengah.

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini menerangkan reka bentuk kajian, persampelan, dan teknik analisis data yang digunakan dalam penyelidikan. Kajian ini dijalankan dalam tiga fasa utama iaitu tinjauan literatur, pembinaan instrumen, dan analisis kesahan serta kebolehpercayaan kandungan. Kajian literatur mengenal pasti tiga konstruk utama iaitu keperluan, kekurangan dan kemahuan sebagai asas untuk pembangunan instrumen. Instrumen skala Likert 5 mata telah disemak oleh pakar dalam AR, pelancongan dan bahasa Arab bagi memastikan kesahihan kandungan.

Kajian rintis yang dilakukan melibatkan seramai 30 pelancong Arab di Selangor bagi mengesahkan kebolehpercayaan instrumen yang direka. Analisis data dilakukan menggunakan SPSS versi 29, dengan memfokuskan kepada pekali Cronbach Alpha sebagai ukuran kebolehpercayaan data.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi impak yang tinggi kepada pembangunan pelancongan digital dan penggunaan AR, khususnya dalam meningkatkan pengalaman pelancong Arab. Dapatan ini juga merupakan laporan komprehensif mengenai projek penyelidikan yang member tumpuan kepada peningkatan keberkesanan inisiatif pelancongan digital untuk pelancong berbahasa Arab ke Selangor dengan menggunakan teknologi AR. Kajian ini kukuh dari aspek metodologi dan bertujuan untuk menyumbang kepada matlamat pembangunan mapan (SDG) dengan meningkatkan pendigitalan dalam industri pelancongan.

### Penghargaan

Artikel ini merupakan pembentangan dapatan kajian bertajuk Kajian Rintis Analisis Keperluan Pembangunan Model Bahasa Arab untuk Pelancongan Digital Menggunakan Medium Realiti Luasan (AR) Di Selangor. Penghargaan kepada pihak Universiti Islam Selangor (UIS) sebagai pemberi dana penyelidikan iaitu kategori Geran (Geran SUK) 2023/P/GSUK/GSUK-001

### Rujukan

- Abdul Aziz, M. (2015). Islamization of knowledge and educational development: The case of Bangladesh. *International Journal of Islamic Thoughts*, 4(1): 95-112.
- Abowd GD, Atkeson CG, Hong J, Long S, Kooper R, Pinkerton, M. (1997). Cyberguide: a mobile context-aware tour guide. *Wireless Networks* 3, 5, pp 421–433
- Adams, Kathryn A., McGuire (aka: Lawrence) dan Eva K. (2022). *Research Methods, Statistics, and Applications*. 3rd ed. SAGE Publications.
- Alavifar A, Karimimalayer M, Anuar M. K. (2012). The first and second generation of multivariate techniques. *Engineering Science and Technology: An International Journal (ESTIJ)*, 2(2), 326-329.
- Allsop L. (2011). iPhone app brings Roman London to life. [http://articles.cnn.com/2011-07-29/tech/roman.london.app\\_1\\_iphone-app-london-museum-roman-london?s=PM](http://articles.cnn.com/2011-07-29/tech/roman.london.app_1_iphone-app-london-museum-roman-london?s=PM):
- Al-Tilimsani, Umar. (n.d). *Dhikrayat la mudhakkirat*. Cairo: Dar al-Tiba'ah wa al-Nashr al-Islamiyyah
- Antonoyannakis, M. (2018). Impact Factors and the Central Limit Theorem: Why citation averages are scale dependent. *Journal of Informetric*
- Apted T, Kay J, Quigley, A. (2006). Tabletop sharing of digital photographs for the elderly. In: Grinter R, Rodden T, Aoki P, Cutrell E, Jeffries R, Olson G (Eds) *Proceedings of the SIGCHI conference on human factors in computing systems (CHI '06)*, ACM, New York, pp 81–790
- Ardissono L, Goy A, Petrone G, Segnan M, Torasso, P. (2003). Intrigue: personalized recommendation of tourist attractions for desktop and handset devices. *Applied artificial intelligence, special issue on artificial intelligence for communities of agents*
- Arumainathan, K., Kway, E. H., & Shafeei, K. (2023). Kajian keberkesanan aktiviti main peranan “I Can Communicate Too” terhadap murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 55-76.
- Ball, J., Armistead, L., & Austin, B. J. (2003). The relationship between religiosity and adjustment among African-American, female, urban adolescents. *Journal of Adolescence*, 26(4), 431-446.
- Benyon, D., Quigley, A., O’Keefe, B., & Riv, G. (2014). Presence and Digital Tourism. *AI & SOCIETY* 29(4):521-529. DOI: [10.1007/s00146-013-0493-8](https://doi.org/10.1007/s00146-013-0493-8)
- Bryman, A. and Cramer, D. (2005). *Quantitative Data Analysis for Social Scientists SPSS 12 and 13. A Guide for Social Scientists*. London Routledge. 394pp.

- Caudell, T. P. & Mizell, D. W. (1992). Augmented Reality: An Application of Heads-Up Display Technology to Manual Manufacturing Processes. Proceedings of Hawaii International Conference on System Sciences, hlm. 659-669.
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah Penyelidikan. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia).
- Cruz-Neira C, Sandin D, DeFanti, T. (1993). Surround-screen projection-based virtual reality: the design and implementation of theCAVE. In: Proceedings of the 20th annual conference on computer graphics and interactive techniques (SIGGRAPH '93). ACM, New York, pp 135-142
- Dunser, A. (2008). Supporting low ability readers with interactive augmented reality. In *Annual Review of CyberTherapy and Telemedicine: Changing the Face of Healthcare* San Diego & Interactive Media Institute.
- Han, D. I. D., Weber, J., Bastiaansen, M., Mitas, O., & Lub, X. (2019). Virtual and augmented reality technologies to enhance the visitor experience in cultural tourism. In *Augmented reality and virtual reality* (pp. 113-128). Springer, Cham.
- Hutchinson, T., & Waters, A. (1987). English for Specific Purposes. In *English for Specific Purposes*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/cbo9780511733031>
- Hyun, M. Y., Lee, S., & Hu, C. (2009). Mobile-mediated virtual experience in tourism: concept, typology and applications. *Journal of Vacation Marketing*, 15(2), 149-164.
- Kennedy, I. (2022). Sample size determination in test-retest and Cronbach alpha reliability estimates. *British Journal of Contemporary Education*, 2(1), 17-29.
- Krishnan, K., & Daud, M. Y. (2020). Pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PDPC) Matematik dalam kalangan pensyarah di kolej-kolej vokasional Negeri Sembilan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1(3), 89-99.
- Maisarah Abd Hamid. (2021). Digitalisasi pelancongan melestarikan industri, negara. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/04/811126/digitalisasi-pelancongan-melestarikan-industri-negara>.
- McKercher, B., & Du Cros, H. (2003). Testing a cultural tourism typology. *International Journal Of Tourism Research*, 5(1), 45-58.
- Mohd Majid Konting. (2009). Kaedah penyelidikan pendidikan (8th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor, N. M., & Nasri, N. M. (2021). Persepsi Guru Kimia Terhadap Perlaksanaan Project Based Learning (PBL) Bagi Matapelajaran Kimia KSSM. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 433-448.
- Qutb, Sayyid. (1415 H\1995). *Al-'Adalah al-ijtima'iyah fi al-Islam*. Cairo: Dar al-Syuruq
- Schinke T, Henze N, Boll, S. (2010). Visualization of off-screen objects in mobile augmented reality. In: Proceedings of the 12th international conference on Human computer interaction with mobile devices and services (MobileHCI '10). ACM, New York, pp 313-316
- Sidek, M.N. (2002). Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis. Serdang, Selangor: Penerbit UPM
- Subramaniam, B., Hashim, M. Z., & Saad, Z. (2021). Hubungan Kefahaman Konsep “4” Dan Amalan Dalam Kalangan Guru Novis Pulau Pinang. *International Research Journal of Education and Sciences*, 5(2), 15-20.
- Tahi-rul- Qadri, M. (2007). *Islamic concept of knowledge*. Lahore: Minhajul Quran Publication.
- Uriely Natan. (2005). The tourist experience: conceptual developments. *Ann Tour Res* 32(1):199-216
- Watanabe, A. (2012). Inside 'world's first augmented reality hotel'. Retrieved on 14 Mar 2012, <http://www.theaustralian.com.au/travel/news/smart-advertising-makes-the-holiday-inn-the-worlds-first-augmented-reality-hotel/story-e6frg8ro-1226298298447>

- Yusof Hussain, M. (2019). *Islamization of human sciences*. Kuala Lumpur: IIUM Press. Al-Ghazali. (1986). *Ihya' 'ulum al-din*. Edited by Zayn al-Din Abi al-Fadl 'Abd al-Rahim ibn al-Husayn al-'Iraqi. 4 volumes. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Zahir, M. Z. M., Saper, M. N., & Bistamam, M. N. (2019). Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs: Validity and reliability of the module titled "Modul kelompok bimbingan integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 9(1), 58-69.

## BAB 8

### KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KETERLIBATAN DIRI PENDAKWAH DALAM PENGGUNAAN MEDIA MASSA BAHASA ARAB

Nadzirah Norudin,<sup>1</sup> Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad,<sup>1</sup> Kaseh Abu Bakar<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

#### Pendahuluan

Keterlibatan diri pendakwah dalam media massa tidak menjadi suatu fenomena yang asing lagi kini. Medan dakwah tidak seperti dahulu yang hanya di meja kuliah surau dan masjid sahaja, akan tetapi kini lebih meluas lagi tanpa batasan rentetan peristiwa Covid-19 yang melanda di seluruh negara sehingga mengubah landskap dakwah masa ini. Jika dahulu, tidak lengkap sekiranya tidak hadir secara bersemuka untuk satu-satu program yang dijalankan. Tetapi kini sebaliknya. Bahkan dilihat banyak kebaikan yang diperoleh seperti penjimatan kos dari segi yuran penyertaan dan penyediaan jamuan, penjimatan masa dan tenaga serta sumber ilmu agama tanpa batasan.

Hakikatnya, dakwah tetap dakwah. Apa pun ujian dan mehnah yang melanda, para pendakwah tidak boleh berhenti dari terus melaksanakan sunnah nabi iaitu mengajak ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Perjuangan tetap perlu diteruskan tanpa berputus asa meskipun tidak dapat dinafikan era kini kebobrokan sosial dalam kalangan setiap lapisan masyarakat semakin membimbangkan. Walau bagaimanapun, ini sudah menjadi kewajipan dan tanggungjawab yang perlu dipikul setiap individu muslim seperti firman Allah dalam Surah An-Nahl ayat 125 yang bermaksud:

*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.*

Tidak terhenti di situ, era pasca-Covid dilihat semakin giat penggunaan media sosial sebagai pelantar penyampaian maklumat kerana dilihat kaedah ini paling ampuh untuk memastikan maklumat sampai kepada masyarakat dengan cepat (Mohd Rumaizuddin, 2020) di samping menjimatkan kos. Era pasca-Covid ini dilihat banyak memberi perubahan kepada pelbagai aspek kehidupan manusia sejagat khususnya dalam aspek dakwah Islam. Medium rujukan dakwah kini tidak lagi terhad sumbernya secara fizikal, malahan dapat diperoleh dengan mudah dengan hujung jari tidak kira masa dan tempat pada era serba digital kini.

Namun, persoalannya adakah penulisan maya, audio mahupun video yang tersebar di media sosial kesemuanya daripada sumber yang dipercayai kesahihannya? Adakah pendakwah muda lebih cenderung dan gemar memilih rujukan fizikal seperti kitab turath ataupun sudah berpaling ke media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* yang sememangnya bercampur antara hak dan batil serta lebih mudah diperoleh maklumatnya dalam memahami agama? Adakah pendakwah muda akan

berusaha memahami konsep dan perbincangan agama melalui bahan rujukan muktabar Arab atau lebih memilih jalan mudah dengan menggunakan rujukan bahasa ibunda sebagai sumber primer?

Persoalan lebih besar lagi, adakah pendakwah muda mampu memahami dan menganalisis teks-teks Arab yang membincangkan hal ehwal agama sedangkan bahasa Arab ialah bahasa agama Islam dan sudah tentu sumber muktabar Islam kebanyakannya dalam bahasa Arab? Oleh itu, penguasaan kemahiran bahasa Arab yang baik menjadi prasyarat utama bagi seorang pendakwah bagi melayakkan mereka berperanan di pentas dakwah maya.

Di sisi lain, antara cabaran yang dihadapi pendakwah masa kini dalam media kontemporari menurut Saifulazry et al. (2021) ialah cabaran dalam persediaan ilmu pengetahuan, cabaran dalam penyampaian mesej berkualiti, lambakan penyalahgunaan maklumat di media sosial dan lain-lain. Cabaran-cabaran yang terjadi ini salah satunya berpunca daripada kurangnya kesedaran dan ilmu untuk menilai kredibiliti bahan agama yang akan dikongsikan. Kemungkinan disebabkan ingin berlumba-lumba membuat kebaikan sehingga lupa untuk menilai kesahihan bahan yang disebarkan dalam media sosial.

Antara asas kredibiliti dalam sesebuah penulisan adalah berteraskan kepada kejujuran, kandungan penulisan bersifat menyeluruh, mengutamakan aspek akhlak, rujukan dari kitab-kitab yang muktabar, kandungan penulisan yang memberi maklumat dan nasihat yang baik kepada pembaca (Mohd Sobhi et al., 2011). Ini bermakna, tidak boleh tidak penguasaan kemahiran bahasa Arab tidak boleh diabaikan kerana bagi menilai kesahihan kandungan agama, individu perlu merujuk sumber-sumber muktabar yang kebanyakannya sedia maklum dalam bahasa Arab. Proses penganalisisan bahan rujukan muktabar Arab bukannya suatu yang mudah yang boleh dilakukan oleh orang awam. Oleh yang demikian, dengan pengetahuan kemahiran bahasa Arab yang baik, pendakwah mampu untuk mengambil peranan memperbetul fakta agama yang salah dengan fakta yang selari dengan syarak di media sosial khususnya seperti isu penyebaran hadith palsu, pengamalan ibadat yang kurang tepat dan persepsi Islam menyokong kekerasan.

Bukan itu sahaja, jika peranan pendakwah di media sosial diambil alih oleh orang yang bukan ahlinya, maka kesannya akan berlakulah kepincangan dalam masyarakat akibat salah tafsir terhadap sumber yang dirujuk. Tambahan pula, pengguna media sosial terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan sudah tentu tidak semua mempunyai asas pengetahuan yang mencukupi berkaitan syariat Islam. Sudah tentu mereka menghadapi masalah untuk menentukan kesahihan sumber maklumat yang diperoleh (Zulkiple, 2002).

Melihat peri pentingnya keterlibatan pendakwah muda dalam penggunaan bahasa Arab di media massa, maka kajian ini membangunkan instrumen keterlibatan diri pendakwah muda untuk mengukur tahap keterlibatan diri pendakwah dalam penggunaan media massa bahasa Arab.

## **Tujuan Kajian**


Kajian ini dilakukan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik keterlibatan diri pendakwah muda dalam penggunaan media massa bahasa Arab. Instrumen kajian ini telah dibangunkan berdasarkan keperluan bahasa Arab yang perlu dikuasai pendakwah muda dalam penggunaan media massa. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini diukur mengikut konteks populasi kajian yang terdiri daripada pendakwah muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia.

## Metodologi Kajian

Dalam perbincangan metodologi kajian ini, tiga aspek utama akan dikupas iaitu reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian serta instrumen kajian.

### Reka bentuk kajian

Kajian ini mengimplementasikan pendekatan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan deskriptif yang hanya melibatkan aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik. Model Pembangunan Instrumen Miller et al. (2013) telah diaplikasikan sepanjang pembinaan instrumen dijalankan.



Rajah 1

Modul Pembangunan Instrumen Miller et al. (2013)

### Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian rintis ini terdiri daripada pelajar jurusan dakwah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebanyak 32 sampel responden rintis diambil daripada populasi kajian. Meskipun begitu responden yang dipilih bukan sampel sebenar tetapi mempunyai ciri, sifat dan karakter yang sama atau hampir sama dengan sampel sebenar kajian. Jumlah sampel yang diambil untuk kajian ini selari dengan pandangan Cooper dan Schindler (2011) yang mencadangkan julat sampel bagi kajian rintis antara 25 hingga 100 orang memandangkan secara praktikalnya kajian rintis hanyalah kajian yang berskala kecil.



### Instrumen Kajian

Instrumen keterlibatan diri ini dibangunkan berdasarkan penggunaan bahasa Arab dalam media massa yang selari dengan keperluan pendakwah muda dengan rujukan *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)* dan instrumen kajian Philp dan Duchesne (2016). Berikut merupakan gambaran asal instrumen kajian ini:

Jadual 1 Kerangka Draf Awal Instrumen

Konstruk			
Media Cetak		Media Elektronik	
Sub Konstruk	Bilangan Item	Sub Konstruk	Bilangan Item
Surat Khabar/ Majalah/ Artikel	12	Media Sosial	18
Al-Quran	28	Laman Sesawang/ Blog	10
Hadis	15	Pelantar Hiburan	16
Kitab Turath	13		
Terjemahan	4		
Jumlah Item Mengikut Sub Konstruk			
72		44	
116			

Setelah melalui proses perbincangan menerusi Kaedah Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) yang melibatkan beberapa orang pakar bidang linguistik, maka item-item telah berkurang daripada 116 item kepada lapan item sahaja hasil daripada pertimbangan item-item yang paling mengukur objektif yang ingin diukur dalam kajian ini.


Kemudian, proses kesahan instrumen dijalankan dengan mengimplimentasikan kaedah *Fuzzy Delphy*. Proses ini melibatkan 11 orang pakar daripada pelbagai bidang daripada pelbagai institusi. Berikut merupakan demografi pakar yang terlibat dengan kesahan instrumen yang dijalankan:

Jadual 2 Demografi Pakar Kaedah Fuzzy Delphy

Bidang Kepakaran	Institusi	Jawatan
Bahasa Arab	IPTA	Pensyarah Kanan
	IPTS	Pensyarah
	IPTA	Guru Bahasa
	IPTA	Profesor Madya
	IPTA	Pensyarah Kanan
Dakwah	IPTA	Profesor Madya
	Pengamal Bertauliah	Pendakwah Bertauliah
	IPTA	Pensyarah Kanan
	Industri/NGO	Presiden Persatuan Pendakwah

Psikometrik	IPTA	Profesor Madya
Pembangunan Instrumen	IPTA	Profesor Madya

Berikut merupakan ringkasan perubahan bilangan item instrumen kajian ini.



Rajah 2  
Perubahan Bilangan Item Sehingga Kajian Rintis

## Dapatan Kajian

### Kesahan Instrumen

Bagi menilai sejauh mana item-item yang dibangunkan dapat mengukur pembolehubah yang ingin diukur, maka proses kesahan instrumen perlu dijalankan. Antara jenis kesahan yang boleh dijalankan berdasarkan pengkaji lampau ialah kesahan muka (Chua 2020; Ananda 2009), kesahan kandungan (Chua 2020; Ananda 2009; Fraenkel & Wallen 1996), kesahan konstruk (Chua 2020; Ananda 2009; Fraenkel & Wallen 1996), kesahan menumpu (Ananda 2009), kesahan diskriminan (Ananda 2009), kesahan hubungan kriteria (Chua 2020; Ananda 2009; Fraenkel & Wallen 1996), kesahan ramalan (Ananda 2009; Fraenkel & Wallen 1996), kesahan serentak (Ananda 2009; Fraenkel & Wallen 1996), kesahan dalaman (Chua 2020), dan kesahan luaran (Chua 2020).

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini hanya menjalankan kesahan kandungan dan kesahan muka yang mana dilihat sudah mencukupi untuk nilai kejituan item instrumen bagi mengukur aspek keterlibatan diri pendakwah dalam penggunaan media massa bahasa Arab. Kesahan kandungan instrumen yang telah dinilai oleh 11 orang pakar bidang menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphy* ini melibatkan penilaian kandungan item-item soalan yang dibina untuk menilai sejauh mana item-item instrumen telah mewakili aspek yang diuji dan item yang menepati bidang kajian yang dikaji.

Semasa menjalankan kaedah Fuzzy Delphy, para penilai dibentangkan tentang latar belakang kajian dan tatacara kaedah Fuzzy delphy yang akan digunakan. Setelah itu, proses perbincangan pakar berlangsung. Para penilai diberikan masa selama beberapa hari selepas hari perbincangan untuk menjalankan penilaian item kajian dengan menggunakan pelantar *Google Form*. Hasil yang diperolehi mendapati kesemua item dipersetujui oleh majoriti panel pakar yang terlibat.

Setelah memperoleh dapatan daripada penilaian Fuzzy Delphy, item instrumen telah melalui proses pemurnian penyelia. Hasil perbincangan dan pertimbangan, kajian mendapati tiga item perlu

ditambah untuk memastikan keterlibatan diri pendakwah dalam penggunaan media massa diuji secara menyeluruh.

Sebelum menjalankan ujian rintis, kesahan muka telah dijalankan oleh tiga orang pakar. Kesahan muka dijalankan untuk mengesahkan bahawa item-item dibina mewakili konstruk yang diukur termasuk ketepatan penggunaan bahasa, ejaan frasa ayat dan lain-lain (Ghazali & Sufean, 2021). Hasil dapatan menunjukkan ketiga-tiga panel penilai bersetuju dengan draf instrumen dan kesemua item keterlibatan diri media massa bahasa Arab yang akan diedarkan kepada responden. Berikut merupakan senarai akhir item untuk kajian rintis:

Jadual 3 Senarai Item Kajian Rintis

BIL	ITEM
A51	Saya berinisiatif merujuk video Arab menerusi media sosial untuk mengikuti perkembangan semasa
A52	Saya berinisiatif merujuk teks Arab menerusi media sosial untuk memahami perkembangan semasa.
A53	Saya berinisiatif merujuk teks Arab di media cetak bagi memahami perbincangan perkembangan semasa
A54	Saya berinisiatif merujuk laman sesawang berautoriti dalam bahasa Arab untuk mengikuti perbahasan agama.
A55	Saya berinisiatif memuat naik hantaran (posting) ringkas ke media sosial dalam bahasa Arab.
A56	Saya berinisiatif memberi respons kepada isu semasa di media massa dalam bahasa Arab.
A57	Saya berinisiatif melontarkan isu baharu di media massa dalam bahasa Arab.

### Kebolehpercayaan Instrumen

Proses analisis kebolehpercayaan instrumen dilihat penting untuk mengenal pasti sejauh mana skor-skor yang diperolehi dalam setiap item bersifat konsisten atau stabil apabila diuji berulang kali. Menurut Roid dan Haladyna (1982), Gay (1992), Coakes dan Steed (2001) terdapat beberapa cara untuk menguji darjah kebolehpercayaan item iaitu dengan uji dan uji semula kebolehpercayaan (Test-Retest Reliability), kebolehpercayaan setara (Equivalent-Form Reliability) dan ketekalan dalaman (Internal Consistency) (Ghazali & Sufean, 2021).

Kebiasaannya, kebanyakan penyelidik menggunakan nilai Cronbach's Alpha dalam mengukur kebolehpercayaan item-item soal selidik dengan menggunakan 5 skala persetujuan. Jika nilai Cronbach Alpha yang diperolehi tinggi, maka item-item yang terkandung dalam konstruk yang diukur mempunyai maksud dan nilai yang sama dalam menerangkan konstruk itemnya (Urbach, Smolnik & Riempp 2010). Antara rasional pemilihan nilai Cronbach's Alpha dalam menilai kebolehpercayaan item menurut Ghazali & Sufean (2021) adalah untuk;

- i. Menentukan ketekalan dalaman sesuatu konstruk (pembolehubah utama) item dan sesuatu indikator (pembolehubah kecil) dalam subitem,
- ii. Menetapkan item-item yang berbentuk aneka pilihan jawapan ialah item yang diberi nilai 3 atau lebih poin (bukan untuk dichotomous item),

- iii. Mengira pekali kebolehpercayaan bagi data yang dipungut secara kesempatan tunggal (single occasion) atau pungutan data secara keratan rentas (cross-sectional) dalam kajian tinjauan.

Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian *XLSTAT Statistical And Data Analysis Solution* (Lumivero 2024). Jadual 1.0 menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* yang diperoleh bagi item-item keterlibatan diri pendakwah muda dalam penglibatan media massa bahasa Arab iaitu 0.88 dengan bilangan keseluruhan item sebanyak tujuh. Berdasarkan nilai Cronbach's Alpha yang diperoleh, item-item instrumen kajian ini dianggap boleh diterima ketekalan dan kebolehpercayaannya kerana nilainya melebihi nilai 0.60. Hal ini selari dengan pandangan Majid Konting (1993) dan Nunally dan Bernstein (1994) bagi nilai yang diterima untuk Cronbach's Alpha dalam penyelidikan sains sosial (Ghazali & Sufean, 2021).

Jadual 1.0 Output *Cronbach's Alpha*

<i>Cronbach's Alpha</i>	<i>Standardized Cronbach's Alpha</i>	Bilangan Item
0.877	0.862	7

## Kesimpulan

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam instrumen soal selidik keterlibatan diri pendakwah dalam penggunaan media massa bahasa Arab. Instrumen ini dibangunkan berdasarkan rujukan *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)* dan instrumen kajian Philp dan Duchesne (2016). Kajian ini merupakan satu kajian rintis dan hanya melibatkan 32 sampel yang terdiri daripada pelajar jurusan dakwah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Analisis ujian kebolehpercayaan yang telah dilakukan menunjukkan nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi instrumen ini adalah 0.88. Ini menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima kerana nilai minimum bagi kebolehpercayaan instrumen untuk kajian sains sosial ialah 0.60 (Majid Konting, 1993; Nunally & Bernstein, 1994) dan kesemua item dalam soal selidik ini sesuai digunakan dalam kajian yang dijalankan.

Kajian ini mempunyai beberapa kelemahan, responden kajian hanya terdiri daripada pelajar jurusan dakwah di Universiti Kebangsaan Malaysia sahaja dengan jumlah populasi yang kecil, maka bilangan responden juga terhad memandangkan kajian ini merupakan satu kajian rintis. Oleh itu, kajian pada masa akan datang patut diteruskan kepada semua para pelajar jurusan dakwah sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta secara meluas supaya pengumpulan data dapat dijalankan dengan lebih optimum dan dapatan yang diperoleh boleh digeneralisasikan untuk satu-satu populasi yang disasarkan iaitu pelajar jurusan dakwah di Malaysia.

Diharapkan instrumen ini dapat memberi manfaat kepada para pendakwah muda, jabatan dakwah di universiti dan organisasi pengkaderan dakwah bagi mendapatkan gambaran awal tentang tahap keterlibatan pendakwah muda dalam penggunaan media massa bahasa Arab di samping dapatannya dapat menjadi rujukan untuk mencari solusi paling ampuh bagi menyelesaikan isu yang dihadapi oleh para pendakwah muda.

## Rujukan

Al-Quran

- Ananda Kumar Palaniappan (2009). *Penyelidikan dan SPSS (SPAW)*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw (2020). *Mastering Research Method*. Kuala Lumpur : Mc Graw-Hill Education (M) Sdn. Bhd.
- Coakes, J.S., & Steed, G.L. (2001). SPPS: Analysis Without Anguish”.Version 11 for Windows. pp.1-162.
- Cochrane, A. (2007). *Understanding Urban Policy: A Critical Approach*. Malden, MA: Blackwell Publishing.
- Cooper, D. R., dan Schindler, P. S. 2011. *Business Research Methods*. Singapore: The McGraw-Hill Companies, Inc.
- Fraenkel, J. R. & Wallen, E. N. (1996). *How to Design and Evaluate Research*. United State of America: Mc Graw-Hill, Inc.
- Gay, L. R. (1992). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. (4th ed) Maxwell Macmillan International Edition, New York: Maxwell Macmillan Publishing Company.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Lumivero (2024). XLSTAT statistical and data analysis solution. <https://www.xlstat.com/en>.
- Miller. A.L., McIntre, A.S., & Lovler, L.R. (2013). *Foundations of Psychological Testing: Practical Approach* (4th Ed.). California: SAGE Publications.
- Mohd Shobi Ishak, Wan Amizah Wan Mahmud, Faridah Ibrahim, Samsudin A. Rahim dan Normah Mustafa (pnyt). (2011). Kredibiliti Maklumat Sebagai Faktor Antecedent yang Mempengaruhi Tanggapan Pengguna dalam Model Penerimaan Maklumat Berkaitan Islam di Internet. Bangi: UKM.
- Mohd. Majid Konting. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, (2nd Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nunally, J. C. & Bernstein, I. H. (Bern). (1994). *Psychometric Theory* (3rd Ed.). New York : Mc Graw-Hill
- Philp, J. & Duchesne, S. (2016). Exploring engagement in tasks in the language classroom. Annual Review of Applied Linguistics, 36 50-72
- Roid, G.H., & Haladyna, Th.M. (1982). *A Technology for Test-Item Writing*. Oriando: Academic Press, Inc.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Irma Wani Othman, & Mohd Maziz al Hadi Moharam. (2021). Prospek Dan Cabaran Implementasi Dakwah Dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. *5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD)* (pp. 408-418). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Urbach, N., Smolnik, S., & Riempp, G., (2010). An Empirical Investigation of Employee Portal Success. *Journal of Strategic Information Systems*. 19(3). Vol. 19 (3). (pp. 184-206).
- Zulkiple Abd Ghani. (2002). Cabaran Dakwah di Era Siber. *Jurnal Usuluddin*, 15: 133-142.

## **BAB 9**

### **TAHAP EFIKASI KENDIRI AKADEMIK PELAJAR TIADA ASAS DI DALAM KELAS PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

Hairun Najuwah Jamali<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

#### **Pendahuluan**

Pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati memerlukan dorongan psikologi yang tinggi dalam diri individu terutamanya pelajar yang tiada asas dalam bahasa ini. Antara elemen psikologi ini ialah efikasi sendiri. Efikasi sendiri merupakan satu persepsi atau tanggapan akan kebolehan serta keupayaan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas yang digalas dengan berkesan (S. Khadijah & Khadijah, 2022). Tahap efikasi sendiri memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa Arab. Tanpa keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan diri sendiri, para pelajar akan menghadapi kesulitan dalam suasana mempelajari bahasa ini di dalam kelas pembelajaran. Dalam aspek akademik, efikasi sendiri ditakrifkan sebagai efikasi sendiri akademik (EKA) yang membawa pengertian bahawa kepercayaan pelajar terhadap keupayaan sendiri untuk berjaya mencapai matlamat kejayaan akademik (Elias & MacDonald, 2007).

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas, keberkesanan seseorang pelajar boleh dipengaruhi oleh tahap efikasi sendiri akademik mereka. Efikasi sendiri merujuk kepada keyakinan seseorang terhadap kemampuan diri sendiri untuk mencapai matlamat akademik tertentu. Dalam konteks ini, kajian bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana tahap efikasi sendiri akademik pelajar tiada asas bahasa Arab ketika pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas. Keupayaan pelajar untuk memahami, berinteraksi, dan mengekalkan pengetahuan bahasa Arab mungkin dipengaruhi oleh keyakinan mereka terhadap kemampuan diri mereka sendiri.

Melalui penelitian kajian ini, akan diketahui tahap efikasi sendiri mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi pandangan yang lebih mendalam mengenai pentingnya efikasi sendiri dalam konteks pembelajaran bahasa, khususnya bahasa Arab dalam kalangan pelajar tiada asas.

## **Latar Belakang Kajian**

Kedudukan bahasa Arab dalam konteks pendidikan bahasa di Malaysia adalah sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Adalah menjadi satu kelebihan kepada pelajar yang mempelajarinya dalam apa jua peringkat pengajian sama ada di peringkat rendah, menengah atau Institut Pengajian Tinggi (IPT). Memahami dan menguasai bahasa Arab bukan sahaja penting dalam aspek komunikasi bahasa tetapi juga dalam aspek akademik. Oleh itu, kursus bahasa Arab merupakan salah satu kursus wajib di kebanyakan Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia.

Kursus bahasa ini merentas semua program pengajian sama ada program pengkhususan Pengajian Islam atau bukan Pengajian Islam. Bagi pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab sebelum melanjutkan pengajian ke IPTI, menghadiri kelas pembelajaran bahasa Arab pastinya tidak menghadapi kesulitan berbanding mereka yang kurang atau tiada asas bahasa tersebut. Hasil kajian Fadzil et al, (2023) menunjukkan bahawa nilai min pelajar yang pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki KUIPs mempunyai tahap dorongan yang lebih tinggi iaitu 4.3050 berbanding dengan pelajar yang belum pernah mempelajari bahasa Arab dengan nilai min 3.7479.

Bagi pelajar yang tiada asas bahasa Arab, mereka tentunya menghadapi beberapa cabaran ketika berada di dalam kelas pembelajaran bahasa Arab. Antara yang utama ialah kesediaan mental untuk menghadapi cabaran dan ketidakselesaan semasa proses pembelajaran. Pelajar yang tiada asas mungkin menghadapi tekanan tambahan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran yang baharu. Hal ini akan mempengaruhi psikologi pelajar dan penurunan motivasi kerana tidak dapat mengikuti pelajaran sebagaimana rakan lain yang mempunyai asas bahasa Arab. Selain itu, struktur bahasa Arab yang unik dan kompleks, sistem tatabahasa yang berbeza dengan bahasa lain juga akan mempengaruhi jangka masa pelajar tiada asas untuk lebih memahami bahasa tersebut.

Elemen efikasi sendiri ini berkait rapat dengan dorongan motivasi. Ersanli (2015) menyatakan kedua-dua motivasi dan efikasi sendiri adalah daya penggerak yang membuatkan seseorang mengejar matlamat dan dapat mengatasi halangan kerana orang yang mempunyai momentum motivasi dan efikasi sendiri yang lebih tinggi. Mereka akan melakukannya dengan baik dan tidak mudah berputus asa apabila berhadapan dengan kesukaran.

Lantaran itu, kajian ini dilaksanakan bagi memahami lebih mendalam tahap efikasi sendiri akademik pelajar tiada asas dalam kelas pembelajaran bahasa Arab. Malah kajian ini dapat membantu bagi meneliti hubungan di antara tahap efikasi sendiri dengan pencapaian akademik pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kepentingan efikasi sendiri dalam konteks pembelajaran bahasa asing khususnya bahasa Arab.

## **Perbincangan Literatur**

Teori efikasi sendiri merupakan konstruk teori kognitif sosial yang dipelopori oleh Bandura (1986). Beliau menyatakan efikasi sendiri memberikan kesan kepada motivasi individu dan mendefinisikan efikasi sendiri sebagai kemampuan diri seseorang dalam melakukan tugas atau tindakan yang diperlukan individu. Efikasi sendiri mempengaruhi pilihan dan usaha yang dilakukan

serta ketabahan hati seseorang individu dalam mengatasi cabaran, tekanan dan kebimbangan (Pajares, 1997). Efikasi sendiri merupakan komponen utama dalam mempengaruhi sendiri individu dalam mempertimbang, mengatur dan melaksanakan tindakan bagi mencapai kejayaan yang diingini (Bandura, 1997).

Kajian berkaitan efikasi sendiri akademik (EKA) telah banyak dilaksanakan dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan antara EKA dan prestasi akademik yang dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu personaliti, pencapaian yang lalu dan strategi pembelajaran kawal selia sendiri (Honicke, T., & Broadbent, J. (2016). Dapatan kajian yang lalu berkaitan akademik pelajar menunjukkan bahawa pertimbangan pelajar terhadap keupayaan akademik mereka sendiri atau kepercayaan keupayaan diri mempengaruhi tingkah laku dan prestasi akademik mereka (Torres & Alieto, 2019).

Menurut Ersanli (2015), penyelidik seperti Pajares (1996), Jackson (2002), Ching (2002), Margolis dan McCabe (2003) bersetuju dengan idea bahawa individu yang menganggap diri mereka mampu dalam tugas tertentu mungkin melibatkan diri dengan lebih baik apabila mereka tidak merasakan diri mereka cukup cekap. Oleh itu, tahap efikasi sendiri yang lebih tinggi akan membawa kepada kegigihan pelajar terhadap tugas untuk mengatasi kesukaran. Kajian telah menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang lebih tinggi cenderung mempunyai lebih banyak kejayaan dalam pembelajaran bahasa kedua (Torres & Alieto, 2019). Sebagai contoh, kajian secara empirikal dalam bidang bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, dalam tempoh 10 tahun mendapati bahawa pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi telah menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam akademik, menggunakan lebih banyak strategi pembelajaran dan mengekalkan ciri-ciri yang sihat (Tsao, 2017).

Kajian berkaitan efikasi sendiri pelajar dalam bidang bahasa Arab juga telah dilaksanakan oleh beberapa pengkaji. Kajian tersebut ialah Nor Hashimah (2017), Nadiah (2016), Nik Hannan et al. (2013) dan Mohamad Azrien & Zamri (2011). Kajian-kajian tersebut telah dijalankan dengan menumpukan populasi kajian kepada pelajar yang mengambil jurusan pengajian Islam. Rentetan daripada tinjauan yang dijalankan mendapati tumpuan kajian efikasi sendiri yang telah dijalankan adalah terhadap pelajar yang ada asas bahasa Arab dan bersifat khusus.

Kajian Nor Hashimah (2017) berkaitan efikasi sendiri dalam kemahiran membaca bahasa Arab dan kajian Nadiah (2016) berkaitan kemahiran bertutur bahasa Arab. Manakala kajian Nik Hannan et al. (2013) berkaitan dengan tahap efikasi sendiri pelajar dalam pembelajaran empat kemahiran asas bahasa Arab iaitu kemahiran membaca, menulis dan tatabahasa Arab. Justeru pengkaji merasakan perlu kepada kajian terhadap kumpulan pelajar yang tiada asas bahasa Arab bagi mengetahui sejauh mana tahap efikasi sendiri mereka di dalam kelas pembelajaran bahasa Arab.

Kajian-kajian tersebut merupakan kajian kuantitatif yang mendapati bahawa persepsi dan tahap efikasi sendiri pelajar yang ada asas bahasa Arab masih di tahap sederhana rendah. Oleh itu, dapatan ini selari dengan dapatan-dapatan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Arab pelajar di peringkat IPT masih berada di tahap kurang memuaskan (Rosni et al. (2020). Tidak dapat dinafikan bahawa tahap pencapaian pelajar dalam menguasai bahasa Arab mempunyai hubungan dengan efikasi sendiri. Efikasi sendiri yang tinggi akan mempengaruhi pencapaian bahasa Arab pelajar dengan lebih baik.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dinyatakan, pengkaji mendapati kajian efikasi sendiri akademik pelajar tiada asas bahasa Arab di dalam kelas pembelajaran di IPTI masih kurang dikaji.



Pengkaji optimis terdapat ruang yang perlu ditambah baik dalam kajian efikasi sendiri yang telah dijalankan seperti menumpukan fokus kajian kepada pelajar tiada asas bahasa Arab. Sudah pasti dapatan kajian seperti ini dapat membantu mereka dalam meningkatkan efikasi sendiri akademik seterusnya membantu mereka menjalani pembelajaran bahasa Arab dengan lebih baik. Ia selaras dengan fungsi bahasa Arab itu sendiri yang menjadi *niche* atau bidang utama di IPTI.

### Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri akademik pelajar tiada asas di dalam kelas pembelajaran bahasa Arab di Universiti Islam Selangor (UIS).

### Metodologi Kajian

Kajian ini berasaskan pendekatan kuantitatif secara soal selidik. Responden terdiri daripada pelajar diploma di Universiti Islam Selangor (UIS) yang mendaftar kursus Al Arabiah Li Dirasat Islamiyyah II. Seramai 38 orang responden yang terlibat sebagai subjek kajian. Satu set soal selidik digunakan yang diadaptasi daripada instrumen kajian Self-Efficacy Questionnaire for Children (SEQ-C). Instrumen ini telah digunakan dalam kajian Syarinah et al. (2022). Terdapat dua bahagian di dalam borang soal selidik ini iaitu demografi dan tahap efikasi sendiri akademik. Aplikasi *Google Form* digunakan dalam menghasilkan borang soal selidik dan disebarkan kepada responden menggunakan pautan aplikasi *Whatsapp*. Item-item soal selidik ini dijawab dengan menanda unit pada skala Likert 4 poin yang telah ditetapkan iaitu (1) tidak setuju, (2) kurang setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju (Sugiyono, 2018). Item-item soal selidik ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri akademik pelajar tiada asas di dalam kelas pembelajaran bahasa Arab di Universiti Islam Selangor. Soal selidik ini disebarkan kepada pelajar selepas mereka menamatkan pembelajaran bahasa Arab dalam semester kedua peringkat diploma. Interpretasi skor min adalah merujuk kepada cadangan yang dikemukakan oleh Riduwan (2012) Skala Pengukuran Variable-variable: Penelitian. Alfabeta, Bandung, pada Jadual 1.

**Jadual 1 : Interpretasi Skor Min Skala Likert Empat Mata**

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 1.50	Sangat Rendah
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.00	Tinggi

Sumber: Riduwan (2012) *Skala Pengukuran Variable-variable: Penelitian*. Alfabeta, Bandung

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil dapatan kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu maklumat demografi responden, dan analisis tahap efikasi sendiri akademik. Jadual 1 menunjukkan hasil demografi responden seramai 38 orang. Seterusnya diikuti dengan jadual 2 menunjukkan analisis bagi objektif kajian ini.

**Jadual 2 Demografi Responden**

Demografi Responden	Jumlah responden (N: 38)	
	N	%
<b>IPTA/IPTS</b>		
KUIS	38	100.0
<b>Jantina</b>		
Lelaki	17	44.7
Perempuan	21	55.3
<b>Program Pengajian</b>		
Diploma	38	100.0
<b>Tahun Pengajian</b>		
Tahun 1	38	100.0
<b>Tahap Penguasaan Bahasa Arab</b>		
Sangat baik	3	5.3
Baik	16	52.6
Sederhana	37	36.8
Lemah	9	2.6
Sangat lemah	2	2.6

Berdasarkan jadual 2, responden adalah pelajar tahun 1 semester 2 iaitu seramai 38 orang. Mereka adalah pelajar program Diploma di Universiti Islam Selangor (UIS). 44.7% adalah pelajar lelaki dan 55.3% adalah pelajar perempuan. Dari segi tahap penguasaan bahasa, majoriti mengakui bahawa penguasaan bahasa Arab mereka adalah pada tahap baik iaitu 52.6%. Manakala 36.8% pada tahap yang sederhana, 5.3% pada tahap sangat baik, 2.6% pada tahap lemah dan 2.6% pada tahap sangat lemah. Berdasarkan maklumat ini, majoriti pelajar memilih penguasaan bahasa Arab di tahap yang baik mungkin disebabkan telah mempelajari kursus bahasa Arab pada tahap pertama semester pertama. Selain itu, mereka memberi maklum balas soal selidik yang diedarkan setelah melalui sesi pembelajaran bahasa Arab semester kedua. Oleh itu, tahap penguasaan mereka adalah lebih baik berbanding di peringkat permulaan semester pertama sebelum ini.

Jadual 1 Tahap Efikasi Kendiri Akademik

Penyataan/Item	Min	SP	Interpretasi
B1. Saya meminta bantuan jika mengalami masalah dalam tugas.	3.42	.500	Sederhana
B2. Saya boleh memberikan tumpuan di dalam kelas walaupun ada perkara yang lebih menarik perhatian.	3.03	.492	Sederhana
B3. Saya memahami bab yang masuk dalam ujian.	3.08	.673	Sederhana
B4. Saya berjaya menghabiskan tugas yang diberikan mengikut tempoh yang ditetapkan.	3.31	.577	Sederhana
B5. Saya memberi perhatian di dalam kelas setiap hari.	2.95	.492	Sederhana
B6. Saya berjaya memahami kesemua subjek yang diambil.	2.76	.714	Sederhana
B7. Saya berjaya meyakinkan ibu bapa dengan melakukan tugas yang diberikan dengan baik.	3.26	.644	Sederhana
B8. Saya yakin untuk berjaya lulus dalam peperiksaan.	3.39	.679	Sederhana
Keseluruhan	3.15	.596	Sederhana

Hasil dapatan pada Jadual 3 menghuraikan objektif kajian iaitu mengenal pasti tahap efikasi sendiri akademik pelajar tiada asas bahasa Arab yang menyumbang kepada tahap efikasi sendiri akademik ketika mereka berada di dalam kelas pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhannya responden mempunyai tahap efikasi sendiri yang masih sederhana. Butiran bagi analisis efikasi sendiri akademik menunjukkan kesemua item memperoleh nilai skor min antara 2.76 hingga 3.42 iaitu merujuk kepada min sederhana. Item B1 *saya meminta bantuan jika mengalami masalah dalam tugas* mendapat skor min yang sederhana tinggi iaitu 3.42. Manakala item B6 *saya berjaya memahami kesemua subjek yang diambil* mendapat skor min yang sederhana rendah iaitu 2.76.

Item B1 dilihat sebagai faktor penggerak utama dalam efikasi sendiri responden kajian. Sokongan daripada pensyarah dan rakan dalam mendepani cabaran melaksanakan tugas bahasa Arab dalam kalangan pelajar tiada asas adalah penting. Selain itu, elemen dorongan motivasi dalam diri responden yang diwakili oleh item B8 (min 3.39) juga merupakan salah satu faktor yang boleh meningkatkan efikasi sendiri akademik mereka. Manakala item B4 (min 3.31) menunjukkan bahawa responden mempunyai daya usaha bagi melaksanakan tugas kursus bahasa Arab dengan baik. Item ini secara langsung menggambarkan bahawa responden mempunyai efikasi sendiri akademik yang baik, namun perlu dipupuk agar boleh ditingkatkan lagi dari masa ke masa. Faktor dorongan keluarga yang diwakili item B7 (min 3.26) turut menyumbang kepada peningkatan efikasi sendiri akademik responden. Item ini boleh dikatakan sebagai satu keazaman responden yang perlu ditunjukkan kepada keluarganya terutama ibu bapa bahawa mereka mempunyai kebolehan menyelesaikan tugas yang diberikan dengan baik.

Bagi item B5 (min 2.95) dan item B6 (min 2.76), pensyarah perlu lebih mengambil perhatian terhadap cara penyampaian pengajaran di dalam kelas agar dapat meraih perhatian dan fokus pelajar.

Kedua-dua item ini amat berkait rapat dengan pengajaran pensyarah ketika menyampaikan isi kandungan pembelajaran di dalam kelas. Pensyarah juga perlu mempunyai efikasi sendiri yang tinggi agar dapat membantu meningkatkan efikasi sendiri akademik pelajar di dalam kelas. Tanpa keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan diri sendiri, pensyarah akan menghadapi kesulitan dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif serta berimpak tinggi dalam kalangan pelajar di dalam kelas. Secara tidak langsung menjadikan pelajar tidak fokus serta berasa bosan terhadap aktiviti pembelajaran yang dijalankan oleh pensyarah (S. Khadijah & Khadijah, 2022).

